

Jilid IV
No. 44



Hari Ithnin
26hb Februari, 1968

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
6437]**

USUL—

Anggaran Pembangunan, 1968—

Jawatan-kuasa—

Kepala² 106, 107, 109, 110 dan 111 [Ruangan 6443]

**Kepala² 112, 113, 114, 115, 116 dan 126 [Ruangan
6484]**

Kepala 117 [Ruangan 6551]

Kepala² 119, 120 dan 121 [Ruangan 6558]

Kepala 122 [Ruangan 6569]

UCHAPAN PENANGGOHAN—

**Tudohan Parti Perikatan kapada S.U.P.P. sa-bagai Parti
Kominis [Ruangan 6573]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Ithnin, 26hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

„ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

„ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN
BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasar Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN HAJI SULBIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

„ TUAN YEH PAO TZE (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENUBOHKAN JABATAN PERI- KANAN DALAM FAKULTI SAINS DI-UNIVERSITI MALAYA

1. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan sa-buah Jabatan Perikanan dalam Fakulti Sains di-Universiti Malaya, jika ya, bila, jika tidak kenapa.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Universiti Malaya tidak ada ranchangan² untuk menubuhkan Jabatan itu. Akan tetapi, pembiakan serta pengurusan ikan ayer tawar ada-lah di-ajar sa-bagai sa-bahagian daripada kursus pertanian kepada penuntut² Pertanian tahun ketiga dan tahun akhir.

Fakulti Pertanian akan menubuhkan sa-buah bahagian pengajaran dan Penyelidikan dalam bahagian pengurusan ikan ayer tawar. Kursus ini apabila di-adakan kelak boleh di-ikuti oleh penuntut² pertanian tahun akhir untuk pengajian khas.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, would the Assistant Minister of Education recommend the setting up of a training college for training pilots and navigators in respect of maritime lights?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan di-hubungkan kepada Kementerian yang berkenaan dan ada-lah di-ambil perhatian.

RANCHANGAN RUMAH MURAH DI-SELUROH MALAYSIA— BILANGAN UNIT, PESERTA, DAN SA-BAGAI-NYA

2. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

(a) berapa-kah bilangan unit ranchangan rumah murah yang

sudah di-jalankan hingga seka-rang di-seluruh Malaysia dan berapa buah negeri yang telah menerima ranchangan tersebut dengan menyatakan Negeri² itu satu persatu-nya;

- (b) berapa jumlah ra'ayat yang telah menerima pembahagian rumah² murah itu;
- (c) berapa buah unit rumah² murah yang telah di-utuskan kepada orang² Melayu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):

Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah² murah yang telah siap dan juga sedang dalam pembenaan sekarang yang di-selenggarakan oleh Kementerian ini semenjak ia-nya di-tubuhkan dalam tahun 1964 sa-hingga hari ini ada-lah berjumlah 33,484 buah dan Negeri² yang menerima ranchangan² rumah murah ini ada-lah saperti berikut:

Perlis	300	yunit
Kedah	2,599	"
Perak	1,929	"
Pulau Pinang	6,499	"
Selangor	1,497	"
Negeri Sembilan	1,348	"
Melaka	677	"
Johor	1,945	"
Pahang	342	"
Trengganu	467	"
Kelantan	282	"
Sabah	620	"
Sarawak	348	"
Ibu Kota Kuala Lumpur	14,631	"
Jumlah	33,484	yunit

Angka di-atas ini tidak-lah termasuk projek² perumahan yang di-selenggarakan oleh pihak lain saperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, MARA, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, dan sa-bagai-nya dan juga yang di-selenggarakan oleh Kerajaan² Negeri, dan Penguasa² Tempatan yang menggunakan peruntukan wang mereka sendiri.

Semenjak tahun 1964 sa-hingga hari ini sa-banyak 6,293 buah rumah yang di-kelolakan oleh Kerajaan Persekutuan telah di-bahagi²kan dengan mengambil perkiraan atau pun pukul rata 6 orang

bagi sa-buah rumah, maka boleh di-katakan dengan sa-chara kasar ia-itu sa-ramai 37,758 telah di-tempatkan dalam rumah² itu. Angka ini tidak-lah termasuk rumah² yang di-bahagi²kan kapada oleh Badan² lain sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi.

Oleh kerana pembahagian rumah² itu di-jalankan oleh Kerajaan² Negeri, maka tidak-lah mungkin mendapatkan maklumat² yang di-kehendaki dalam bahagian (C) soalan-nya itu untuk di-berikan kapada Ahli Yang Berhormat sekarang ini. Walau bagaimana pun untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan Negeri ada-lah di-perlu-kan mematohi peratoran pembahagian rumah² yang telah di-tetapkan oleh Kementerian ini supaya menjamin yang tiap² kaum itu di-beri quota rumah² yang saksama untuk satu² ranchangan. Dengan sa-chara rengkas-nya peratoran pembahagian rumah² itu ia-lah tiap² kaum itu umpama-nya kaum China, kaum Melayu, Kaum India dan sa-bagai-nya di-berikan quota dalam satu ranchangan itu mengikut kadar bilangan permohonan² yang layak yang di-terima daripada kaum tersebut. Jika di-kehendaki saya bersedia mengedar-kan satu salinan arahan² yang di-keluarkan oleh Kementerian ini men-genaï perkara ini kapada Ahli Yang Berhormat, Patut juga di-sebutkan di-sini ia-itu ada beberapa ranchangan rumah murah yang telah di-bena ter-dahulu di-dalam kawasan tanah Sim-panan Melayu dan tanah² wakaf. Di-dalam kawasan² yang demikian pembahagian rumah² itu di-khaskan kapada orang² Melayu sahaja di-sebab-kan larangan yang termaktub di-dalam Undang² yang tidak membenarkan orang² bukan Melayu memileki.

SEKOLAH PERIKANAN, PULAU PINANG

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama :

- (a) apa-kah langkah yang di-ambil oleh Sekolah Perikanan di-Pulau Pinang untuk melateh nelayan² kita dalam hal menangkap ikan dengan chara² yang moden;

- (b) ada-kah benar sekolah ini hanya mengajar chara² menangkap udang dan menternak-nya sahaja.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, pengetahuan² chara perusahaan perikanan moden membabitkan di-antara ranchangan pengetahuan pelayaran dan penjagaan dan penyelenggaraan enjen² bot. Kesemua perengkat ini adalah sa-bahagian daripada jadual pelajaran Sekolah Perikanan Laut, Pulau Pinang. Sa-lain daripada itu chara² yang moden menangkap ikan saperti memukat tunda, pukat jerot, pukat hanyut, ada-lah juga di-ajar di-sekolah ini. Kira² lima bulan dari masa, kerana kursus latehan lebih 10 bulan itu, ada-lah di-untokkan kepada memberi latehan dalam chara menangkap ikan.

Kapada soalan yang kedua, tidak benar.

PENYELIDEKAN TENTANG PERGERAKAN IKAN, ARUS LAUT, TEMPAT SESUAI, UNTUK PENANGKAPAN IKAN DENGAN MENGGUNAKAN PUKAT TUNDA

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama:

- (a) berapa-kah tempat yang telah di-siasat oleh Pihak Kementerian ini di-dapati sesuai untuk menangkap ikan dengan menggunakan pukat tunda;
- (b) ada-kah nelayan² kita di-ajar tentang pergerakan ikan (imigration) dan juga arus laut (ocean current) yang memainkan peranan penting dalam penangkapan ikan dengan menggunakan pukat tunda ini.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, seluruh laut Pantai Timor Malaysia Barat telah di-siasat dalam satu penyelidikan bersama, ia-itu di-antara Thai-Malaysia di-dalam tahun 1967. Tempat² yang sesuai untuk memukat tunda telah di-tanda untuk di-usahakan. Sa-lain dari itu penyelidikan

menggunakan pukat tunda telah juga di-usahakan di-perayeran Barat Laut Malaysia, ia-itu berdekatan dengan Pulau Pinang dan Pulau Langkawi dan juga di-perayeran Negri Sembilan dan Melaka.

Kapada soalan yang kedua, tidak. Untuk ma'aluman arus lautan tidak memainkan peranan penting kapada pukat tunda, dan yang kedua-nya ikan lautan dalam yang di-pukat tiada banyak pindah jauh.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, have the currents and the fish migration around the Gulf of Thailand resulted in the poor catch of the trawling experiment at Kota Bharu?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Kekurangan tangkapan ikan sa-masa ranchangan perintis di-Kota Bharu ialah dengan sebab gelora lautan ia-itu monsoon.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Speaker, Sir, can the poor result of trawling at Kota Bharu be attributed to the fact that the boat is undersized and in fact it does not exceed the 50 ton weight, and because of the instability it could not go beyond 12 miles off the shore of Kota Bharu?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Saya telah terangkan ia-itu perchobaan ini di-buat sa-masa monsoon, kerana kita hendak memperhatikan bagaimana penangkapan ikan sa-masa monsoon, jadi saya percaya sa-lepas daripada monsoon penangkapan ikan ada-lah baik di-kawasan² itu.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Speaker, Sir, can the poor catch or the poor result of trawling in that area be attributed to the fact that the fish caught was sold even before they were landed at the base?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambong sa-mula Perbahathan berhubung dengan Anggaran Pembangunan, 1968, dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis (24hb Februari, 1968).

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Pengerusi: Sa-belum saya menjemput Menteri membuat permulaan atas Kepala² kechil, saya suka memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat masa sudah suntok sangat dan jika perkara ini hendak di-habiskan, saya minta tolong-lah berchakap di-atas perkara² yang mustahak hendak di-chakapkan: mithal-nya, perkara² di-bawah Kepala², kalau tidak hendak di-kurangkan, biarkan sahaja-lah, sebab tidak boleh di-tambah. Jadi, kalau hendak di-sebut atau hendak apa² di-tegor, chuma tegor dengan sambil lalu dan sa-kejap masa—boleh. Kalau hendak buat ucapan saperti Meshuarat biasa, saya minta tolong-lah kita hadkan dahulu.

Kepala² 106, 107, 109, 110 dan 111—

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya akan kemukakan Kepala² 106, 107, 109, 110 dan 111 bersama².

Kepala 106, Pechahan-kepala 1, Perkhidmatan Bomba—\$350,000: Peruntokan sa-jumlah \$350,000 ada-lah di-sediakan bagi pembenaan peringkat pertama Sekolah Latehan Bomba Pusat yang baharu. Bangunan ini akan mengganti bangunan² sementara yang sekarang ini di-gunakan oleh Perkhidmatan Bomba, tetapi tidak ada kemudahan² chukup bagi tujuan² latehan. Sekolah latehan yang baharu ini akan mempunyai kemudahan² yang moden untuk melateh dengan sempurna kakitangan² Bomba dari seluruh negeri dalam menchegeh api.

Pechahan-kepala 2, Pemberian untok Projek² di-Kawasan² Bandar—\$300,000: Peruntokan sa-jumlah \$300,000 (peruntokan bagi 1967 ia-lah \$500,000) di-masokkan bagi tahun 1968 supaya membolehkan Kementerian ini membantu Penguasa² Tempatan membiayai projek² yang berguna dalam kawasan² bandar. Projek² ini biasa-nya ia-lah jalan² raya dan jambatan², parit² dan kehubong, dan masa menyambong bekalan letrik, membena pasar dan gerai, memperbaiki kemudahan² kesihatan awam, kemudahan² permainan, kemudahan² bekalan ayer, dewan² orang ramai dan lain² projek bagi memperbaiki bandar. Peruntokan ini ada-lah tambahan kapada \$200,000 yang di-masokkan dalam Anggaran Perbelanjaan biasa di-bawah perbelanjaan khas bagi tujuan² yang sama dalam kawasan Majlis² Tempatan.

Pechahan-kepala 4—Penyelidekan mengegai Ranchangan² Pengaliran Ayer dan Saloran najis—\$60,000:

Tuan Pengerusi: Saya minta ma'af, bukan kerana hendak mengganggu, tetapi Kepala² nombor berapa yang hendak di-bahathkan.

Tuan Khaw Kai-Boh: Kepala² 106, 107, 109, 110 dan 111. Kerajaan Federal telah meluluskan sa-jumlah \$200,000 sa-bagai charum untok menjalankan siasatan mengenai perojek² yang berikut:

- (1) Pengaliran ayer dalam kawasan Kuala Lumpur.
- (2) Sistem Saloran najis di-George Town Pulau Pinang.
- (3) Ranchangan saloran najis di-Klang.

Siasatan atas projek² ini sedang di-jalankan oleh para perunding ia-itu Consultant dari Canada. Perkhidmatan mereka ada-lah di-tanggong oleh Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo.

Kerajaan Federal amat berminat akan hasil penyiasatan atas projek² ini kerana ini ada berkenaan dengan usaha² Kerajaan hendak mendapatkan bantuan kewangan dari luar negeri bagi

melaksanakan projek² ini kelak. Peruntukan \$60,000 yang di-masokkan bagi tahun ini ia-lah baki dari \$200,000 yang di-kehendaki untuk penyelesaian penyiasatan itu.

Kepala 107, Pechahan-kepala 1—Ranchangan Rumah Murah—\$40,500,000: Sa-jumlah \$40,500,000 telah di-untokkan bagi ranchangan² rumah murah dalam tahun 1968. Peruntukan bagi tahun ini sungguh pun lebih dari tahun yang sudah² ada-lah perlu untuk membiayai pinjaman² bagi ranchangan² yang telah di-luluskan dan sedang di-bena dan juga bagi ranchangan² yang akan di-laksanakan pada tahun ini. Peruntukan ini mungkin tidak menchukupi oleh kerana dua ranchangan perumahan perkilangan, satu di-Pulau Pinang dan satu di-Kuala Lumpur yang berjumlah 7,000 unit akan hampir siap pada tahun ini. Ranchangan² ini sahaja akan menelan belanja sa-jumlah \$20 juta, dan peruntukan tambahan harus di-minta pada lewat tahun ini.

Pechahan-kepala 21, Pinjaman kepada Lembaga Perumahan, Sarawak—\$800,000: Pinjaman sa-jumlah \$3 juta telah di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama untuk membolehkan Kerajaan Negeri Sarawak menanam modal dalam Sharikat Pembangunan Perumahan Borneo Berhad, ia-itu Borneo Housing Development Ltd yang menjadi wakil Kerajaan Negeri Sarawak untuk membena rumah² di-negeri itu. Peruntukan \$800,000 akan di-sediakan bagi mengeluarkan pinjaman² dalam tahun ini.

Kepala 109, Majlis Bandar Raya George Town, Pulau Pinang: Pechahan-kepala 1—Tambahan kepada Saloran Najis Bandar George Town—\$500,000: Wang sa-jumlah \$500,000 ini ia-lah bayaran ke-tiga dari jumlah peruntukan \$2.5 juta untuk ranchangan sambongan saloran najis yang akan di-laksanakan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama dan tujuan²-nya ia-lah untuk mengadakan saloran² najis ka-kawasan² bandar yang belum ada saloran² tersebut. Harus juga di-nyatakan bahawa 60% dari kawasan Bandar Raya telah mempunyai saloran najis semenjak

ranchangan ini di-mulai lebih 30 tahun dahulu, dan tujuan yang akhir ia-lah bagi menyambong saloran² najis ka-tiap² jalan di-Bandar Raya.

Kepala 110—Ibu Kota Kuala Lumpur: Pechahan-kepala 1—Pejabat² Majlis Perbandaran \$1 juta: Chadangan ini ia-lah untuk pembenaan sa-buah bangunan pejabat bertingkat² bagi menempatkan semua Jabatan² Ibu Kota, Kuala Lumpur. Pada masa sekarang, Jabatan² itu ada-lah di-tumpangkan di-merata² tempat dan bangunan Pejabat Majlis Perbandaran bukan sahaja sudah lama tetapi juga padat. Peranchangan teliti bagi bangunan ini yang di-anggar akan berharga \$3 juta ada-lah pada peringkat akhir. Perbinchangan dengan pehak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan sa-keping tanah sedang berjalan dan suatu keputusan di-jangka akan dapat di-chapai dalam sedikit masa lagi. Dengan ada-nya peruntukan \$1 juta, ada-lah di-harapkan pehak Ibu Kota boleh mengambil tindakan supaya kerja bagi projek ini dapat di-mulakan pada tahun ini.

Pechahan-kepala 5, Memperbaiki Longkang² Besar—\$80,000: Tujuan projek ini ia-lah untuk memperbaiki sistem Longkang² Besar di-Kuala Lumpur bagi mengawasi banjir. Kerja² memperbaiki akan di-jalankan mengikut peringkat dan tiap² peringkat akan mengawasi banjir dalam satu² kawasan yang tertentu. Ranchangan ini ia-lah untuk mengawasi banjir dengan memperbaiki Pudu Cut seperti berikut:

- (a) Membena sa-mula dan membesarkan sa-belah atas anak Sungai Kerayong di-antara Jalan Peel dan Jalan Keretapi berhampiran dengan Jalan Chan Sow Lin. Kerja² di-peringkat ini telah pun selesai.
- (b) Pembenaan sa-mula Pudu Cut: peranchangan bagi kerja² dalam peringkat ini hampir selesai dan pekerjaan akan di-mulakan sa-baik² sahaja, kebenaran rasmi di-terima dari Kerajaan Negeri Selangor bagi menjalankan kerja atas tanah Kerajaan yang di-lalui oleh Pudu Cut; ada-lah di-jangka

di-bahagian besar dari kerja² ini dapat di-siapkan pada penghujung tahun 1968 dan sa-bahagian lagi akan di-siapkan pada awal tahun 1969.

Pechahan-kepala 7, Meluaskan Kawasan Penyaloran Najis—\$10.00 (peruntukan sharat): Projek ini bertujuan hendak meluaskan perkhidmatan ini ka-kawasan yang lebeh besar supaya banyak lagi rumah² di-Kuala Lumpur dapat di-sambongkan ka-saloran² besar. Sa-takat yang boleh perkhidmatan membuang najis dengan menggunakan tong akan di-berhentikan, khas-nya, di-kawasan² Sentol dan Setapak. Jika wang pinjaman yang di-kehendak itu dapat di-adakan oleh Kerajaan Federal, projek ini boleh di-mulakan pada tahun ini.

Pechahan-kepala 10—Memperbaiki Lampu² Jalan Raya—\$50,000: Ini adalah sambongan ranchangan hendak melengkapkan lampu² ka-jalan² yang sudah di-ambil aleh sa-bagai jalan² raya awam dan juga untuk memperbaiki lampu² di-jalan² yang kurang terang ka-taraf muta yang moden. Kerja² memperbaiki ada-lah di-teruskan sa-tiap masa mengikut kadar wang yang ada dan di-chadangkan supaya kerja² ini di-lanjutkan ka-dalam tahun 1968.

Kepala 111—Majlis Perbandaran Ipoh: Pechahan-kepala 1—Ranchangan Saloran Najis, Ipoh \$10 (peruntukan sharat): Ranchangan ini di-anggarkan akan berharga \$11 juta dan di-tunjokkan dalam Ranchangan Malaysia. Namun demikian oleh kerana keadaan kewangan, wang pinjaman tidak dapat di-adakan bagi projek tersebut pada tahun ini; sebab itu di-adakan peruntukan sharat \$10. Jika wang pinjaman dapat di-perolehi pada tahun ini ranchangan ini akan dapat di-mulakan.

Pechahan-kepala 2—Klinik Beranak dan Kebajikan Kanak²—\$100,000: Klinik ini sa-patut-nya di-siapkan dalam tahun 1967 akan tetapi oleh sebab masalah² yang di-hadapi berkenaan dengan tapak yang sesuai dan merumahkan sa-mula kakitangan² pasar dari bangunan yang hendak di-runtuhkan, kerja² tidak dapat di-

mulakan. Satu tapak yang baharu sekarang telah di-perolehi dan reka bentuk bangunan klinik ini sedang di-buat sa-mula bagi menyesuaikan dengan tapak baharu. Dalam tahun 1967, \$50,000 telah di-belanjakan untuk projek ini dan peruntukan \$100,000 dalam tahun ini ia-lah baki bagi menyiap projek ini.

Pechahan-kepala 3—Pengawasan Banjir—\$200,000: Peruntukan \$200,000 dalam tahun ini akan membolehkan Majlis Perbandaran Ipoh memperbaiki sistem longkang² besar di-beberapa tempat di-bandar dan dengan itu mengawasi banjir dalam kawasan bandar.

Pechahan-kepala 4—Perkhidmatan Masharakat—\$50,000: Dalam Ranchangan Malaysia sa-jumlah \$570,000 telah di-untokkan bagi Perkhidmatan² Masharakat. Jumlah wang ini ia-lah bagi membena sa-buah Makmal Kesihatan Awam, sa-buah Klinik Kesihatan Masharakat dan Tibi, sa-buah depot pembersehan tong² najis berserta dengan mesen membasoh chara otomatik dan loji pengubatan aliran keluar. Dengan peruntukan sa-banyak \$50,000 bagi tahun ini, Majlis itu akan memulakan perlaksanaan salah satu daripada projek² itu, ia-itu Makmal Kesihatan Awam, 2 buah projek yang lain itu akan di-laksanakan dalam tahun 1969/1970.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Nordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas Kepala 106, Pechahan 2—Pemberian untuk Projek² di-Kawasan Bandar. Saya berchakap di-sini ia-lah untuk merayu kapada Yang Berhormat Menteri, ia-itu di-atas masaalah yang di-hadapi oleh Majlis Tempatan Pekan Parit mengenai mendirikan sa-buah Dewan Orang Ramai yang memakan belanja \$30,000. Dewan ini akan di-muati oleh lebeh kurang 1,500 orang jika di-siapkan, tetapi apa masaalah-nya ia-lah berkenaan dengan kekurangan wang oleh Majlis Tempatan Pekan Parit. Kerajaan Negeri Perak telah pun memberi peruntukan wang sa-banyak \$15,000. Dewan yang lama yang ada di-Majlis Tempatan Parit ada-lah kechil dan

sudah pun lama, maka Dewan ini tidak-lah lagi sesuai untuk mengadakan perjumpaan² seperti Pertunjukan Pertanian, mengadakan civic courses dan juga perjumpaan² yang di-anjorkan oleh Kerajaan daripada satu masa ka-satu masa; maka pekerjaan hendak mendirikan dewan ini sunggoh pun telah di-jalankan 80 per cent daripada bangunan itu telah pun di-siapkan, maka sekarang ini telah pun berhenti kerana tidak cukup wang, sebab perbelanjaan itu sa-banyak \$30,000 Kerajaan Negeri telah memberi \$15,000 dan Majlis Tempatan tidak ada wang. Jadi, saya dengan sukachita-nya merayu kepada Menteri jika dapat pehak Kementerian-nya dapat menolong baki sa-banyak \$20,000, sebab yang \$5,000 itu lagi ia-lah untuk bekalan api dan ayer. Jikalau benar Menteri itu boleh meluluskan permintaan saya bagi Majlis Tempatan Parit, maka baharu-lah dapat membuat permohonan kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap atas Kepala 106, Pechahan 2—Pemberian untuk Projek di-Kawasan² Bandar. Tuan Pengerusi, kalau di-bandingkan banyak-nya Majlis² Bandaran di-dalam Malaysia Barat ini, maka saya perchaya-lah peruntokan sa-banyak \$300,000 ini sangat kechil.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian ini dapat menambah lagi peruntokan yang di-berikan kepada Majlis Bandaran itu, tetapi walau macham mana pun saya berharap sangat² dengan wang yang sa-banyak ini supaya dapat Kementerian ini memberi bantuan membetulkan parit² di-dalam bandar Kulim.

Tuan Pengerusi, bandar Kulim kira-nya musim hujan selalu-lah tempat² dan jalan² di-bandar ini di-banjir oleh ayer, terutama sa-kali ia-lah jalan Kilang Sagu dan Jalan Pondok Labu. Walau pun parit ini sudah banyak tahun di-buat oleh Pejabat Kesihatan, tetapi malang-nya kerana peruntokan wang tidak cukup dan tidak dapat di-teruskan maka dengan tidak dapat di-teruskan ini, sa-kira-nya datang

musim hujan, selalu-lah ayer ini membanjiri dalam bandar² Kulim seperti mana tempat² yang saya sebutkan tadi. Maka saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya dapat memberi peruntokan supaya membena parit² semen membawakan ayer itu ka-dalam satu sungai, ia-itu Sungai Kulim, yang ada di-dalam bandar Kulim itu supaya sa-kira-nya ada pada musim hujan dapat-lah ayer ini mengalir terus ka-sungai ini dan tidak-lah lagi menjadi banjir dan tenggelam tempat² yang saya sebutkan tadi. Terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I wish to touch on two major aspects. The first one, Sir, deals with Head 106, Sub-head 4—Investigations for Surface Water Drainage and Sewerage Projects in relation to a provision in Head 109 Sub-head 1—George Town Sewerage Extension. Sir, I think in the course of the Honourable Minister's speech, he indicated that the investigations also included investigations for surface water drainage in George Town. Sir, I would commend to the Honourable Minister the idea of asking the investigators to co-ordinate the question of surface water drainage in relation with the flooding in Penang after heavy rains, particularly in relationship with the tides which sometimes dam up, and provide heavy flow on to the drains. Under the circumstances, I hope that the Honourable Minister would so instruct the works to be done in order that the \$500,000 that is spent to complete the third phase of sewerage in George Town will make it possible for us to some extent to alleviate the flooding which recurrently takes place in the town area of George Town city.

The second point that I would like to refer to is under Head 107, Sub-head 1—Low Cost Housing—\$40,500,000. In the course of his introduction, the Honourable Minister referred to the fact that this sum will be for the purposes of loan drawings on projects that have already been established and also for new projects. On that basis, I would like to raise two points.

Firstly, on the question of projects already established: from the very fact that the Honourable Minister did not take this occasion to develop or announce in this House what he had announced outside this House—that the Government is looking into the possibility of integration of low-cost housing with industrial development and community development and inter-racial, multi-racial integration—I presume that this provision is only a continuation of projects already established under the First Malaysia Plan. However, Sir, I do hope that the Government will take an opportunity to, at least, begin the implementation of this new idea of integration, particularly in the new buildings in Penang. I presume that a large amount of the money will be spent particularly for the low-cost housing that is coming up there in the Rifle Range area. It will be a good start if the Government can make use of this very large project to begin, at least initially, its attempt to integrate the various communities and also try and integrate low-cost housing with industrial development. Previously, I had already indicated in the State Assembly, as well as, I think, in this House, that the Government's decision to put up the largest low-cost housing building project in Penang in Rifle Range, far away from the industrial sites of Mak Mandin and Prai over in the Mainland, was rather an anomaly. However, I realise, that the Government is providing moneys for low-cost housing also on the Mainland and I do hope that the new projects that the Government envisages will provide for this type of low-cost housing close to the industrial sites, so that the workers will not have to go too far from their places of residence to their work.

The last point I will touch on is a matter which the Honourable Minister has touched on somewhat during his answer to one of the questions this morning. In Penang we have wakaf land right in the heart of the town in Kampong Makam. This is an area, Sir, which has caused a lot of trouble in Penang and this is an area where

Government can possibly step in and help to establish immediately a low-cost housing project in that area specifically for the people in the wakaf land. You have the land and all you need is a little bit of Government assistance to make the people in Kampong Makam feel that they are receiving some of the benefits which the Alliance Government is trying to give. This area, I think the Honourable Minister realises, is also an area which is closely adjacent with many of the troubles that have taken place in the past as well as in the recent troubles in Penang.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh terus kepada Kepala 110, Pechahan-kepala 5—memperbaiki Longkang² Besar peruntukan wang sebanyak \$800,000. Bagi keterangan yang telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ia-lah kerana memperbaiki terusan² ayer yang disalurkan ka-Sungai Kerayong. Apa yang saya suka mengambil perhatian di-sini ia-itu banjir sering kali berlaku apabila hujan lebat di-tengah² pekan bandar Kuala Lumpur ini lebeh² lagi di-Lembah Pantai berhampiran dengan University Malaya, di-perkelilingan masok ka-University Malaya, apabila hujan lebat, maka di-situ-lah kumpulan ayer bertakong dan keselurohan kereta dan jentera hendak lalu-lintas tersekat dan terkepong dan saya berharap di-dalam merenchanakan perkara² yang sa-umpama ini akan mengambil perhatian yang penoh di-dalam membuka tanah daripada ladang² getah kepada perumahan. Kerana di-dalam pembukaan tanah ini kalau kita perhatikan apabila hujan lebat ayer tidak dapat tersekat dan bertakong dan terus masok ka-dalam tanah sa-bahagian-nya, tetapi terus menerus mengalir keluar dan ini mengakibatkan banjir dan longkang² penoh dengan tanah² yang menyekat perjalanan ayer dan sa-bagai-nya.

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil satu tindakan, jikalau boleh, di-perundangkan supaya tanah² yang hendak di-gunakan untuk perumahan daripada peladang² maka satu syarat

hendak-lah di-kenakan kapada mereka yang membena perumahan ini supaya mengawal ayer² yang keluar daripada kawasan itu hendak-lah di-kawal dan teruskan kapada terusan ayer yang besar supaya segala lalu-lintas dan saloran² ayer yang kechil² tidak tersekat oleh tanah² yang telah di-tolak itu. Bagitu juga saya mengambil perhatian sa-pintas lalu ia-itu sama ada tahu atau pun tidak perkara di-Kampong Dato Kramat pun selalu banjir kerana ini ada-lah dalam pandangan sama ada kepunyaan dan tanggong-jawab Kerajaan Negeri atau pun tanggong-jawab Majlis Perbandaran. Tidak usah-lah hujan besar, saya rasa kalau hujan dalam sa-tengah jam sahaja kawasan itu penoh dengan ayer, kerana kalau mengira catchment area yang di-takong oleh saloran ayer ini seluroh Pejabat Tentera² yang ada di-belakang sana termasuk juga Polis Depot, maka saloran ayer itu terus menerus, melalui Kampong Dato Kramat. Maka besar-nya saloran ayer ini tidak sampai 4 kaki, dalam-nya saloran ayer ini tidak sampai 2½ kaki. Jadi, apabila hujan sedikit sahaja, maka keseluruhan kawasan penduduk² kampong itu penoh dengan ayer yang arus-nya sangat laju. Ini akan mengakibatkan kerugian yang besar kapada penduduk² di-situ. Boleh jadi rumah² yang telah di-bena oleh Perbandaran itu juga akan runtoh di-hari yang akan datang.

Itu-lah sahaja yang saya dapat berikan. Saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian berat dalam perkara ini. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Kepala 110 ia-itu Ibu Kota, Kuala Lumpur.

Baharu² ini kita dapati bahawa Ibu Kota, Kuala Lumpur, telah di-adakan lampu² isharat baharu. Tetapi nampak-nya orang² yang membeli dan menggunakan alat² ini maseh lagi berpandu kapada chara² yang di-buat oleh British, sa-hingga kita tidak dapat pertukaran yang baharu. Apa yang

saya dapati di-Kuala Lumpur ini bahawa lampu² isharat ini sangat-lah berguna terutama di-dalam sistem baharu yang di-panggil Gelombang Hijau. Tetapi malang-nya alat² yang di-gunakan itu, nampak-nya, tidak sesuai sedikit ia-itu semua lampu² isharat ini tinggi-nya tidak chukup, sa-hingga kadang² tidak dapat kalau ada kereta atau bas di-hadapan, maka tidak dapat-lah pemandu² kereta yang di-belakang nampak apa-kah warna lampu isharat yang ada di-hadapan.

Saya lihat di-negeri² yang lain, terutama di-negeri Jepun dan kadang² di-negeri lain² di-Eropah juga, lampu² isharat ini kalau tidak tinggi atau tinggi-nya tidak chukup, kadang² digantong sa-hingga daripada jauh sudah dapat kita melihat apa-kah warna lampu yang menyala. Jadi, kalau-lah ini diambil perhatian oleh Kementerian yang bersangkutan, maka dapat-lah kita ubah supaya kita beli perkakas² yang bukan sahaja datang daripada ejen² lama, tetapi perkakas² yang baharu yang nampak agak sesuai sedikit dengan keadaan masa sekarang yang mana banyak motokar² dan lori² yang tinggi yang menyekat pandangan pemandu² kereta. Jadi, saya harap-lah kalau ada peruntokan lagi untuk membeli lampu² isharat baharu, hendak-lah di-beli bukan sahaja daripada *sources* lama tetapi juga daripada *sources* yang baharu, bukan sahaja daripada England tetapi juga daripada negeri Jepun atau pun negeri² lain supaya sesuai dengan keadaan di-negeri ini, terima kaseh.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I wish to refer to Head 106, Sub-head 2, Grants for Projects in Town Areas and also Head 107; Sub-head 1, Low Cost Housing.

Sir, in supporting these Estimates, I must not fail to congratulate the Honourable Minister for taking the very bold and realistic step in announcing recently of his crash programme to provide low-cost housing to the rural and urban areas where there are still no low-cost housing schemes. However, Mr Chairman, Sir, may I now point out to the Honourable Minister, and I am sure he will agree

with me, that his crash programme does not apply to places where there is no land available.

Sir, I refer to the hundreds of new villages which have a total population of more than half a million. These new villages have in the past been expanding until there is no more land available for building. This is common in the Kinta District of Perak, especially in my area in Kampar, where all the new villages are sandwiched between tin mines and main roads. Sir, since the ending of the Emergency several years ago, and for that matter long before that, these new villages have been a forgotten lot—they have been left alone to fend for themselves. The conditions in these new villages have been getting from bad to worse, e.g. many village schools have not had any improvements for years; the houses which were built when the villages were set up had not had any repairs; many of them are still having old thatched roofs; the timbers are rotting fast; sanitation is causing concern to the health authorities; recreational facilities are almost non-existent except, perhaps, for the odd basketball court. People are getting poor and workers are generally in the new villages. They cannot even afford to repair their houses, leave alone build new ones. But like all in the lower income group, they can well afford to pay monthly instalments if given the opportunity to participate in the low-cost housing schemes.

Mr Chairman, Sir, as we all know, it is of vital importance that one should own one's own house, especially when the Government is encouraging everyone to own houses and for the lower income group to buy the houses through the many low-cost housing schemes. May I urge the Honourable Minister to formulate a policy to include these unfortunate villagers who are excluded through no fault of their own in the crash programme. May I request the Honourable Minister to work out a standard plan for houses to be built in these new villages and provide loans with the same repayment facilities as in the crash programme to the new

villagers to build low-cost houses. If this is possible, Sir, it will be the first major benefit available to the new villages for a long time. Mr Chairman, Sir, I hope the Honourable Minister will take heed of the urgent need of proper houses and homes in new villages and will, without any further delay, formulate a crash programme to help these 500,000 forgotten people.

Sir, on the question of the development in the new villages, it is an established fact that there is not much possibility of providing further facilities or amenities to these hundreds of new villages in our country. There is no more land available for distribution in the immediate vicinity of the new villages and amongst the requirements there is an urgent amenity, which requires immediate implementation and which has been brought to my attention.

Sir, there is an urgent need for additional public transport facilities, I hope the Honourable Minister will consult the Honourable Minister of Transport to work out the needs of these new villages. We know as an established fact that there are many illegal operators in the new villages. If this is so, there must be an urgent need for additional and suitable public transport. Sir, I say "suitable transport" because the needs of these 500,000 new villagers are peculiar only to themselves and are totally different from the people living in the large towns or cities. Sir, as I have mentioned earlier in this august House, in the Kampar area alone there are no less than 80 illegal taxis serving the immediate needs of the people in the new villages. They cater for the hundreds of rubber tappers and workers in the many tin mines, and so forth. With the present transport system these villagers are deprived of the privilege to go to work by public transport. We are a developing nation and we must develop in all sections. The new villages have been completely forgotten by the Government. It is only right and proper that these people be given suitable public transport to and from work. These illegal taxis operate in areas and routes which buses and licensed taxis fear and do not, or are unable to,

operate. I hope the Honourable Minister will seriously take up the matter with the Honourable Minister of Transport and work out a scheme to provide the much urgently needed facility and amenity.

Sir, the Minister of Transport may have his own policy as to the issue of licences, but I am sure, Mr Chairman, Sir, in the light of the circumstances surrounding the plight of the 500,000 new villagers, the Honourable Minister of Transport, with the concurrence of the Honourable Minister of Local Government and Housing, will work out a satisfactory scheme to help these unfortunate new villagers. Mr Chairman, Sir, we must bear in mind that it is mainly with the co-operation of these half a million new villagers that the war against the Communist terrorists was fought and won. They have sacrificed their liberty, freedom and livelihood to be clustered closely together in the new villages without any choice. Let us not fail them in their hour of need. They have sacrificed so much for so little. Let us make them feel that they are part of us and we have not forgotten them. Let us grant them this little amenity and facility and help make their lives a little more enjoyable and share in the progress of our country which their sacrifice has made it possible for us. Thank you, Sir.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head 106, Sub-head 1, Fire Services. I see that the Central Government is financing the Fire Services to the extent of \$350,000 for 1968. Yet, we in the Local Councils in Province Wellesley, i.e. the Majlis Daerah Utara, the Majlis Daerah Tengah and the Majlis Daerah Selatan, are contributing among us sums amounting to nearly \$80,000 to \$90,000 annually for the maintenance of the Fire Services in our area; and whenever new fire engines or fire equipment are required, we are also asked to contribute our share for the purchase of these equipment. Sir, we have not only to contribute to the Fire Services but we have also to contribute to the upkeep and maintenance of the State Town

Planning Department. For this reason, Sir, the Councils are always in financial difficulties, and many a time we were unable to pay even the salaries of our staff, as most of you would have read in the papers. When we propose to build a market, the only way to build and finance a market is to take a loan from the State Government, and this we must repay with interest. For this reason, the Council are forced to raise revenue by all sorts of means, and one of the most unpopular methods is to raise the annual value of buildings, especially in times like this. Recently, the Minister of Commerce and Industry has stated that the industrial concerns in the Local Council areas have complained to him of the excessive assessment charged by the Local Councils, and the State Government, I understand, is also taking up the matter with the Councils with a view to reducing these assessments. Sir, I cannot understand how the Councils can function properly, when they are asked to contribute so heavily to the Fire Brigade charges and charges for the upkeep and maintenance of the State Town Planning Office, and yet are asked to reduce assessments for these industries. The State Government used to lend us their staffs for working in the Council offices but since the last two years, the State Government has taken back its staff and asked these Councils to employ their own staff thereby increasing the cost of running the Councils. Sir, I hope that the Minister for Local Government and Housing will once in a while send some of the Ministerial staff down to these Local Council areas to meet the Councillors and discuss problems of a local nature, so that they could give these Councillors advice and also assistance whenever possible. Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kepala 106, Pechahan-kepala 2—Pemberian untuk Projek² di-Kawasan Bandar. Sa-bagaimana kita ma'alum bahawa negeri Perlis banyak-lah bergantung pemberian² kewangan daripada Kerajaan Pusat. Jadi, saya suka-lah hendak merayu kapada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Majlis

Bandaran di-pekan Kangar. Di-situ ada satu projek yang telah siap yang di-namakan Kangar Garden, ia-itu satu projek perumahan, tetapi alang-kah dukachita-nya bagaimana kesilapan pada permulaan-nya projek itu yang sa-patut-nya jalan² untuk masuk ka-dalam projek perumahan hendak-lah di-sediakan terlebih dahulu, tetapi sudah siap rumah-nya dan lebeh kurang dua tahun telah di-dudoki dalam ranchangan perumahan itu jalan² belum sempurna di-bena-nya, walau pun penduduk² di-situ telah merayu kepada Majlis Bandaran Kangar, tetapi nampak-nya sunyi dan sepi sahaja. Saya telah berchakap dengan Engineer, Negeri Perlis, dan beliau memberitahu kepada saya, ia-itu sa-kira-nya dapat bantuan wang daripada Kerajaan Pusat sa-banyak \$20,000 maka dapat-lah dia sempurnakan jalan² bagi kawasan Kangar Garden itu.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan saya ingin membawa Kepala² yang berikut terutama sa-kali oleh kerana semua-nya ada-lah berkenaan dengan Jabatan² yang terkandung didalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:

Kepala 112—Kimia ...	\$ 341,974
.. 113—Perchetakan ...	668,000
.. 114—Penjara ...	1,721,050
.. 115—Polis di-Raja Malaysia ...	20,500,010
.. 116—Imigeresen ...	233,020
Jumlah ...	<u>\$23,464,054</u>

Dengan ini Dewan ini akan sedar bahawa jumlah peruntokan yang dipohonkan di-bawah lima² Kepala ini berjumlah sa-bagaimana saya sebut tadi, \$23,464,054 yang berkurangan sabanyak \$6,887,226 daripada peruntokan yang di-luluskan bagi Anggaran Pembangunan, 1967. Sekarang ini saya akan memberikan, Tuan Pengerusi, keterangan bagi berbagai² projek di-bawah satu² Kepala yang di-pohonkan itu.

Di-bawah Kepala 112—Kimia sabanyak \$341,974 ada-lah perlu untuk membiayai perbelanjaan membena sabuah Makmal chawangan di-Kuala Trengganu. Sa-bidang tanah yang sesuai telah di-perolehi dan kerja pembenaan akan di-mulakan dalam sadikit masa lagi. Apabila siap pada penghujung tahun ini, maka Makmal ini akan di-gunakan sa-bagai Makmal Kawasan untuk memberi berbagai² perkhidmatan analisa bagi Jabatan² Persekutuan dan Jabatan² Kerajaan didalam negeri² Kelantan, Trengganu dan Pahang Timor. Peruntokan yang di-kehendaki untuk membeli kelengkapan² yang penting untuk Makmal tersebut akan di-keluarkan juga daripada peruntokan yang di-minta sekarang ini.

Berkenaan dengan Kepala 113—Perchetakan. Jumlah \$668,000 dipohonkan dari mana sa-banyak

\$439,000 ada-lah untuk Jabatan Perchetakan serta bahagian²-nya di-Malaysia Barat dan \$229,000 ada-lah untuk Pejabat Perchetakan di-Sarawak.

Sa-banyak \$219,000 yang di-sebutkan di-Pechahan-kepala 1 ada-lah perlu untuk membeli mesin² dan kelengkapan² bagi chawangan di-Ibu Pejabat menjilid buku² di-mana kebanyakan-nya kerja² maseh lagi di-jalankan dengan tangan. Dengan memasangkan mesin² dan kelengkapan² baharu maka kerja akan dapat di-cheptakan lagi dan kerja² yang ter-tangguh dapat di-sudahkan.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 2 wang sa-jumlah \$120,000 ada-lah di-pinta supaya membolehkan pejabat ini membeli perkakas² yang baharu di-Pejabat Perchetakan di-Johor Bharu untuk menggantikan perkakas² yang lama yang sudah berumur 35 tahun hingga ka-40 tahun. Pemasaan perkakas² yang baharu akan membolehkan chawangan ini menaikan pekerjaan² perchetakan yang banyak bukan sahaja untuk peringkat Negeri tetapi juga untuk peringkat ka-guna²an bagi Pejabat² Persekutuan. Dengan bertambah² banyak-nya pekerjaan perchetakan di-sebabkan banyak sungguh undang², peratoran², Foma² bagi pejabat² di-chetakan sa-lepas kemerdekaan maka ranchangan ada-lah di-buat untuk membahagikan² pekerjaan dan bebanan² yang sa-lama ini di-pikul oleh Ibu Pejabat Perchetakan, Pejabat² Chawangan² di-Johor, di-Perak, di-Kedah dan di-Kuala Trengganu.

Jumlah \$100,000 di-bawah Pechahan-kepala 3 memerlukan untuk pembelian berbagai² mesin dan kelengkapan bagi perchetakan chawangan² di-Alor Star dan Kuala Trengganu. Chadangan telah di-buat untuk membeli satu mesin Letter-Press dan satu Guillotine bagi menggantikan mesin² yang sekarang ini telah berumur lebih juga daripada 30 tahun.

Bagi Jabatan Perchetakan, Sarawak, wang sa-banyak \$40,100 di-bawah Pechahan-kepala 21 ia-lah peruntukan bagi baki pembayaran untuk kontrak² sa-telah pembenaan pembangunan tam-

bahan baharu itu di-sempurnakan. Mesin dan kelengkapan, jentera² lain akan di-pasangkan juga di-bangunan tambahan itu dan ini akan berharga lebih kurang \$188,900 sa-bagaimana di-tunjukkan di-bawah Pechahan-kepala 22.

Di-bawah Kepala 114—Penjara sa-jumlah \$785,030 ada-lah di-kehendaki untuk projek² di-dalam Jabatan Penjara dan Malaysia Barat; \$401,020 untuk Sabah dan \$535,000 untuk Sarawak, kesemua-nya berjumlah \$1,721,050.

Peruntukan yang di-masokan di-bawah Kepala ini ia-lah untuk membesarkan projek² yang telah di-mulai dalam tahun yang lalu. Projek² yang belum lagi di-mulakan telah di-tangguhkan buat sementara memandangkan kepada kedudukan kewangan negara pada masa ini.

Jumlah \$677,000 di-bawah Pechahan-kepala 1 ada-lah di-kehendaki untuk memulakan pembenaan Block Pentadbiran, Block Sekolah, Block Phametri dan bangunan² yang berkaitan seperti rumah² kakitangan bagi ranchangan pertanian Sekolah Henry Gurney. Projek ini mustahak di-jalankan oleh kerana kemudahan² Sekolah Henry Gurney di-Telok Mas itu tidak mencukupi bagi bilangan penghuni² yang telah di-hantar ka-sekolah itu. Ranchangan ini juga akan memenohi hasrat Kerajaan untuk meluaskan lagi jurusan pelajaran pertanian sekolah itu.

Sa-jumlah besar dari penghuni² sekolah itu terdiri dari budak² yang berpelajaran rendah. Bagi mereka itu, pelajaran pertanian akan lebih berfaedah dari pelajaran² lain. Pelajaran yang di-ranchangkan termasuk berkebun getah, menanam buah²an dan sayor²an, menternak ayam itek, memelihara kambing lembu dan ikan. Satu kawasan luas 150 ekar di-Ayer Kroh Melaka telah di-perolehi untuk projek ini dan kerja² permulaan telah di-selenggarakan.

Pembenaan bangunan bagi peringkat yang pertama akan bermula tidak lama lagi. Peruntukan sa-banyak \$677,000

itu ada-lah untuk membayar perbelanjaan atas bangunan² itu dan untuk mengadakan alat²an.

Di-bawah Pechahan-kepala 3 sa-banyak \$50,000 di-kehendaki untuk projek membenakan Rumah² Wadar Berkelamin yang telah di-mulakan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia yang Kedua. Peruntokan sa-banyak \$50,000 itu ada-lah untuk menjelaskan contractual commitment bagi projek ini di-Pulau Pinang yang telah selesai dalam bulan Ogos, 1967.

Jumlah \$50,000 di-bawah Pechahan-kepala 7—Bangunan² Penjara ada-lah untuk projek mengadakan bangunan tambahan untuk mengganti bangunan² yang tidak dapat di-gunakan lagi dan untuk membuat perubahan² yang penting yang telah di-jalankan di-Penjara Johor Bharu, Alor Star dan di-Kuala Lumpur.

Berhubung dengan perbekalan bagi Sabah sa-banyak \$161,000 telah di-masokkan di-bawah Pechahan-kepala 32—Rumah Kaki-tangan, untuk pembenaan 16 buah rumah kaki-tangan Penjara di-Kota Kinabalu. Apabila siap rumah² itu maka dapat-lah Wadar² yang sekarang tinggal jauh dari Penjara itu di-rumah² yang di-sewa oleh mereka berpindah ka-rumah yang dekat dengan Penjara. Dengan ini, kesulitan yang mereka hadapi untuk pergi balek ka-tempat kerja mereka akan di-atasi dan perjalanan Penjara itu akan menjadi lebih² lichin lagi.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 34 pula peruntokkan sa-banyak \$40,000 ada-lah untuk membena sa-buah Penjara bagi Banduan² Perempuan di-Kota Kinabalu dan tapak Penjara itu telah di-sediakan dan kerja mendirikan bangunan Penjara itu akan bermula tidak lama lagi. Pada masa ini tidak ada Penjara yang berasingan bagi Banduan² Perempuan di-Sabah, perempuan² yang di-kenakan hukuman penjara di-tempatkan di-dalam satu kawasan di-dalam Penjara Pusat di-Kota Kinabalu, maka keadaan itu tidak-lah memuaskan penjara bagi Banduan² Perempuan itu akan di-dirikan di-satu

kawasan di-hadapan Penjara Pusat Kota Kinabalu itu yang telah di-lancharkan untuk 40 orang Banduan.

Beraleh kapada Sarawak, peruntokkan sa-banyak \$166,000 ada-lah di-kehendaki bagi mendirikan 20 unit barek untuk Penjara Sibu. Di-bawah Projek ini pada keselurohan-nya sa-banyak satu unit rumah kelas 2, satu unit rumah kelas 3, 3 unit rumah kelas 4 dan 44 unit barek telah di-ranchangkan untuk di-benakan dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ini. Projek membenakan sa-buah Penjara di-Limbang. Di-bawah Pechahan-kepala 42 telah di-sempurnakan dalam tahun sudah. Peruntokkan sa-banyak \$11,000 di-minta bagi tahun ini ia-lah untuk bayaran perimium hasil tanah, bayaran ukoran dan grant. Jumlah \$58,000 yang di-minta di-bawah Pechahan-kepala 43, ada-lah untuk bayaran tapak bagi sa-buah Penjara baharu di-Kuching. Memandang kapada keadaan kewangan negara maka kerja membuat Penjara itu terpaksa di-tangguhkan. Peruntokkan \$300,000 di-bawah Pechahan-kepala 44—Kemp Tahanan Batu Enam, Kuching akan di-gunakan untuk membayar hasil tanah dan bayaran² lain terhadap tapak kemp itu dan juga memasang siling pada blok² yang selalu di-gunakan oleh orang² tahanan. Peruntokkan ini juga akan di-gunakan bagi membayar perbelanjaan menanam rumput untuk menchegeh tanah runtoh dan mengadakan sa-buah padang bola. Pada masa ini kemudahan² untuk bermain Badminton dan bola keranjang sudah pun di-sediakan.

Bagi Jabatan—mengenai Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa peruntokkan yang di-pinta bagi 1968 ia-lah \$20,500,010 berbanding dengan \$26 million yang di-belanjakan dalam tahun 1967 dan \$31 million dalam tahun 1966. Yang sa-benar-nya jumlah yang di-pinta di-bawah Kepala tersebut untuk tahun ini ada-lah lebih kurang 1.7 dari jumlah yang di-luluskan kapada Jabatan ini dalam rancangan bagi tahun 1966 hingga 1970.

Negeri ini telah mencapai kemajuan yang pesat di-dalam bidang pembangunan semenjak kemerdekaan lebeh banyak lagi kawasan² yang telah di-buka untuk di-teroka terutama sa-kali di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan Ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Dalam pada itu bilangan penduduk² Negeri ini telah bertambah beransor² banyak dan mustahak-lah bagi pehak Pasokan Polis di-perbesarkan untuk menyesuaikan dengan perubahan ini dan dengan itu lebeh banyak lagi bangunan² dan lain² kelengkapan adalah di-kehendaki.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini ditanggohkan pada pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Meshuarat di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, Polis di-Raja Malaysia telah membena Balai² dan Pusat Polis yang baharu bersempena dengan pembangunan Ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan juga lain² pembangunan negeri dalam negeri ini. Mereka juga telah membuat penyusunan baharu memandangkan kepada keadaan dalam negeri ini. Dalam penyusunan baharu ini yang bertujuan untuk melichinkan pentadbiran Polis jawatan² Pegawai Penguasa Lengkongan Polis (O.S.P.C.) telah tidak lagi di-pakai. Sekarang Pegawai Penjaga Daerah Polis (O.C.P.D.) boleh berhubung terus dengan Ketua Pegawai Polis. Satu mithalan-nya ialah

Ranchangan Salleh yang telah di-laksanakan di-Petaling Jaya baru² ini dan jikalau sa-kira-nya ranchangan ini berjaya dia akan di-teruskan lagi ka-daerah² lain di-Malaysia Barat.

Pihak Polis telah melaksanakan tugas² dan tanggung-jawab-nya dengan terator dan sempurna seperti yang di-harapkan dan kita merasa mgeah dengan kejayaan mereka. Pasokan Polis kita ada-lah bertanggung-jawab terhadap keselamatan dalam negeri ini, dan apabila perlu mereka juga di-kehendaki untuk mempertahankan negara daripada ancaman² luar bersama² dengan Pasokan Bersenjata. Ini telah di-tunjukkan beberapa kali samasa konfrantasi dan juga di-masa beberapa peristiwa yang berlaku di-dalam tanah ayer.

Ahli² Yang Berhormat mesti-lah ingat bahawa kerana peranan mereka sa-bagai pengawal undang² negeri, mereka tidak-lah patut di-benarkan untuk menyertai Persatuan² Sa-kerja, atau pun membuat tindakan perusahaan mendapatkan tuntutan² mereka. Oleh yang demikian ada-lah menjadi kewajiban kita untuk menjamin bahawa pegawai² dan Anggota² Polis di-Raja Malaysia di-beri bangunan yang sawajar-nya dan juga kelengkapan supaya semangat dan tata-tertib mereka terjaga sa-tiap masa.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Polis di-Raja telah dibekalkan sa-jumlah \$139 juta untuk projek² pembangunan dan di-bawah ranchangan ini keutamaan ada-lah di-beri untuk mendirikan rumah² bagi Anggota² Polis biasa. Ada-lah di-dapati maka bangunan² Polis, tempat² kedia-man Polis pada masa ini ada-lah lagi kurang perbaikan-nya, oleh kerana ada bangunan² Polis maseh lagi tinggal yang telah di-dirikan pada masa penjajahan dahulu, dan ini ada-lah satu tugas bagi pihak Kerajaan menggantikan rumah² yang seperti ini dengan rumah² yang bersesuaian dengan keadaan pada zaman ini.

Ranchangan² telah di jalankan semenjak di-lancarkan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dan Yang Kedua untuk membangunkan rumah² yang

lebih baik bagi Polis Biasa dan ini boleh di-lihat dengan telah di-adakan lebih kurang 4,000 unit Rumah² Pegawai Polis Biasa yang telah menelan belanja lebih kurang \$50 juta dan Kerajaan maseh lagi giat berkerja kuat dalam ranchangan mengadakan rumah² kediaman Pegawai Polis Biasa sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat boleh melihat di-dalam Angka² Ranchangan Pembangunan Polis Di-Raja Malaysia saperti yang berikut:

Rumah	...	...	57.84%	daripada jumlah wang yang sa-banyak \$20,500,000 akan di-belanjakan khas-nya untuk mendirikan rumah ² bagi Pegawai ² Polis Biasa.
Akan di-belanjakan untuk kelengkapan	21.96%			
Untuk mengadakan tanah	5.76%			
4 buah Pejabat	...	4.75%		
Untuk Balai ² Polis...	4.47%			
Untuk membaiki tempat ² pejabat dan keadaan ² kediaman	2.83%			
Pengkalan Laut	...	1.35%		
Halaman Pengangkutan	0.40%			
Padang Tembak	...	0.40%	dan	
Pengangkutan dan Perjalanan	0.24%			

Pada masa perbahathan mengenai Anggaran Biasa untuk Polis di-Raja Malaysia, Ahli² Yang Berhormat ada menyebutkan tentang kesusahan Anggota² Polis biasa yang tinggal di-rumah sewa terutama di-bandar Kuala Lumpur. Saya suka menyatakan di-sini, Tuan Pengerusi, bahawa Kerajaan ada-lah sedar atas kesusahan Anggota² Polis itu, dan sa-belum perkara ini di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu, tindakan telah lama di-buat mengenai perkara ini, dan pehak Perbendaharaan sedang mengkaji soal elaun rumah yang di-bayar pada masa ini kepada Anggota² Polis biasa yang terpaksa tinggal di-rumah² sewa.

Di-Kuala Lumpur umpama-nya dalam lima tahun ini telah di-dirikan sa-banyak 697 buah rumah untuk

Anggota Polis biasa dan ini maseh tidak mencukupi. Dan saya suka juga, Tuan Pengerusi, menyatakan juga ia itu rumah² yang telah di-dirikan di-bawah Ranchangan Pembangunan ada-lah lebih besar dan berbentok baharu berbanding dengan banyak rumah² yang di-bena sa-belum perang dahulu, juga jenis² rumah yang di-bena sekarang ia-lah rumah jenis (F) untuk Pegawai Rendah Polis yang berpangkat Sab-Inspekter kepada Sarjen dan rumah jenis (G) and (F) untuk Koperai dan Mata². Ini ada-lah mengikut kelayakan mereka di-bawah Perintah 'Am.

Sa-bahagian daripada ranchangan memperluaskan pasokan Polis di-Raja dan bagi menambah kepantasan Chawangan Polis Laut (Marines Police) 8 buah launches (Lanchi) jenis PX telah di-buat tahun sudah dan 4 bagi sedang di-bena tahun ini. Ini akan mengukuhkan lagi kawalan di-sekitar perayeran kita. Peruntokan sa-banyak \$2.4 juta daripada jumlah peruntokan yang diminta pada tahun ini akan di-gunakan untuk membayar lanchi (launches) yang tersebut. Sa-bagai langkah sa-lanjutnya untuk memodenkan Pasokan Polis satu Yunit Anjing yang terdiri daripada enam anjing German Sheppard telah di-adakan. Yunit ini yang akan di-gunakan pada masa tidak lama lagi akan berguna besar kepada Pasokan Polis di-Raja di-dalam tugas mereka untuk menentang dan mengesan kejadian² jenayah.

Ahli² Yang Berhormat suka mendapat tahu bahawa pada tahun 1967, tiga buah Balai Polis Kechil dan sa-buah Ibu Pejabat telah di-dirikan di-Malaysia Barat, tiga buah Balai Polis di-Sabah dan sa-buah lagi di-Sarawak. Pada tahun ini ada-lah di-ranchangkan untuk membena lapan buah Balai Polis Kechil, sa-buah Balai Polis chara bandar di-Malaysia Barat dan sa-buah Balai Polis di-Sabah. Sa-banyak \$3 juta yang di-tunjokkan di-Pechahan-kepala 8, ia-lah untuk pembayaran kemajuan pertama-nya lagi pembenaan kawasan Pasokan Polis Hutan di-Tanjong Rambutan yang mana ada-lah di-anggap akan di-sempurnakan pada tahun 1969.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, tentang Kepala 116—Imigeresen. Di-bawah Pechahan-kepala 3—Lanchi² (Launches) sa-banyak \$109,000 yang di-kehendaki itu ada-lah sa-benar²-nya peruntokan di-bawa ka-hadapan dari jumlah sa-banyak \$145,000 yang di-luluskan bagi Pechahan-kepala ini dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1967. MARA telah di-tawarkan satu konterek untuk membena sa-buah lanchi sa-panjang 45 kaki untuk Jabatan Imigeresen bagi di-gunakan di-Pulau Pinang sa-bagai ganti yang ada sekarang ini yang telah berumur 20 tahun, dan bagi sa-buah lagi 36 kaki panjang-nya untuk meng-ganti sa-buah lanchi lama di-Port Swettenham. Kedua² lanchi tersebut ada-lah di-anggapkan akan siap pada bulan April tahun ini.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 4 wang sa-banyak \$124,000 ada-lah di-kehendaki bagi membena bangunan Pejabat² dan Rumah² Kediaman di-Kuala Perlis yang mana akan memakan belanja lebeh kurang \$76,000 dan baki sa-banyak \$48,000 itu akan di-gunakan bagi membeli tanah dan membena pejana² dan rumah² di-Tumpat, Kelantan.

Tuan Pengerusi, demikian-lah saya kemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya juga, Tuan Pengerusi, memohon izin kebenaran mengemukakan Kepala 126—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memerlukan peruntokan sa-jumlah \$97,850,000 dalam tahun 1968.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, semenjak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-tubuhkan dalam tahun 1960, ia bukan sahaja telah melaksanakan beberapa banyak ranchangan² dan usaha² yang telah dapat dengan sa-chara langsung meninggikan taraf hidup ra'ayat terutama sa-kali penduduk² di-luar bandar, tetapi telah juga berjaya menyatu-padukan usaha dan tenaga lain² Kementerian dan Jabatan yang menjalankan kerja² pembangunan untuk mendapat hasil yang

chemerlang di-dalam bidang pembangunan ekonomi di-negara kita ini. Teknik perlaksanaan kita mengikut chara² yang terkandung dalam Buku Merah dan chara gerakan telah berhasil memperkemas dan melichinkan lagi jentera² perlaksanaan ranchangan² pembangunan kita. Teknik kita memang telah menarek perhatian negara² luar, khas-nya negara² yang sedang meningkat maju.

Walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya suka juga menegaskan di-Dewan ini ia-itu usaha² kita untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat, kita tidak-lah hendak bersandarkan samata² kapada kejayaan² yang telah kita chapai hingga masa ini. Kita ada-lah sentiasa meneruskan lagi usaha² pembangunan dengan menjalankan lebeh banyak lagi ranchangan² pada masa hadapan dengan wang, tenaga dan usaha yang ada pada kita bagi matalamat kita, ia-itu, mengadakan kemudahan² dan peluang² yang lebeh besar kapada ra'ayat kita melalui ranchangan² pembangunan untuk memperbaiki lagi taraf hidup mereka.

Di-masa saya mengemukakan peruntokan Pembangunan 1968 ini, 4 hari yang lalu, saya telah menegaskan bahawa Kerajaan akan membuka lagi ranchangan² tanah yang lebeh luas bagi pertanian. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sahaja telah pun membuka 67 buah ranchangan² tanah dengan jumlah luas-nya 184,836 ekar yang telah di-tanam dengan getah dan kelapa sawit, Pembukaan ranchangan² saperti ini apabila di-siapkan di-semua peringkat akan dapat memberi peluang kapada 23,000 keluarga atau pun 138,000 orang bagi mendapatkan taraf hidup yang lebeh terjamin pada masa yang akan datang.

Sa-bagaimana yang telah di-jelaskan beberapa kali dalam Dewan ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah satu daripada badan yang besar yang telah di-tubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan ranchangan² tanah yang besar bagi ra'ayat yang tidak mempunyai tanah supaya mereka boleh mengeluarkan hasil² yang chukup untuk keperluan hidup

mereka seperti mana yang saya telah sebutkan sa-bentar tadi dan juga bagi memperluaskan lagi iktisad Negara ini. Tentang kejayaan² yang telah di-chapai hingga akhir tahun 1967, berapa luas tanah yang telah di-buka, berapa orang peneroka yang telah di-tempatkan dan berapa ranchangan² yang telah mula mengeluarkan hasil, saya telah menyatakan-nya, apabila saya memberi penerangan atas perbelanjaan biasa Kementerian saya baharu² ini. Sungguh-pun demikian saya suka mengambil peluang ini bagi mema'alumkan bahawa bagi 14 daripada 67 ranchangan² itu peneroka²-nya akan di-bawa masuk apabila jalan², rumah², klinik², sekolah², bekalan ayer dan lain² telah di-sediakan. Ini biasa-nya memakan masa 8 hingga 12 bulan setelah Kelapa sawit, atau getah bagi sa-suatu ranchangan itu telah di-tanam.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, bagi tahun 1968. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan memerlukan peruntukan sa-banyak \$63 juta seperti yang ternyata di-bawah Pechahan-kepala 1. \$13 juta daripada peruntukan ini akan di-gunakan untuk perbelanjaan pentadbiran, manakala \$50 juta lagi sa-bagai perbelanjaan pinjaman akan di-gunakan untuk pembangunan kawasan² ranchangan pertanian termasuk-lah membuat rumah peserta² dan membena kilang².

Perbelanjaan² yang hendak di-buat dengan \$50 juta yang di-kehendaki sa-bagai wang pinjaman itu ia-lah perbelanjaan² atas kerja² pembangunan yang akan di-jalankan dalam tahun 1968 dan perbelanjaan² itu termasuk-lah :

- (i) kerja² pembangunan dan penyenggaraan perengkat² tertentu dalam 67 ranchangan² yang saya sebutkan tadi;
- (ii) bagi kerja² tambahan dalam ranchangan² yang ada yang berjumlah 12,900 ekar;
- (iii) bagi pembukaan 22,120 ekar dalam 6 ranchangan² baru;
- (iv) bagi membena kilang² minyak kelapa sawit dan getah;
- (v) penyenggaraan 2 buah kilang minyak kelapa sawit yang telah

di-bena oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; dan

- (vi) untuk pembenaan 5,000 buah rumah peneroka².

Peruntukan \$13 juta lagi itu ia-lah bagi perbelanjaan² yang telah ditetapkan untuk menjalankan pentadbiran Lembaga itu seperti pembayaran gaji kaki-tangan Lembaga itu; perbelanjaan² kerana menjaga pejabat², rumah² pekerja, perbelanjaan² bagi Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-Sungai Dusun, dan juga perbelanjaan penyelidekan kelapa sawit yang akan di-jalankan berikutan dengan perlaksanaan Ranchangan Kawasan Jengka Tiga Segi.

Tuan Pengerusi, sa-chuchok dengan dasar Kerajaan memperluaskan lagi jenis² tanaman di-Negeri ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menanam 58,243 ekar kelapa sawit, ia-itu lebih kurang 8,000 ekar tiap² tahun. Sa-benar-nya semenjak tahun 1966 ia-itu mula-nya Ranchangan Malaysia Yang Pertama di-laksanakan, penanaman kelapa sawit telah meningkat berganda² kerana dalam tahun itu sahaja sa-jumlah 31,200 ekar kelapa sawit telah di-tanam oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Adalah di-anggarkan bahawa, hingga akhir Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-itu tahun 1970, Lembaga ini akan menanam sejumlah 25,000 hingga 30,000 ekar kelapa sawit tiap² tahun. Dengan perluasan dan pengeluaran hasil² daripada ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini, maka kegiatan² yang di-ambil sekarang ini ada-lah sangat besar ma'ana-nya kepada ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, di-sini saya sukachita memberitahu Dewan ini ia-itu 15 daripada Ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini, 9,259 ekar getah dan 9,140 ekar kelapa sawit telah pun mengeluarkan hasil. Jumlah hasil yang telah di-keluarkan daripada penjualan minyak kelapa sawit dan getah hingga akhir tahun yang lalu ia-lah sa-banyak \$6,270,646. Semua peneroka² di-dalam ranchangan² tersebut telah pun mula membayar hutang² mereka dan hingga akhir tahun 1967 mereka telah membayar balek

wang pinjaman mereka kepada Lembaga ini sebanyak \$592,742. Ini semua ada-lah satu daripada bukti² yang jelas di-lihat bahawa Kerajaan Perikatan telah dapat menepati janji²-nya untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat Negeri ini khas-nya yang dudok di-kawasan² luar bandar. Bagitu juga kejayaan² yang di-chapai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini membuktikan kegiatan² yang "dynamic" di-dalam usaha² melaksanakan dasar Kerajaan di-dalam lapangan pembangunan tanah untuk memperkukuh lagi iktisad negeri ini.

Ahli² Yang Berhormat juga tentu ma'alum ia-itu pada masa ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sedang juga mengusahakan satu ranchangan yang besar, kawasan Jengka Tiga Segi yang meliputi kawasan sa-luas 150,000 ekar dan akan dapat menempatkan sa-ramai 9,000 keluarga apabila 93,000 ekar tanah pertanian dalam kawasan itu di-siapkan kelak. Suka juga saya mema'alumkan ia-itu peringkat pertama ranchangan ini ada-lah di-anggarkan akan berkehendakkan wang peruntokan sebanyak \$86 juta dan hampir sa-paroh dari peruntokan itu ia-lah pinjaman dari Bank Dunia. Peruntokan \$550,000 di-bawah Pechahan-kepala 9 (ii) bagi kawasan Jengka Tiga Segi yang di-kemukakan oleh Dewan ini ia-lah untuk mengadakan bekalan ayer dalam ranchangan itu. Peruntokan \$800,000 di-bawah Pechahan-kepala 9 (iii) ia-lah untuk pembenaan jalan masok ka-dalam kawasan ranchangan dan juga bagi pembenaan jalan² di-dalam ranchangan tersebut.

Sambil menerangkan kemajuan² yang telah di-chapai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan juga ranchangan² yang hendak di-jalankannya dalam tahun ini, saya suka mengambil peluang ini menyatakan dan memberi tahu Dewan ini bahawa sechochok dengan dasar Kerajaan bagi mendapatkan hasil yang sa-penoh-nya bagi peneroka² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dalam tahun 1968 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan mendirikan 4 buah kilang getah heavea crumb di-Lembah Bilut, Sungai Nerek (Pahang), Hutan Percha

(Melaka), dan di-Kemelah (Johore). Kilang² tersebut akan mula mengeluarkan getah heavea crumb, standard Malaysian Rubber (S.M.R.) dalam penggal pertama tahun 1969. Dengan ada-nya kilang² tersebut peneroka² di-ranchangan² berkenaan akan dapat menekmati harga pasaran yang tertinggi. Kilang² tersebut akan juga di-gunakan sa-bagai pusat² pertunjukan bagi pekebun² kechil supaya mereka akan lebeh senang menerima chara memperoses baru ini. Dengan ini maka bergerak-lah dengan lebeh lancar lagi satu dari usaha² yang tegas yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi kesan² jatuh-nya harga getah dan memperkuat lagi kedudukan perusahaan getah asli di-dalam persaingan dengan getah tiruan.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada menjalankan ranchangan² kemajuan tanah yang besar melalui Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kementerian saya melalui MARA ada-lah juga menjalankan usaha² dan ranchangan² yang bertujuan hendak menolong ra'ayat sa-kali yang di-kawasan luar bandar, mengambil bahagian yang chergas serta berkesan di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Bagi usaha² dan ranchangan² tersebut, wang sa-jumlah \$25 juta, \$22 juta sa-chara langsung dan \$3 juta sa-bagai pinjaman, ada-lah di-peruntokkan di-bawah Pechahan-kepala 2.

Tahun lalu telah di-nyatakan dalam Dewan ini bahawa MARA akan mendirikan rumah² kedai, pusat² kemajuan tangan menjalankan perusahaan kulit dan belulang, menubuhkan "unit trust investment" dan membekalkan barang² mentah serta menguruskan pusat jualan bagi pemasaran barang² keluaran perusahaan kampung. Dengan sukachitanya saya melaporkan sekarang ia-itu semua projek² ini telah berjalan dengan lancar-nya.

Bagi tahun 1968 pula MARA akan mengambil langkah yang lebeh tegas lagi dalam perusahaan dan perdagangan, ia-itu dengan mengusahakan projek² saperti perusahaan kulitkraf, memperluas lagi kegiatan² yang di-jalankan oleh Sharikat Kayu Kayan

Kebangsaan di-dalam Kawasan Jengka Tiga Segi, Pahang, menubuhkan sharikat² kayu kayan di-Negeri² lain dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk membalak dan menjalankan perusahaan kayu-kayan, mengeluarkan batek² ela, mengeluarkan pakaian² siap khasnya pakaian yang menggunakan batek² keluaran Kelantan dan Trengganu, dan menubuhkan satu Kilang Kain. Peruntukan sa-banyak \$5.3 juta ada-lah di-perlukan bagi melaksanakan ranchangan² saperti yang saya sebutkan itu.

Sukachita saya menyatakan di-sini sa-bahagian daripada ranchangan yang saya sebutkan itu akan di-jalankan dengan sa-chara "joint Venture" atau pun sechara perkongsian dengan tujuan bukan sahaja bagi mengatasi masaalah modal, tetapi juga bagi mengatasi masaalah "technical know-how". Sa-bagaimana tuan² sedia ma'alum untuk menjalan perusahaan² yang besar MARA memang sangat² berkehendakan kerjasama dan orang yang pakar dan mahir di-dalam bidang ini.

\$4 juta dari jumlah peruntukan itu ia-lah untuk menambahkan modal bagi ranchangan² kenderaan MARA. Dari-pada jumlah ini, \$1.4 juta akan di-peruntokkan bagi mengadakan perkhidmatan kenderaan di-Malaysia Timor. Di-sini saya suka-lah mengambil perhatian Dewan ini ia-itu di-negeri² Sabah dan Sarawak, MARA telah memperolehi kerjasama Kerajaan² Negeri itu untuk mendapatkan "permit" bagi MARA menjalankan kenderaan bas di-jalan² yang baharu di-buka.

Di-dalam tahun yang lalu, MARA telah mendirikan sa-buah workshop di-Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur. Dalam tahun ini pula MARA akan membena 2 buah lagi workshop, ia-itu satu di-Alor Star Kedah, untuk bahagian utara dan satu lagi di-Batu Tiga, Selangor, untuk bahagian Selatan. Pada akhir tahun lalu juga, sukachita saya ma'alumkan kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian ia-itu MARA telah memulakan satu perkhidmatan Bas Express daripada Johore Bahru ka-Kuantan.

Mengadakan latehan ia-lah satu usaha yang besar dan penting yang di-jalankan oleh MARA. Di-dalam bidang latehan ada-lah tujuan besar MARA hendak memberi peluang kepada ra'ayat di-kawasan luar bandar mendapatkan pengetahuan dan didekan yang mustahak bagi memperbaiki lagi kedudukan mereka, sama ada di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan mahu pun di-dalam lapangan² yang lain di-mana juga mereka akan memberi sumbangan mereka kepada usaha² pembangunan di-negeri ini.

Satu daripada ranchangan² yang terbesar yang di-jalankan oleh MARA di-dalam Bahagian Latehan ia-lah pembenaan Institute Teknologi MARA di-Batu Tiga, Jalan Klang. Berkaitan dengan perkara ini, saya suka melaporkan bahawa Maktab MARA yang lama di-Petaling Jaya itu telah juga berkembang. Sekarang ini Maktab itu ada-lah sedang melateh penuntut seramai 1,600 orang di-dalam beberapa jurusan latehan professional. Maktab ini telah juga di-tukarkan menjadi Institute Teknologi MARA sa-bagai satu usaha menyesuaikan dengan taraf yang telah di-chapai oleh Maktab itu. Penukaran nama ini juga ada-lah dengan tujuan untuk menggunakan-nya sa-bagai asas kepada perkembangan² yang akan di-jalankan di-Institute Teknologi MARA di-Batu Tiga, Jalan Klang.

Bagi 1968 wang sa-banyak \$5 juta ada-lah di-kehendaki bagi menyiapkan pembenaan di-dalam Perengkat Pertama Pembangunan Institute Teknologi MARA yang sedang di-usahakan di-Batu Tiga itu. Kerja yang hendak di-jalankan ia-lah menyiapkan 2 buah asrama dan juga menyiapkan tapak Institute itu. Dalam lapangan perkembangan penuntut pula, Institute Teknologi MARA akan menambah lagi bilangan penuntut-nya sa-ramai 200 orang tahun ini.

Mengenai pemberian biasiswa² pula, usaha ini akan di-teruskan malahan satu ranchangan biasiswa baharu yang akan di-mulakan ia-lah pemberian biasiswa atas dasar pinjaman \$300,000 ada-lah di-chadangkan di-khaskan bagi memulakan ranchangan ini. Tujuan biasiswa pinjaman ini ia-lah supaya

lebih banyak lagi ra'ayat dapat di-beri pertolongan bagi meneruskan pelajaran mereka di-dalam bidang pengajian perusahaan dan perdagangan.

Berkenaan dengan latehan kemahiran pula, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum atas perlu-nya negara kita mempunyai pekerja² yang mahir dan terlatih terutama sa-kali mereka² yang akan mencapai lapangan perusahaan dan perdagangan. Dalam tahun² yang lalu semenjak MARA di-tubuhkan, 2,000 orang telah di-beri latehan kemahiran. Dalam 1968 latehan² ini akan di-jalankan dengan bertambah giat lagi. Bagi memenuhi sa-bahagian daripada keperluan latehan kemahiran ini, sa-buah Pusat Latehan Kemahiran akan di-dirikan di-Melaka dalam tahun ini juga. Latehan kemahiran ini juga akan di-jalankan di-gedong² perniagaan yang bersukarela memberi kerjasama mereka di-dalam soal ini. Di-sini suka-lah saya menguchapkan terima kaseh kepada sa-tengah² gedong perniagaan yang telah bermurah hati memberi kerjasama dan peluang kepada pelatoh² kemahiran yang telah di-anjorkan oleh MARA.

Di-dalam pemberian modal pula, MARA telah memberi tidak kurang daripada 11,000 pinjaman bagi mengusahakan berbagai ranchangan² perniagaan. Pinjaman² yang di-beri oleh MARA ada-lah mengikut peratoran yang telah di-tetapkan dan satu daripada syarat² yang besar bagi sa-sa-orang ra'ayat mendapatkan pinjaman dari MARA, selain daripada syarat bahawa perniagaan yang hendak di-jalankan-nya itu ada-lah satu perniagaan yang menasabah dan boleh di-jalankan, ia-lah bagi si-peminjam itu mematohi atoran² yang di-sediakan oleh MARA dan juga menuruti nasihat² yang sa-harus-nya di-beri oleh Pegawai² MARA yang berkebolehan di-dalam beberapa aspek perniagaan. Nasihat² yang di-beri oleh Pegawai² MARA itu biasa-nya ia-lah nasihat² mengenai aspek² perniagaan seperti pentadbiran perniagaan, urusan kewangan, simpanan kira², teknik pasaran dan lain² lagi. Syarat² ini di-kenakan ia-lah sa-mata² dengan tujuan hendak menjamin kejayaan perniagaan

yang di-usahakan oleh si-peminjam itu dan juga bagi menjamin bahawa pertolongan² modal itu benar² menolong mereka mengambil bahagian yang sempurna di-dalam lapangan perusahaan mahu pun perniagaan.

Dengan tujuan hendak memberi nasihat yang saya sebutkan itu maka MARA telah pun mengadakan satu Bahagian Penasihat yang di-kelolakan oleh Pegawai² yang bukan sahaja berkelulusan di-dalam perniagaan, tetapi juga mempunyai pengalaman di-dalam masaalah² perniagaan. Sa-bahagian daripada peruntokan yang di-kehendaki yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini ia-lah bagi menguatkan lagi Bahagian Penasihat yang saya sebutkan itu.

Sekarang saya beralah kepada Pechahan-kepala² 3, 21 dan 31. Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 3—Lain² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memerlukan \$4,000,000 untuk melaksanakan beberapa ranchangan² kecil Pembangunan Luar Bandar di-Malaysia Barat. Di-bawah Pechahan-kepala 21 peruntokan sa-banyak \$500,000 ada-lah di-chadangkan untuk ranchangan kecil² di-Negeri Sabah. \$1,000,000 di-bawah Pechahan-kepala 31 ia-lah untuk maksud yang sama bagi Negeri Sarawak. Peruntokan² wang ini ada-lah seperti biasa di-gunakan kerana membena jalan² kecil, jambatan² kampung, jeti², dewan² orang ramai dan lain² ranchangan kecil yang sangat² di-perlukan oleh ra'ayat luar bandar. Semua ranchangan² kecil ini ada-lah di-bena untuk memberikan kemudahan² dengan serta merta kepada ra'ayat. Kebanyakan daripada ranchangan² kecil ini akan di-bena dengan chara "gotong-royong", dan ini bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan pembenaan di-atas tiap² ranchangan itu, tetapi juga memperkembang semangat berkerjasama dan berusaha di-kalangan ra'ayat sekalian di-dalam zaman kemajuan yang di-tempohi oleh Negara kita.

Berhubung dengan Pechahan-kepala 4 pula, wang peruntokan sa-banyak \$1,500,000 ada-lah di-perlukan untuk

meneruskan kerja² di-dalam bidang penempatan/pengumpulan dharurat di-negeri² Sabah dan Sarawak. Sa-bahagian besar dari jumlah ini ia-lah untuk ranchangan pembangunan pertanian untuk peserta² yang di-tempatkan dalam kawasan² penempatan/pengumpulan dharurat di-kedua² negeri itu.

Di-bawah Pechahan-kepala 5, wang \$300,000 itu ada-lah di-kehendaki bagi meneruskan kerja² membena 2 buah Taman² Latehan Wanita, ia-itu sa-buah di-Trengganu dan sa-buah lagi di-Labuan. Di-Trengganu, pembenaan rumah² di-bawah perengkat pertama telah di-siapkan dalam tahun 1967 dan peruntokan yang di-kehendaki bagi tahun ini ia-lah untuk menyiapkan bangunan² asrama dan bilek² sharahan. Di-Labuan pula, kerja² menambah tanah bagi tapak Taman yang di-chadangkan itu telah di-mulakan dalam tahun 1967 dan akan di-teruskan lagi dalam tahun ini, dengan menggunakan sa-bahagian daripada peruntokan \$300,000 ini.

Wang sa-banyak \$150,000 di-bawah Pechahan-kepala 6—Kelas² Pelajaran Dewasa, ada-lah di-perlukan bagi melanjutkan usaha² bagi menyediakan tempat² yang sesuai untuk di-gunakan sa-bagai Kelas² Pelajaran Dewasa, terutama di-kampong² yang tiada mempunyai balai² raya atau bangunan² sekolah. Sa-bagaimana yang telah di-jalankan pada tahun² yang lampau, sa-bahagian besar daripada kerja² membena kelas² itu akan di-laksanakan dengan bergotong-royong oleh penduduk² kampong, khas-nya oleh peserta² pelajaran dewasa itu sendiri. Sa-bahagian daripada peruntokan ini akan juga di-gunakan untuk membeli perkakas² keperluan kelas pelajaran dewasa seperti kerusi², meja, papan hitam dan lain² untuk kelas² yang di-adakan di-tempat² yang tidak ada bangunan² sekolah.

Di-bawah Pechahan-kepala 7, Pekan Sa-Hari wang \$50,000 itu ia-lah bagi pembenaan Pekan² Sa-hari di-Malaysia Barat. Apabila bangunan Pekan² sa-hari ini telah di-siapkan, maka pentadbiran-nya ada-lah di-serahkan kepada Pegawai² Daerah di-daerah² yang berkenaan untuk menjaga-nya.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 8 pula, peruntokan sa-banyak \$1,000,000 ia-lah untuk pemberian pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi menjalankan ranchangan Kemajuan Tanah Kelapa Sawit di-Sungai Tong. Sayugia di-ma'alumkan ranchangan ini sedang berjalan dengan memuaskan dan dengan tambahan pinjaman \$1,000,000 lagi ini, maka dapat-lah Kerajaan Negeri Trengganu meluaskan lagi ranchangan itu.

Tuan Pengerusi, peruntokan² yang telah saya kemukakan tadi ia-lah bagi ranchangan² pembangunan yang di-usahakan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kementerian ini mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa dengan adanya usaha² penyamaan yang tegas dari Kementerian, badan² yang di-tugaskan melaksanakan ranchangan² itu akan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan bagi tahun ini dan, kejayaan² seperti itu akan memberi kesan² yang positif kepada pembangunan negara ini, khas-nya kepada mereka yang berada dalam kawasan luar bandar.

Sekian-lah, saya meminta izin membawa chadangan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya suka menerangkan Kepala² 112, 113, 114, 115, 116 dan 126 sekarang terbuka untuk di-bahathkan, tetapi dengan penerangan yang begitu panjang tadi, nampak-nya, tidak ada apa² lagi yang hendak di-tegor, atau hendak di-bahath: malang-nya, jika ada juga dan jawab-nya akan memakan masa lebeh kurang satu jam. Masa kita sudah suntok; kita ada lebeh kurang 10 Kepala lagi; dan kalau tiap² satu Kepala itu di-kehendaki dua jam, masa tidak cukup. Jadi, dengan penerangan itu, saya jemput-lah apa² tegoran dari Ahli² Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya menguchapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Muda di-atas kebolehan-nya sekurang²-nya mengatasi tape-recorder, dan gramophone hari ini—saya mengikuti dengan ashek. Saya hanya hendak menyebut dua tiga perkara sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu

berkenaan dengan alat perchetakan di-bawah Kepala 113, ia-itu saya dapat tahu dalam alat² perchetakan di-bawah Kementerian ini satu pun tidak ada alat² jenis offset. Ini amat-lah penting bagi kerja² yang kita hendak pun dengan chepat, terutama pula hendak buat kenyataan² berkenaan dengan penangkapan orang², hendak beri statement dengan chepat. Jadi, kalau kita hendak mendapat dengan alat² saperti yang ada sekarang ini dengan tidak pakai offset, maka lambat-lah kerja² itu. Saya menhadangkan supaya alat offset ini di-adakan dalam Kementerian ini.

Di-bawah Kepala 114—Penjara, Pechahan-kepala 7—Bangunan² Penjara pada tiap² tahun nampak-nya kita ada meminta wang, tetapi yang saya hairan ada satu kejadian baharu² ini di-Pulau Pinang, orang salah boleh lari dan terlepas dan dia boleh pakai pistol pula. Ini pun satu hal yang tidak pernah berlaku sa-belum daripada Menteri Muda kita ada, bila dia dilantek sudah berlaku macham² ini. Jadi, saya tidak tahu-lah, dan baharu² ini pula kata-nya ada pula perompak² jam, dapat tangkap dan orang pun menguchapkan terima kaseh kepada Polis dengan sa-chara tidak langsung menerima kaseh kepada Kementerian ini, tetapi di-dapati pula, kalau mengikut surat khabar pula pistol yang di-gunakan itu kepunyaan Pegawai Polis sendiri. Dua perkara sudah berlaku, jadi Menteri ini bahaya dia memegang jawatan tersebut, walau pun bukan dia buat, tetapi dia bertanggungjawab, Tuan Pengerusi.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap banyak berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, sebab uchaplan tadi pun nampak merupakan satu essay atau pun novel. Kalau dipertandingan dengan sharahan² kelas² dewasa, kalau tidak dapat nombor satu, akan dapat runner-up. Saya uchapkan banyak terima kaseh di-situ sa-kali lagi, dan saya menerusi, Tuan Pengerusi, menyampaikan terima kaseh kepada Timbalan Perdana Menteri yang melawat Kelantan baharu² ini yang saya dengar dalam radio kata-

nya dia tidak mahu beri lagi bantuan kepada Kelantan, tetapi pagi tadi saya menghantar beliau awal² lagi pada pukul 7.30 pagi di-Padang Kapal Terbang, beliau berjanji sa-bagai rahsia saya, Tuan, beliau hendak buat jalan di-kawasan Bachok yang memakan belanja sa-banyak \$140,000. Jadi, saya minta-lah Menteri Muda ini menyampaikan terima kaseh saya ini dan membuat jalan itu dalam masa Pilehanraya-kecil ini. Jikalau tidak, saya sudah sihat sekarang, saya akan hentam chukup², Tuan Pengerusi, itu sahaja terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamed (Kota Star Selatan):

Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit sahaja di-bawah Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia. Saya ingin berchakap berkenaan dengan penchurian kerbau-lembu yang berlaku yang merebak ka-dalam kawasan saya. Pada tiap² tahun bukan satu, dua, atau 10, 20, kerbau-lembu yang di-churi, tetapi beratus² kerbau-lembu yang di-churi, tetapi tidak ada satu pun tangkapan yang telah di-lakukan oleh pehak Polis. Walau pun kadang² telah di-beri report kepada Polis, selalu-lah apabila report² ini di-buat Polis telah bertanya, adakah keterangan, dan ini tidak dapatlah di-beri dengan begitu jelas oleh orang² yang membuat report dengan kerana kerbau-lembu itu di-masa dapat tuan kerbau itu buat report, barangkali daging itu sudah jadi daging gulai. Jadi, tidak dapat-lah di-beri keterangan. Apa yang kita tahu di-sana ia-lah kadang² lori yang besar² telah datang di-satu² tempat di-mana tiga atau empat ekor kerbau sa-kali di-bawa masuk ka-atas lori dan di-bawa ka-lain² tempat. Chara menchuri ini senang sahaja, banyak orang² yang biasa dengan kerbau-lembu, dia tahu dia bawa satu pisau kecil, pergi di-belakang kerbau itu, dia teriak "chah hook", jalan-lah kerbau itu; tidak susah kalau orang yang biasa dengan kerbau, tidak susah hendak churi, tetapi sa-belum dapat tuan kerbau itu tahu, kerbau itu sudah hilang dan Polis minta keterangan tetapi tidak dapat di-beri. Perkara ini saya tidak nampak jalan bahawa pehak Polis

dapat mengatasi kalau chuma berkehendakkan kapada keterangan² yang jelas daripada orang² yang membuat laporan.

Saya ingin menchadangkan kapada pehak Polis supaya kerbau² ini diadakan satu sistem baharu supaya dapat mengatasi soal penchurian kerbau ini, ia-itu dengan chara menggunakan *brand* yang mana dengan ada-nya *brand* ini di-sa-belah tepi, atau ponggong kerbau itu, maka dapat-lah semua orang kenal siapa-kah punya kerbau itu dan tidak dapat-lah hendak di-jual dengan begitu senang. Kalau di-sembeleh hendak di-jual sa-kali pun, kulit itu tentu ada *brand*. Perkara ini dilakukan di-mana² negeri di-mana kerbau banyak sa-hingga orang² yang ribuan kerbau² pun dapat membuat *brand*. Di-sini bukan satu orang membela beribu² kerbau, tetapi kadang² chuma satu orang dua tiga ekor sahaja. Kalau-lah di-buat peratoran yang samacham ini dan mengeluarkan lesen yang chukup syarat-nya, dan dengan chara ini dapat-lah kita mempertahankan penchurian kerbau² dan juga menjaga supaya lembu² yang masok ka-dalam pekan dan melanggar masok atas jalan, di-padang², dapat kita tahu siapa-kah yang menjadi tuan-nya dan kita dapat-lah denda orang² yang membuat kesalahan sa-macham ini.

Saya harap perkara ini dapat ditimbangkan oleh pehak Polis supaya perkara ini tidak lagi jadi dalam kawasan saya yang mendatangkan kerugian yang begitu banyak kapada penduduk² di-situ. Terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya menguchapkan banyak terima kaseh kapada Menteri Muda yang telah mengambil masa yang panjang bagi menyatakan Kepala² yang telah disebutkan-nya tadi, dan yang menarek perhatian saya sa-kali ia-lah tentang Kepala 126 tentang Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di-dalam membahathkan perkara kemajuan Pembangunan Luar Bandar ini, saya nampak bahawa di-dalam masa beberapa tahun kebelakangan ranchangan ini telah berjalan dengan baik-nya dan

telah mendapat faedah² yang sempurna bagi penduduk² di-dalam kawasan luar bandar; tetapi satu perkara yang saya suka menchadangkan kapada Kerajaan supaya chara pemberian atau pun chara bantuan yang hendak kita beri kapada orang² kita di-luar bandar itu patut-lah di-semak sa-mula daripada satu masa ka-satu masa.

Sa-bagai chontoh, kalau kita hendak membuat satu jalan kecil mithal-nya, atau pun kita hendak membuat sabatang titi yang tidak begitu besar, atau kita membuat sa-buah surau, chara² yang biasa di-lakukan ia-lah kita memberi kuasa kapada J.K.R. untuk menjalankan-nya mengerjakan-nya sa-hingga kadang² mengambil masa yang terlalu panjang, baharu-lah benaan² itu siap. Kalau kita kaji chara baharu, kita berikan satu fikiran baharu dan semangat baharu kapada ra'ayat kita di-luar bandar supaya mereka mengambil bahagian di-dalam melaksanakan satingkat projek yang kecil², maka saya rasa penghargaan ra'ayat kapada projek² yang kecil² itu akan lebeh besar daripada apa yang pernah kita buat sekarang. Balai Raya, mithal-nya, dengan harga \$5,000 kita keluarkan tender, kemudian di-buat dengan harga tidak sampai \$6,000 akan tetapi ra'ayat di-dalam kampong yang di-buatkan Balai Raya itu tidak mengambil bahagian sama membena Balai Raya itu sa-hingga Balai Raya itu terbiar, oleh kerana dia terbiar dinding-nya kepek² dan tidak di-jaga dengan sempurna-nya, dan ra'ayat di-tempat itu tidak mengambil initiative atau pun daya usaha-nya sendiri untuk membetulkan atau memperbaiki Balai Raya itu, oleh kerana dia tidak mengambil bahagian dalam membena Balai Raya ini. Itu sebab saya suka menchadangkan kapada Kementerian ini supaya satingkat projek yang kecil, Balai Raya, mithal-nya, supaya ra'ayat itu sendiri membena-nya, membuat-nya dan mengerjakan-nya, mengikut apa yang ditetapkan oleh Kementerian ini.

Pada masa yang telah sudah, Tuan Pengerusi, Pegawai Daerah di-beri kuasa untuk melaksanakan projek² kecil saperti itu, tetapi sekarang projek² itu di-serahkan kapada Jabatan Kerja Raya, dan banyak pada tahun

1967 ini Pejabat atau Jabatan Kerja Raya tidak bernafsu untuk membuat kerja² kechil yang saperti itu dan kuasa kepada Pegawai Daerah tidak ada untuk membuat kerja² saperti itu pula. Oleh kerana itu, terbiar-lah projek itu, projek surau yang kechil², projek Balai Raya, projek jalan² kechil sa-hingga terpaksa-lah duit itu dikembalikan kerana tidak sempurna dijalankan.

Oleh kerana itu, saya chadangkan kepada Kementerian ini dalam masa yang singkat ini, tahun 1968 ini, chara melaksanakan projek² kechil hendaklah di-kaji sa-mula, di-beri balek kuasa kepada Pegawai Daerah untuk menjalankan-nya, dan di-beri kuasa juga kepada Pegawai Daerah itu untuk berpakat kepada Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, di-kampong² itu untuk membena sa-buah projek kechil. Biasa-nya, saya pernah menengok suatu tempat, Tuan Pengerusi, di-negeri Pahang, suatu tempat tidak berapa jauh daripada bandar Mentakab ia-itu ada sa-buah surau harganya tidak lebeh daripada \$6,000 yang di-bena dengan kerja gotong royong orang² kampong itu. Kalau di-taksirkan benaan surau itu lebeh daripada \$10,000 kalau di-berikan kepada kontrekter. Ini banyak berlaku, dan saya tertarek benar apa yang telah dibuat oleh Jawatan-kuasa Sekolah di-Kerdau sa-hingga madrasah itu lebeh besar daripada yang pernah kita lihat, madrasah di-berikan kepada kontrekter membuat-nya. Saya suka menchadangkan supaya di-beri balek kuasa kepada Pegawai Daerah menjalankan kerja² dalam projek² kechil.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang Pelajaran Kelas Dewasa ini. Sa-lain daripada mengajar A, B, C, atau membacha saperti mana Ahli Yang Berhormat dari Bachok menyatakan tadi, ia-itu Menteri Muda ini lebeh baik, atau pun sa-akan² ada lebeh baik daripada Kelas² Dewasa membacha-nya, saya rasa ini suatu penghinaan yang sengaja di-buat kepada Menteri Muda itu sendiri, tetapi tidak apa-lah saya rasa ini memang tabi'at orang yang sudah longgar screw-nya.

Tuan Pengerusi, kepada Pelajar² Dewasa ini, sa-lain daripada kita

mengajar A, B, C, atau membacha buku, patut juga satu pelajaran praktikal kita ajarkan kepada pelajar² dewasa, mithal-nya di-dalam kampong di-mana Kelas Dewasa itu ada satu jambatan kechil yang mereka lalu, maka jambatan kechil itu patut di-kerjakan dengan sa-chara gotong royong oleh pelajar² dewasa itu supaya mereka tahu menghargai projek² kechil saperti yang saya katakan tadi. Jadi, sa-lain daripada kita berikan kepada dia membacha, menulis, mengenal huruf, mengenal ugama, harus juga di-ajarkan kepada mereka itu mengenal nilai kerja yang mereka buat. Itu-lah chadangan saya tentang Kelas² Dewasa.

Tentang MARA yang di-cheritakan dengan panjang lebar oleh Menteri Yang Berhormat, kita berasa berterima kaseh kepada MARA, kerana usaha MARA yang telah begitu pesat bagi memulehkan perekonomian ra'ayat bumiputra dalam negeri ini. Yang sangat menarik perhatian kita ia-lah usaha² MARA pada masa ka-belakangan ini bagi menampung pelajar² kita, penuntut² luar bandar kita, penuntut² bumiputra di-mana mereka itu gagal pada satu masa, tetapi sekarang ini MARA telah sanggup menerima mereka dan di-masokkan ka-dalam Institute Teknologi yang di-anjorkan oleh MARA. Saya suka memberi chadangan atau suka memberi ingat kepada penuntut² ini atau Kementerian ini supaya mereka sedar betul² bahawa wang Kerajaan, wang ra'ayat negeri ini yang begitu banyak telah di-tumpukan, telah di-churahkan bagi membena bangunan Teknologi MARA di-Batu Tiga, dan memberikan segala barang kemudahan kepada penuntut² MARA yang sekarang ini mempunyai jumlah hampir 2,000 orang dan kalau siap barangkali Bangunan Teknologi itu akan menampung pelajar² kita 2,000 orang pada tiap² tahun. Kalau 5 tahun berjalan dengan baik, maka berma'ana-lah 10,000 anak² bumiputra kita yang akan keluar daripada Teknologi itu dan mendapat latehan² yang sempurna yang boleh melayakkan diri-nya dan kepada mereka ini saya suka memberi amaran supaya mereka benar² bekerja, belajar bersungguh² oleh kerana angin yang telah bertiup

ka-telinga saya pada masa ka-belakangan ini maseh di-dapati mereka ini tidak mendapat kelulusan yang memuaskan hati kita di-dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi yang telah kita ketahui sekarang. Ini mendukachitakan kita, boleh jadi kelemahan atau pun sebab kerendahan pelajaran, bukan oleh kerana mutu pelajaran yang di-ajarkan di-Teknologi MARA itu, tetapi ia-lah kegiatan yang ada kapada penuntut² di-teknologi itu sendiri. Harapan pada masa yang akan datang terletak kapada kesungguhan bagi pelajar² itu. Kalau kita tengok sekarang, Tuan Pengerusi, kawalan kapada murid² ini boleh-lah di-katakan terlalu longgar, pukul 10.00, pukul 11.00 malam kita maseh dapat melihat berkeliaran penuntut² Teknologi MARA ini di-bandar Petaling Jaya. Ini patut mereka insaf bahawa kita tidak mahu mereka itu gagal di-dalam peperiksaan. Kita tidak mahu mereka itu menjadi beban kapada negara, kita tidak mahu mereka itu tidak lulus dalam peperiksaan; kita mahu mereka jaya, kita mahu mereka itu menjadi pemimpin pada masa yang akan datang; kita mahu mereka itu mempunyai kedudukan yang boleh ra'ayat bumiputra ini bergantung kapada-nya.

Jadi, saya menyatakan dengan hati yang sungguh ikhlas kapada penuntut² MARA dan barangkali juga ada Pegawai² daripada teknologi itu dalam Dewan ini supaya mereka itu memberikan satu semangat baharu betul² kapada mereka, tinggalkan soal ber-poya², tinggalkan-lah soal yang kechil², soal sosial bagitu dan bagini, hadapi masa hadapan bangsa kita itu yang menggantungkan harapan sa-mata² kerana mereka ini, tinggalkan masalah kechil saperti makan sandwich pun menjadi suatu perkara yang pernah kita dengar dalam Dewan ini pada masa yang telah lalu. Sebab itu kapada mereka ini melalū Menteri Yang Berhormat supaya kita selalu memberi ingat kapada mereka, wang yang kita keluarkan sa-mata² untuk faedah bangsa kita di-masa yang akan datang. Kalau mereka gagal akan gagal-lah kita dan kalau mereka berjaya akan berjaya-lah kita dan akan dapat-lah

kita memenohi apa yang di-katakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dalam ucapan-nya baharu² ini tentang 10 atau 20 tahun yang akan datang persamaan dan perimbangan ekonomi bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra akan dapat di-chapai.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, tentang Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (F.L.D.A.) saya berasa berbesar hati dan bershukor kapada Tuhan oleh kerana di-dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di-Kelantan baharu² ini berkata Kerajaan Perikatan bersedia menebus tanah yang telah di-gadaikan oleh Kerajaan PAS kapada orang² yang bukan bumiputra. Bukan ra'ayat negeri Kelantan yang mengeluarkan sa-luas 400,000 ekar di-Ulu Kelantan itu; kalau ra'ayat Kelantan sedar dan memberi keperchayaan kapada Kerajaan Perikatan untok menebus diri mereka yang telah di-gadaikan oleh orang² yang telah mempertopengkan Kor'an, mempertopengkan hendak membela nasib bangsa Melayu, maka Yang Amat Berhormat Tun telah memberikan jaminan kapada ra'ayat Kelantan bahawa Kerajaan Perikatan akan menebus mereka itu daripada hamba abdi yang telah di-buat oleh Kerajaan PAS dan pemimpin² PAS yang macham kerang busok di-dalam Dewan ini.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran berchakap pendek sahaja, atas Kepala 115, muka 18—Polis di-Raja Malaysia. Saya bangun menyokong perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang terhormat Menteri yang berkenaan dan saya chuma hendak menyentoh satu perkara berkenaan Polis di-Raja ini. Saya dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan Polis di-Raja ini tidak di-galakkan masok mana² Kesatuan Sa-kerja dan bertugas dengan baik dengan rapi, masa negeri kita aman dan juga dalam kekacauan. Saya sokong penoh. Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya minta sangat-lah kapada Menteri yang berkenaan oleh sebab mereka itu tidak ada peluang memasoki mana² Kesatuan Sa-kerja patut sangat-lah ada satu Jawatan-kuasa memikirkan untong nasib Polis di-Raja

kita ini, kalau tidak di-mana-kah mereka itu akan mengadukan nasib mereka itu, kalau apa² perkara yang tidak di-ingini oleh mereka itu. Ma'alum-lah Polis di-Raja kita ini disiplin-nya terlampau keras, oleh sebab terlampau keras itu, saya rasa patut perkara ini berpanjangan kepada anak dan keturunan mereka itu. Oleh sebab itu saya minta Menteri yang berkenaan berfikir supaya di-adakan satu Jawatan-kuasa memikirkan hal ehwal personnel Polis di-Raja ini.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, Kepala 116, muka surat 22, Pechahan-kepala 1 perbelanjaan sa-banyak \$540,000 berkenaan Imigeresen. Imigeresen ini pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, ada sungutan ia-itu melayan orang ramai memberi paspot ini sangat² lewat, sangat² tidak terator, sampai di-dalam Dewan ini pun saya berkali² bersungut lambat sangat. Jadi, saya harap soalan paspot ini mesti-lah Pegawai²-nya yang di-atas sa-kali macham Enche' Ibrahim Ali memikirkan supaya perkara ini di-percepatkan untuk menyenangkan ra'ayat jelata dan mendatangkan lebih hasil lagi kepada negara.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, Kepala 126, muka surat 14, Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat peruntukan wang sa-banyak \$22 juta kepada MARA. Saya mengangkat topi kepada pehak MARA ini terutama sa-kali kepada Bahagian MARA Institute Teknologi. Ini, satu kejayaan besar bagi bumiputra dan kepada orang² yang bukan bumiputra oleh sebab mereka itu memberi simpati penuh. Saya juga mengambil peluang di-dalam Dewan yang mulia ini menguchapkan terima kasih dan saya chuma hendak katakan, Tuan Pengerusi, kalau di-pandangan wang sa-banyak \$22 juta ini memang tidak chukup duit-nya, kerana kalau kita bahagikan kepada orang² Melayu kita ini sa-banyak 4 juta penduduk-nya dalam tanah ayer kita ini. Kalau di-beri \$20 kepada tiap² kepala berma'ana \$80 juta. Jadi, pendek kata, Tuan Pengerusi, hendak menolong orang Melayu, bumiputra kita ini mesti-lah beri satu peruntukan pada tiap² tahun yang berkesan sa-kurang²-nya, \$80 juta baharu-lah saya rasa perkembangan

dapat berjalan dengan baik, pesat dan terator dan boleh-lah orang² bumiputra kita ini berjalan chepat sadikit menangkap perkara² yang kita telah tewas dalam segala jurusan, perekonomanian, pelajaran dan sosial masha-rakat kita. Saya harap pada tahun yang akan datang, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memikirkan meminta pada Kerajaan kita sa-kurang²-nya sampai \$80 juta bagi membelanjakan berbagai² jurusan saperti yang saya telah nyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Tuan Pengerusi, saya berchakap tentang muka surat 17. Kepala 114, Pechahan-kepala 2—Rumah² dan Berek² dan Pechahan-kepala 3—Rumah² Wadar Berkelamin.

Tuan Pengerusi, saya suka membawa pandangan kepada Kepala yang saya sebutkan di-atas ini dan di-harap dapat perhatian yang berat oleh pehak yang berkenaan. Ada yang saya dapati berek² wadar atau pun tempat² kediaman bagi wadar² yang berkelamin sangat-lah tidak menyenangkan hati, kerana di-situ-lah tempat makan dan di-situ-lah tempat tidor. Dalam rumah² tempat kediaman ini di-buat dengan tidak ada mempunyai sekatan tempat tidor, sa-olah² khidmat wadar ini tidak-lah di-hargakan. Jadi dengan ada-nya peruntukan bagi perkara ini, suka-lah saya sa-kira-nya dapat di-buat rumah tempat kediaman ini biarlah sempurna, kerana mereka tinggal di-dalam rumah itu pun manusia juga. Ini di-buat dengan satu hall sahaja di-suroh tinggal anak beranak, kerana sa-tengah²-nya ada tanggungan dan tanggungan-nya itu ada sa-tengah²-nya banyak. Jadi tentu-lah susah hendak merehatkan badan sa-lepas balek daripada bertugas. Saya harap-lah, Tuan Pengerusi, buat pada masa hadapan, ikhtiarkan-lah lebih sempurna umpama macham berek² polis yang baharu saya lihat ada dua bilek tidor dan chukup selera mata memandang dan tidak-lah saperti penjajah buat dahulu.

Satu lagi pula dalam hal ini; oleh kerana kita sekarang sangat² kekurangan tanah untuk mendirikan

bangunan tempat kediaman, terutama-nya bangunan² Kerajaan, apa-lah salah-nya dengan tanah yang sedikit untuk di-dirikan bangunan² perumahan untuk wadar² ini di-chari jalan untuk mengatasi menggunakan tempat yang sedikit untuk kegunaan yang banyak. Jadi, kita dirikan bertingkat² di-mana banyak-lah faedah tempat yang sedikit tetapi banyak kegunaan-nya. Kalau sa-kira-nya di-buat saperti di-zaman penjajah dahulu, maka terpaksa-lah kita menchari wang yang lebeh banyak untuk menchari tanah yang banyak lagi untuk mendirikan tempat kediaman wadar² ini, kerana kita ini sedang menuju zaman kemajuan yang chemerlang; kira-nya tidak dapat menchukupi rumah kediaman wadar ini maka susah-lah wadar² ini hendak menyewa rumah, kerana kita pun sedia ma'alum pendapatan mereka ini kechil.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya beraleh di-atas perkara yang lain, ia-itu di-muka 19, Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia. Saya hendak berchakap dengan rengkas sahaja berhubung dengan Pechahan-kepala 3—Balai² Polis Besar dan Rumah², Malaysia Barat. Dalam hal ini dan dalam kita menuju kepada zaman pembangunan yang berkemajuan ini dan kita pun ada peruntokan untuk mendirikan hal ini, saya berasa sukachita kira-nya dapat pehak yang berkenaan dalam menyediakan peruntokan untuk Balai² Polis Besar di-lengkapkan dengan tempat turun helikopter, kerana negara kita sekarang banyak helikopter. Saya fikir, Tuan Pengerusi, mustahak tempat turun helikopter ini di-Balai² Polis besar di-adakan, kerana menurut pengalaman² kejadian yang tidak di-ingini berlaku pada masa yang telah lalu kita banyak menggunakan per-khidmatan helikopter untuk mententeramkan suasana yang burok itu. Jadi dengan ada-nya landing place bagi helikopter ini di-Balai² Polis Besar di-mana senang-lah sedikit Pegawai² Keamanan kita menjalankan tugas dan menjalankan kerja mereka itu. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit yang pertama, ia-itu Kepala 114, Pechahan-

kepala 7—Bangunan² Penjara. Saya ingin menarek perhatian Yang Ber-hormat Menteri supaya menimbangkan di-atas kedudukan penjara² kita yang ada sekarang ini. Bagaimana yang kita tahu, ia-itu penjara di-Pulau Pinang juga di-Kuala Lumpur ini yang dudok-nya di-tengah² atau pun di-pusat bandar, molek-lah di-kajikan sama ada kemungkinan patut di-ubahkan pen-jara² yang letak-nya di-tengah² bandar ini ka-luar bandar dan jauh sedikit dan boleh dapat tanah yang lebeh luas lagi supaya dapat-lah orang² yang kena penjara itu mengambil bahagian dalam perkara berchuchok tanam jenis² bahan² makanan supaya mereka ini dapat di-galakkan dudok di-atas kaki sendiri manakala mereka itu keluar daripada penjara, kerana banyak di-antara latehan² yang di-berikan kepada orang² yang dudok di-dalam penjara ini untuk mereka sendiri menjadi baik dan juga untuk mereka itu berdiri di-atas kaki mereka sendiri. Saya berharap dapat di-timbangkan di-atas apa yang saya sebutkan itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Kepala 115, Pechahan-kepala 2—Balai² Polis Kechil dan Rumah², Malaysia Barat dan Pechahan-kepala 4—Pondok² Balai² Polis Sementara dan Rumah², Malaysia Barat. Saya menyokong penoh di-atas peruntokan ini dan di-harap dapat di-tambahkan sedikit lagi, kerana sangat-lah mustahak bagi Kerajaan memelihara keamanan dan ketenteraman negara kita ini dan ini ada-lah satu perkara yang akan menjadi tanggung-jawab bukan sahaja kepada pehak Kerajaan dan juga pehak Polis, juga ra'ayat jelata yang ta'at kepada negara ini. Saya berharap supaya pehak Kementerian ini meng-adakan banyak lagi Pondok² Polis Sementara. Jika boleh di-tiap² kam-pong di-adakan Pondok² Polis ini atau Balai² Polis Kechil. Sa-bagaimana kita dapat tahu dengan pengalaman kita sendiri kejadian² yang telah berlaku di-Pulau Pinang baharu² ini di-sebabkan oleh orang yang tidak bertanggung-jawab mengambil peluang mengapi²-kan perasaan sentimen di-antara bangsa Melayu dan China sa-hingga jadi pergadohan oleh kerana tidak bagitu banyak Pondok² Polis di-kampong²,

maka orang² yang bersemangat sabversif ini mengambil peluang untuk pergi ka-kampong² melaga²kan orang² di-kampong. Jadi, saya berharap supaya Yang Berhormat memikirkan sama ada kita patut, bagi diri saya, saya fikir sangat² mustahak di-adakan beberapa banyak, kalau boleh satu kampong yang ada sa-ribu penduduk-nya, adakan satu Pondok Polis Sementara dan di-tempatkan sa-orang polis di-situ. Kalau Kerajaan tidak ada wang, saya ingin tarek perhatian Yang Berhormat, kita ada tiga perkhidmatan sukarela ia-itu P.V.R. (Police Volunteer Reserve) Polis Simpanan Sukarela. Kita ada Pasokan Polis Khas dan kita ada lagi Pasokan Polis Sementara. Jadi, tiga² pasokan ini kita gunakan tenaga mereka itu pada masa ada keramaian², perjumpaan², perhimpunan² sahaja, jadi pada lain² masa mereka ini tidak ada buat apa² kerja pun. Jadi saya mengshorkan supaya tiap² Pegawai Polis ini di-tetapkan di-balai² polis sementara di-tiap² kampong katakan sa-ribu penduduk-nya, di-antara sa-ribu itu, dua ratus hingga tiga ratus orang² dewasa. Maka bagi polis ini saya panggilkan Polis Sambilan supaya dia diambil bekerja dan sambil dia menjalankan tugas mengawal keamanan bagi kampong itu di-antara orang² dewasa sa-ramai 200 hingga 300 itu dapat-lah dia sendiri kenal siapa-kah orang² ini. Dan jika di-dapati muka baharu datang ka-kampong itu, dia terpaksa dapat tahu ini orang luar dan dia kena ambil perhatian di-atas orang yang masok dari luar itu, dan juga kapada orang dari kampong itu manakala keluar daripada tempat itu dapat dia ambil perhatian dan ambil tahu. Jadi, dengan chara ini dapat satu chara mengawal dan menyekat gerakan sabversif yang sedang menjadi² dan sedang mengadakan ranchangan untuk hendak menggulingkan Kerajaan kita. Jadi, ini-lah satu senjata yang boleh di-katakan sempurna boleh mengatasi sa-barang kerumitan, sa-barang gerakan chara pantas daripada sabversif ini demi kepentingan keselamatan negara kita ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap Kepala 126, Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat.

Perkara ini saya sokong dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Kerajaan dan juga kapada pegawai²-nya yang telah pun bersungguh² menjalankan tugas dan ikhtiar untuk hendak membaiki kedudukan ekonomi orang Melayu dan bumiputra di-Sabah dan Sarawak, kerana sa-bagaimana kita ma'alum dalam Perlembagaan kita sendiri Fasal 153—hak istimewa orang Melayu ada-lah menjadi tanggongjawab Kerajaan untuk melaksanakan-nya tetapi malang-nya ada di-antara warganegara² kita dalam Malaysia ini yang tidak berapa senang hati melihat ada-nya ranchangan hendak membaiki kedudukan ekonomi orang² Melayu dan juga bumiputra di-Malaysia Timor mereka berasa dengki dan khianat tidak berkehendakkan orang² Melayu dan bumiputra naik meningkat supaya sa-imbang dengan kedudukan mereka itu. Jadi saya harap kapada orang² ini supaya kalau tidak mahu hendak sokong dan tidak mahu pimpin orang² yang lemah dalam ekonomi ini tidak usah-lah mengeluarkan chakap² yang membangkitkan perasaan orang² bumiputra di-sini. Ada juga dalam Dewan ini pun saya dengar beberapa orang yang telah berchakap di-atas perkara ini berasa chemburu dan dengki di-atas perkara ini. Ini tidak patut dikeluarkan perkara yang sa-macham itu, kerana dalam recommendation Lord Reid pun ada menyebutkan sa-lepas lima belas tahun merdeka, maka perkara ini akan di-kaji sa-mula sama ada sudah sa-imbang atau tidak. Jadi, sekarang sudah sa-puloh tahun, tinggal lima tahun lagi yang hendak di-kaji. Jadi, orang yang bukan bumiputra ini patut-lah memberi sa-penoh² galakan supaya manakala sampai lima belas tahun akan di-kajikan manakala kedudukan ekonomi bumiputra, khas-nya orang² Melayu di-Malaysia Barat ini sudah jadi sa-imbang, maka Fasal 153 ini boleh-lah di-tarek balek, jikalau mahu. Jadi bagi pehak bumiputra sendiri bukan-lah hendak minta sedekah kapada orang yang bukan bumiputra. Kita meminta pimpinan daripada Kerajaan, tunjok ajar daripada Kerajaan, dan kita akan berikhtiar dengan sa-chara bersendirian untuk menegakkan ekonomi kita. Jadi, saya berharap

perkara ini supaya orang² yang bukan bumiputra itu jangan-lah menggunakan perkara ini sa-bagai satu bahan untuk hendak menjahanamkan kedudokan perasaan ra'ayat yang ada dalam negara kita ini. Dengan itu saya meng-shorkan, Tuan Pengerusi, supaya pehak yang berkenaan, tiap² Kementerian membuat satu kertas kerja perangkaan sa-takat mana-kah sudah dapat kemajuan mengenai perusahaan, mengenai perdagangan, mengenai perniagaan dan lain² dan di-bentangkan dalam Dewan ini supaya dapat tiap² orang mengetahui kedudokan kemajuan ekonomi bumiputra sa-tahun demi sa-tahun. Dengan ada-nya perangkaan atau statistics mengenai kemajuan ini, saya ingat akan menolong orang² yang bukan bumiputra dan juga orang² bumiputra supaya mereka benar² tahu bahawa kedudokan kemajuan ekonomi bumiputra sa-takat mana sudah ter-chapai. Dan harus boleh jadi dengan chara yang sa-macham ini susah-lah orang² yang hendak memainkan perasaan sentimen, hendak melaga-kan kita ada kenyataan yang jelas menunjukkan kedudokan kemajuan bumiputra. Jadi, saya berharap pehak yang berkenaan berikhtiar mengadakan perangkaan sa-tahun ka-satahun supaya dapat menolong sakalian orang yang ada di-dalam negara kita ini sa-bagai panduan untuk kita menyampaikan kapada matlamat ia-itu matlamat hendak mensaibangkan kedudokan ekonomi di-antara orang² Melayu di-Tanah Melayu ini dan juga bumiputra² di-Sabah dan Sarawak.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to speak under Head 115, Royal Malaysia Police, on Sub-heads 2 and 4, Police Quarters. As you know, Sir, in Kuala Lumpur, many of the Police officers are stationed in various places. We would like to see estimates sufficient to cover both for convenience and for security.

Next, Sir, I would like to see the Police provided with more modern ways of facing the modern mobs because, when the mobs come out, they use new techniques, and the Policemen should also have techniques

different from those of thirty or forty years ago. Often the poor policeman has to face a mob only with a truncheon. I hope something new could be given, so that these truncheons have some electric shocks, or they could be filled with some coloured acids, coloured water, so that it could be spread on the mobs and these mobs could be easily identified—something that could not be easily washed away. That will give the policemen more confidence and perhaps the mischief-makers will be a little more scared to come near the policemen for fear of being marked out.

Next, Sir, I would like to speak on Head 116, Immigration. It has come to my knowledge, Sir, that some of the citizens of this country, when wanting to bring to stay with them old relatives who are past 50 and sometimes past 60, face a lot of difficulties in being able to bring those relatives here. These relatives whom I mention, are past 60 years and they have passed the age, when they would be taking away jobs from any of the local citizens and in the evening of their lives. I feel that they should not be deprived of the joy of being able to stay with their sons or daughters. It happens sometimes that those old people also may have relatives in their native country but all their relatives are not equally mindful or are not economically in a position to be able to look after them.

Next, Sir, I speak on Head 126, Rural Development. This, Sir, is one of the prides of Malaysia. This is something that we can confidently show to other developing nations, and I think many of them have come and wondered how we have been able to achieve so much in such a short period. In this respect, Sir, I hope that the Ministry would give preference, when allotting the land, to people who actually have come from the rural areas, who have lived on the land and who understand how the land could be made to give out the maximum benefit to the country. In this respect, Sir, I would include those victims of fragmentation who have been thrown out of their jobs when their estates were

fragmented. Fortunately this has now almost come to a stop. These families, or these men and women, would not require any training and thus we would save all the money required on training. They would not require supervision, because they know all about land and how it can be developed. Thank you, Sir.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap pada Kepala 114, Penjara, pada bahagian Pechahan-kepala 9—Kisi² Tenun Sekolah Henry Gurney, Telok Mas. Tuan Pengerusi, wang yang di-untokkan sa-banyak \$45,000 ini rasa saya patut-lah dapat tambahan lagi kerana di-Sekolah Henry Gurney ini satu istimewa yang telah di-buat oleh kanak² nakal di-sana ia-lah ada dengan Pasokan Pancharagam-nya. Jadi, pasokan Pancharagam ini telah di-dirikan, saya perchaya daripada guru², sokongan² daripada orang² luar dan kanak² itu sendiri mengadakan Pasokan Pancharagam ini dan pancharagam ini telah terkenal bukan sahaja di-Melaka, tetapi orang² Johor pun selalu mempelawa pancharagam-nya. Jadi, harapan saya Pasokan Pancharagam ini dapat peruntokan supaya dapat di-perbaiki saperti pasokan Pancharagam Polis di-Raja atau lain²-nya.

Tuan Pengerusi, Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia, Pechahan²-kepala 2 dan 14. Kita telah ma'alum ia-itu Balai² Polis di-dalam negeri kita ini telah berubah kapada yang lebih baik terutama sa-kali Balai² Polis dan Rumah² Polis di-dalam bandar; tidak ada siapa pun boleh menafikan di-atas tugas Kementerian ini yang telah membawa kapada perubahan kedudukan Balai² Polis dan Rumah² Polis. Harapan saya ia-lah supaya dapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat meninjau kapada Balai² Polis Kecil yang ada di-luar² bandar dan Rumah² Polis juga yang ada di-luar² bandar, terutama sa-kali dalam kawasan saya maseh banyak lagi Rumah² Polis bangunan yang begitu lama. Saya ulang balek, ada Balai² Polis yang anak isteri-nya kalau pergi memasak, kena menyeberang, kalau

musim hujan, dia terpaksa menempoh ayer hujan ini saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

Berchakap berhubung dengan Polis ini, saya berharap kapada pihak Polis supaya kalau-lah menerima surat² daripada orang ramai, ia-itu surat² petition yang menuduh sa-saorang dengan mengadakan sains yang ramai hendak-lah di-adakan siasatan yang lebih halus. Saya ada menerima sa-keping surat daripada pihak sa-orang China di-dalam kawasan saya yang bernama Lee Kiam Swee. Dia ini menjadi pekerja dalam satu estate ia-itu di-Chinchin Estate. Dia telah di-tuduh menjadi orang jahat dengan di-sains petition beramai². Petition datang-nya pula bukan-lah penduduk yang di-dalam kawasan tempat dia dudok itu, bertabor di-seluruh daerah kawasan Merlimau. Jadi, Polis telah bertindak dan telah menangkap orang ini tiga bulan lebih kurang telah di-dudukkan dalam penjara. Jadi, harapan saya supaya pihak Polis kira-nya menerima surat² petition yang sa-rupa ini yang di-sains beramai² itu hendak-lah di-siasat, kerana perkara ini berlaku orang² yang membuat petition ini kerap kali mereka-lah yang menjadi gangster² dan bukti-nya yang terang kalau ada satu perbalahan, umpamanya, di-Merlimau di-dalam kawasan saya yang menghakimkan perbalahan dalam kawasan itu di-antara China dengan China, bukan ketua² China di-dalam kawasan itu di-panggil sa-orang lain yang datang daripada Melaka, orang ini-lah di-anggap ketua, tetapi saya di-beri tahu orang yang di-panggil itu ia-lah orang konon-nya menjadi informer (penyata gelap) kapada Polis, dia-lah juga menjadi kepala ekor dia-lah juga menjadi kepala gangster. Jadi, ini-lah harapan saya supaya dapat bagi pihak Polis berhati² kerana kita tidak mahu sa-saorang yang baik saperti Lee Kiam Swee ini, dia bekerja hanya menoreh getah telah dapat ranchangan tanah Kerajaan sa-banyak 4 ekar, ada mempunyai anak yang banyak mahu dia di-tuduh menjadi ahli kongsi jahat; dengan tuduhan ini dia telah di-tangkap oleh Polis dengan sains², orang

yang bagini ramai. Harapan saya ia-lah supaya dapat di-timbangkan pada masa hadapan perkara² petition yang di-kemukakan oleh orang ramai kepada Polis supaya dapat di-siasat benar-kah atau tidak orang² yang membuat petition ini, betul atau tidak nama dia dan dudok dia itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya berchakap berhubung dengan Pembangunan Negara, Kepala 126. Saya hanya merayu-lah sa-kali lagi kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kawasan saya supaya dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri atas Ranchangan² Tanah F.L.D.A. saperti di-Kemendor, di-Bukit Bulat dan di-Menggong sana telah ada mengeluarkan hasil getah. Sa-kali lagi saya ulangi kalau-lah di-Hutan Percha akan di-beri kilang getah, Hutan Percha ini belum pun lagi mengeluarkan hasil getah, di-harapkan kawasan saya ini mendapat pertimbangan dan saya tegaskan lagi di-Ayer Kangkong, saya minta Estimate Pembangunan ini dapat di-beri sa-buah sekolah untuk anak² di-sana.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas Kepala 126, Pechahan-kepala 1 dan 9 ia-itu berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan juga Ranchangan Tanah Jengka, ada-lah Ranchangan Tanah Jengka ini dalam kawasan saya sendiri, dan juga dalam kawasan saya ada satu dua lagi Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah. Di-sini satu dua perkara sahaja saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, ia-itu ada sa-bilangan masha-rakat kita daripada orang² buta yang patut juga mendapat ranchangan² ini. Sebab di-kawasan saya ada satu Pusat Melateh Orang² Buta ini dalam chara segi pertanian. Jadi, saya perchaya, kalau Yang Berhormat melawat ka-kawasan saya dan melihat bagaimana satu masyarakat orang buta ini dapat di-lateh dan mahir dengan chara² berkebun, saya perchaya Yang Berhormat boleh memberi peluang pada mereka² ini dalam Ranchangan² Tanah Persekutuan yang saya cheritakan tadi.

Yang satu-nya lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan chara kita mengator peserta² dalam Ranchangan² ini. Saya berharap supaya peserta² ini tidak di-longgokkan kepada kedaerahan² ia-itu jikalau orang Kelantan satu tempat sahaja, kalau orang Kedah, orang Kedah satu tempat sahaja, dan ini pada masa yang lampau telah timbul selalu kedaerahan ini berselisihan faham di-antara satu dengan lain membangkitkan bermusoh²an. Jadi saya harap, kalau dapat, di-champor²kan tidak di-asing² ka-negeri²an dan sa-bagai-nya.

Yang kedua saya hendak berchakap di-bawah Pechahan-kepala-kecil 2—Majlis Amanah Ra'ayat. Saya sunggoh berbesar hati mendengar penerangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri di-atas kemajuan² yang di-jalankan oleh MARA ini. Saya minta ada dua tiga chadangan supaya dapat di-timbangkan. Yang pertama usaha² MARA untok hendak membimbing menolong bumiputra dalam perusaha-an dan perdagangan. Ini sangat baik dan boleh di-katakan berjalan dengan baik. Tetapi, ada satu perkara yang saya fikir boleh memberi faedah yang besar, kalau dapat MARA mengadakan satu secretariat di-tiap² negeri di-mana bumiputra yang suka mengambil bahagian yang chergas dalam perusaha-an dan perdagangan mendapat panduan², nasihat², daripada secretariat ini. Nasihat² yang saya menchadangkan saperti mengadakan, kalau ada satu perusahaan yang mereka² berchadang hendak mengadakan ia-itu perusahaan yang besar dapat mereka pergi ka-secretariat ini mendapat panduan² daripada Pegawai² MARA yang mahir, kerana kita telah ada satu Institute of Technology dan sa-bagai-nya yang akan mengeluarkan orang² yang boleh memberi nasihat² kepada bumiputra kita ini.

Bagitu juga secretariat ini boleh memberi nasihat kepada bumiputra yang belum chukup mahir dalam chara² borangan dan sa-bagai-nya, menasihatkan bagaimana hendak meletakkan harga²-nya supaya mereka jangan rugi dan supaya mereka boleh mendapat

panduan pula daripada MARA bagaimana boleh mereka² mendapat pertolongan daripada MARA ini.

Dahulu, Tuan Pengerusi, kita telah ada satu secretariat tetapi secretariat ini telah mati dengan tidak berkubor. Jadi, saya harap perkara ini dapat dibangkitkan sa-mula supaya rasa saya dengan chara macham ini dapat bumiputra lagi lebeh mendapat panduan dan memajukan dalam perusahaan dan perdagangan ini.

Lagi satu ia-lah perkara MARA mengambil bahagian yang chergas untuk menolong bumiputra yang telah maju yang telah menjalankan perusahaan-nya. Ini saya harap sangat dapat MARA memberi perhatian yang berat. Ada kita tengok perusahaan² yang dijalankan oleh bumiputra yang boleh di-katakan maju tetapi mahu pertolongan lagi supaya mereka berjalan dengan baik dan chekap, ia-itu dalam negeri saya banyak ada perusahaan² yang di-kelolakan 100% oleh bumiputra, tetapi kerana kurang bimbingan daripada MARA sebab MARA memandangkan mereka boleh berjalan dengan sendiri, jadi tidak mahu mengambil bahagian menolong mereka² ini. Jadi, saya harap ini juga dapat perhatian berat daripada MARA ini.

Yang ketiga berkenaan dengan chara² MARA menjalankan berkenaan dengan perkhidmatan pengangkutan. Saya tahu-lah, saya harap, saya perchaya, ia-itu MARA tujuan-nya bukan hendak menjalankan perkhidmatan itu sendiri, bukan hendak menjadikan satu bahagian daripada MARA, tetapi MARA di-harapkan supaya perkhidmatan ini betul² di-bimbing oleh anak bumiputra menjalankan perusahaan² itu bukan menjadikan sa-bahagian daripada Jabatan. Jadi, ini saya pandang tidak berapa pesat pada masa yang lampau. Saya umpamakan satu sharikat di-kawasan saya telah tiga tahun berjalan, tetapi tidak ada lagi chara² bagaimana MARA hendak menyerahkan perjalanan² perkhidmatan ini kepada bumiputra, kerana yang pertama lethan² daripada ahli² sharikat itu tidak di-beri langsung dan bagaimana boleh besok-nya kalau hendak di-serahkan

kapada Ahli² share atau pengarah² daripada sharikat itu menjalankan perusahaan² ini. Jadi, saya harap perkara ini di-pertimbangkan dengan halus-nya supaya tujuan asal MARA untuk menolong bumiputra dalam pengangkutan ini betul² mendapat sambutan yang baik daripada bumiputra. Pada masa yang saya cheritakan tadi, sharikat ini boleh di-katakan sambutan² daripada bumiputra untuk hendak menjalankan perusahaan ini boleh di-katakan malap, tidak mahu-lah di-jalankan kerana memandangkan MARA tidak hendak menjalankan sharikat ini sa-bagai menolong bumiputra untuk menjalankan dengan sendiri, chuma MARA menjalankan sharikat ini untuk menjadikan sa-bahagian daripada chawangan² pejabat MARA. Jadi, saya harap perkara ini dapat di-timbangkan supaya hasil tujuan asal kita MARA ini di-tubuhkan untuk memberi peluang supaya bumiputra boleh menjalankan dengan sendiri dan kemudian kelak dalam semua perusahaan². Terima kaseh

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya menyentoh dalam perkara Kepala 115—Pechahan-kepala 2—Balai² Polis Kechil dan Rumah², Malaysia Barat berjumlah \$1,540,943 yang mana juga kebanyakan rakan² saya tadi telah menyentoh dalam perkara tersebut dan di-sini saya suka-lah menguchapkan satinggi² terima kaseh dan tahniah kapada Kementerian yang berkenaan. Tetapi apa yang saya suka menarek perhatian kapada Menteri ia-lah bangunan Polis berek di-kawasan Polis Telok Datoh yang dudok-nya Polis Berek ini betul² di-tepi tebing Sungai Kuala Langat yang mana saya sudah nyatakan di-dalam Dewan yang bertuah ini, tepi tebing sungai ini telah pun retak hanya di-pasak dengan kayu bakar buat sementara waktu sahaja. Retakan² tebing sungai ini melalu² di-bawah rumah berek yang tersebut.

Oleh yang demikian di-dalam peruntukan sa-banyak satu juta ringgit lebeh ini, saya berharap perhatian istimewa dan perhatian yang mustahak di-berikan kapada pembenaan rumah² yang terkena di-tepi tebing sungai itu.

Kepala 126, Pechahan-kepala 2—MARA. Sahabat saya tadi juga telah menyentoh dalam perkara tersebut, maka di-sini-lah dudok-nya dan tergantong-nya anak² bumiputra di-hari yang akan datang dan di-sini juga-lah harapan negara supaya mengsambangkan kedudukan ekonomi yang tidak begitu memuaskan pada hari ini. Apa yang saya hendak sampaikan di-sini ia-lah sa-paroh daripada sa-paroh pegawai² MARA yang menjalankan tugas sama ada perengkat atas atau pun perengkat bawah kurang begitu mengambil perhatian untuk menarek ra'ayat² bumiputra di-luar bandar ini menaruh keperchayaan penoh kepada MARA. Chontoh-nya, Tuan Pengerusi, yang saya saksikan sendiri bagi pengangkutan bas² MARA. Pegawai² MARA yang bertugas di-dalam bas mengeluarkan kata² yang di-terlalu kesat, terlalu kasar terhadap kapada penduduk² luar bandar yang menaiki bas itu. Ini akan membosankan mereka dan mereka akan bertindak dalam perkara yang tersebut.

Jika saya tidak mahu perkara² ini berluasan kerana perkara ini ada pernah berlaku dan pernah sa-orang ibu yang telah hamil di-mana dia belum sempat naik ka-dalam, bas itu telah berjalan dan beliau telah mendapat kechederaan dan di-bawa ka-hospital. Jadi perkara² seperti ini-lah yang saya tidak ingin berlaku. Kita hendak menarek perhatian dan keperchayaan ra'ayat. Bagitu juga di-dalam temu-duga² ra'ayat luar bandar hendak mendapatkan Pegawai² MARA untuk mendapatkan penerangan² berkenaan dengan MARA, tugas MARA atau pun sa-bagai-nya; apabila di-sampaikan satu² perkara itu jangan-lah sa-hingga menyebut dan menyentoh keperibadian yang tidak menyenangkan hati orang² yang berkehendakkan penerangan atau pun sa-bagai-nya. Bagitu juga-lah di-dalam temu-duga², jangan-lah disentoh keperibadian sa-saorang yang datang bertemu-duga itu, kerana di-dalam temu-duga ini akan membawa akibat yang burok apabila di-sebarkan-nya keluar. Kalau Pegawai MARA membuat perkara seperti itu bagaimana kita hendak letakkan segala keperchayaan pada hari yang akan datang. Jadi,

chara sombong dan bongkak sa-tengah dariada Pegawai² MARA ini kita ketepikan sama sa-kali.

Tuan Pengerusi: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 6.00 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 6.15 petang.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Pengerusi: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia itu Ahli² Yang Berhormat boleh berchakap hingga pukul 6.30 sahaja lagi, dan sa-saorang boleh berchakap sa-lama 5 minit atau lebeh sadikit.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas Kepala 126, Pechahan-kepala 3—lain² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Dalam melaksanakan ranchangan Luar Bandar, saya berpendapat perhubungan antara Wakil² Ra'ayat dan Pegawai² Awam hendak-lah di-chapai dengan baik sungguh pun kadang² perhubungan di-antara dua kumpulan itu Wakil² Ra'ayat dan dengan Pegawai² Awam tidak begitu baik mungkin dua kumpulan itu berada di-dalam dua dunia yang berlainan. Dengan itu kita kadang² mendengar dan mendapati mereka keritik dan mengeritik di-antara satu dengan lain. Tugas Wakil Ra'ayat, saya perchaya ia-lah mengawasi polisi atau dasar Kerajaan Pentadbiran. Hal ini tentu-lah kadang² mendatangkan riaksi dari pihak Pegawai² Awam. Kadang² keritik yang di-buat oleh Wakil² Ra'ayat kapada Pegawai² Awam mungkin tidak berasas, mungkin Pegawai² Awam dengan ada-nya General Orders, F.G.O. dan procedure² dan juga chara pentadbiran yang lama

menyebabkan salah faham itu berlaku. Tetapi dengan ada-nya perhubungan yang bertambah baik dan lebih rapat terutama pada masa akhir² ini di-antara Wakil² Ra'ayat dengan Pegawai² Awam telah membawa perhubungan yang baik dan sa-fahaman serta kerjasama itu telah terchapai. Hal ini dapat di-laksanakan melalui beberapa meshuarat Pembangunan Luar Bandar maka hasil-nya dapat dilihat dari perpaduan yang di-chapai dalam memajukan Pembangunan Luar Bandar, sa-fahaman di-antara dua² kumpulan di-dalam sa-buah Kerajaan telah mengambil tempat yang tidak ada banding-nya di-dunia sa-belah sini, maka masaalah yang di-chapai oleh Wakil² Ra'ayat dan Pegawai² Pentadbir dapat di-selesaikan dengan mudah di-meja meshuarat dan dengan itu saya perchaya persefahaman ini dapat di-chapai melalui kebijaksanaan oleh Kerajaan Perikatan.

Dengan itu saya menguchapkan terima kaseh di-atas kebijaksanaan Kerajaan Perikatan serta Pegawai² Awam yang telah memberi kerjasama kapada Wakil² Ra'ayat yang datang daripada semua lapisan masyarakat. Menyentuh dengan Kepala 115, Polis di-Raja Malaysia, Pechahan-kepala 2—Balai² Polis Kechil dan Rumah² Malaysia Barat, saya hendak menyentuh kawasan saya, ia-itu saya minta pehak Kementerian ini mengkaji sa-mula kedudukan Balai² Polis Kechil di-kawasan saya. Sekarang semua Balai² Polis Kechil ini di-dirikan di-sabelah kanan Sungai Perak. Dan sa-panjang kawasan sa-belah kiri ia-itu daripada Tanjong Belanja sampai ka-Pulau Tiga jumlah batu-nya 40, dan mempunyai penduduk lebih kurang 20,000 orang, chuma ada sa-buah Balai Polis yang kechil ia-itu di-Layang² Kiri. Oleh kerana kawasan ini dengan ada-nya satu ranchangan, ia-itu Ranchangan Tali Ayer Seberang Perak yang telah di-buka kawasan² yang besar dan beribu² orang telah datang daripada luar kawasan saya mendudoki kawasan itu. Pada masa sekarang tambahan pula, ia-itu Jambatan Idris, jambatan yang besar baharu² ini telah pun di-binasakan oleh banjir, maka perhubungan antara sa-belah kiri ka-sabelah

kanan telah terputus, maka Balai Polis yang besar dalam kawasan saya ia-itu di-Bota Kanan. Maka tentu-lah pehak Polis tidak dapat mengawal sa-bagitu panjang-nya kawasan di-sabelah kiri tambahan lagi saya dapat *information*, ia-itu banyak penduduk² yang datang daripada luar telah berkumpul di-satu kawasan, ia-itu di-namakan Titi Gantong. Banyak orang² yang datang ka-kawasan ini ia-lah orang² yang dudok di-tanah haram. Jadi, kumpulan ini sekarang telah menentang semua kemajuan² yang telah di-buat oleh Kerajaan ia-itu menahan segala ranchangan² ini untuk di-majukan. Tambahan pula kawasan ini saya dapati ia-lah kebanyakan penduduk² di-sini ia-lah menjalankan chara² subversive—ini saya perchaya telah di-jalankan oleh satu kumpulan, kumpulan parti ia-itu PAS.

Jadi, mereka itu tahu dengan tidak ada kawalan oleh pehak Polis, maka mereka ini telah keluar malam saperti burong² jampok, burong² hantu masok ka-dalam kawasan² untuk menghasut penduduk² di-situ. Mungkin ada kechurian dan juga pergadohan di-dalam kawasan ini. Jikalau ada pergadohan yang besar, tentu-lah Polis hendak mengawal, atau datang tentu-lah kena pergi ka-Tanjong Belanja baharu dapat ka-kawasan itu, atau pun menyeberangi sungai, maka pehak Polis pun tidak ada motor bot.

Jadi, saya berharap kapada Kementerian ini mahu-lah mengkaji sa-mula kedudukan Polis² Pos, atau Balai² Polis Kechil di-kawasan saya ini. Jikalau tidak ini akan menimbulkan pergadohan antara penduduk² di-kawasan saya dengan penduduk² yang datang di-kawasan itu sa-chara haram. Dan juga saya dapat tahu di-dalam Titi Gantong ini, beberapa orang yang menjalankan pekerjaan yang tidak di-ingini menghasut² kan penduduk² di-situ dengan di-anjori oleh burong² jampok, burong² hantu yang datang daripada kawasan lain dudok di-situ untuk menanam padi. Tetapi yang sa-betul-nya mereka itu bukan-lah dudok di-kawasan itu kerana hendak menanam padi, tetapi ada-lah masaalah politik. Jadi, saya berharap-lah keadaan ini sa-belum menjadi akibat yang

burok patut-lah Kementerian ini mengkaji balek kedudukan Balai² Polis dalam kawasan saya.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Kepala 115—Police di-Raja Malaysia, Pechahan-kepala 1, 2, 3, 62, 63 dan di-mana² yang bersangkutan. Jadi, Tuan Pengerusi nombor satu saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri kita for the fast development and acceleration of the construction of Police quarters. Speaking on the quarters, I would like to remind the Honourable Minister that the Police personnel in Pulau Tikus, Ayer Hitam and Tanjong Tokong area, where there is a big police post, are now staying in barrack-type quarters. When I visited one of these barracks I found that a police sergeant had 12 children and they were all cramped in one room and the bigger boys had to sleep in the verandah. The same thing happens in the Police Headquarters where we are supposed to have built many years ago a big permanent building. The same thing too applies there where male members of the family have to sleep on the verandah. Therefore, I would request and urge the Honourable Minister to accelerate the construction of quarters for these police personnel.

Speaking on police stations, I am very glad to see that there is going to be a new look at police stations where they are going to demolish the old ones and put up new ones. However in reconstructing, you need planning. In planning, I would like to attract the Honourable Minister's attention to the very voice of the Police themselves. It says here, I quote:

"Acting Deputy Superintendent
E. A. Fernandez,
O.C.P.D.,
Petaling Jaya.

If possible, have a decent waiting room with comfortable chairs. If you cannot deal with them at once, tell them why they have to wait. This will eliminate tension and suspense."

Therefore, this shows that the Police themselves realise the position and they are determined also, as I have said during my previous speech, to win

public confidence and accord efficient service. I am very happy to note that the Police have also taken note of it through experience and constant contact with the people. Therefore, they themselves have said that they realise there is a requirement of a little concern and sympathy that makes things easier for the people who call at the police stations and when they leave, they leave with good impression and better understanding and offering full-time cooperation—and, as I have said, confidence in the Police is the most important thing, Sir.

Therefore, with these I would like to request the attention of the Honourable Minister to concentrate on providing a new outlook at police stations; have waiting rooms and accord the people concerned facilities and, if possible, do away with the colonial look we have now, where once you enter a police station you feel that you are the accused and you are trying to find a way out, or once you go in, the policeman starts pestering you with questions and they start putting on pressure, with the result that most of the people fear to go to a police station—and even children fear going to a police station. Therefore, I am sure that with a new outlook, there will be more and better understanding, co-operation and confidence. But, then, Sir, with new police stations and with new outlook, it is the policeman that makes the difference. Therefore, in this respect I say we must strengthen the efficiency and the procedures in police stations. I have known of a case where a message was conveyed by the hospital to a police station to convey to house number 123, plus a certain alphabet, that a child at the hospital had died. The policeman misunderstood the alphabet, say, 123J of Perak Road or Jelutong, and miscarried the alphabetical suffix of the address. Instead of of going to J, they went to LM, with the result that after the corpse of the baby was disposed, the parents, went to the hospital and made an attempt to locate the patient; they were told that the corpse was disposed of five or six days ago, and the parents were very, very greatly depressed and disappointed, and sad. All this calls for understanding. I am very glad to hear that

the Police are strengthening the "Operation Berkhidmat" which should bring them closer to the public and the "Operation Muhibbah" or goodwill which has come out as Tan Sri Salleh's system. That, Sir, I am sure will help them to understand the villagers and even every nook and corner of the villages.

Sir, touching on the equipment . . .

Tuan Pengerusi: Berapa lama lagi?

Tuan Geh Chong Keat: Lima minit, Sir.

Tuan Pengerusi: Lima minit? Tengok jam.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, speaking on the Police and their equipment, I have got to say this. During the last riots, during the visit of Tan Sri Salleh, it was found that some of the Police Stations were short of arms and rifles. Therefore, Sir, I would request that there should be regular checking on the requirements and accessories of arms and ammunitions at Police posts, so that when there is need, when there is trouble, we will not find a lack of policemen and lack of arms. Therefore, Sir, I say that, where necessary, adequate provision should be made for the armament of each Police post.

Now, talking of radio, Sir, our House has touched of many subjects on technology, but I would like to put a poser to the Police, especially the Traffic Police. Now, we know that we have radio cars, we have radio patrol; but even amongst the Policemen, *mata-mata* the radio squad and the radio patrol there has been some misunderstanding. It seems some of the policemen, especially those in Traffic, are very fond of hiding around corners and when the people come out, Sir, this is according to their whims and fancies or, shall I say, their discretion which at times turn out to be very bad. They say, "Stop", but you did not stop. So, it is against the law. Therefore, you have to go to the Police you have got to attend Court, or a summon will be served. Sir, whatever I say only

reflect public opinion. They say that the Traffic Police are more interested in inspecting your licence provided you have notes clipped within it. I am just reflecting public opinion and not casting a slur. Sir, if the Police are really interested in boosting their morale and efficiency, it is high time that they showed to the public through "Operation Muhibbah" and "Operation Berkhidmat" the integrity of the Police and their pride in wearing the Royal insignia of Police di-Raja Malaysia. Therefore, I say, that is the important thing and rather than telling the people to prove to them, they should prove to the public that they are above board and that their integrity is beyond suspicion. In this respect, Sir, I wish to put this poser. The Police are buying radar equipment, they are contemplating using radar equipment to set up speed traps. But if the Police Officer

Tunku Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Kepala mana ada Radar Unit?

Tuan Geh Chong Keat: Under Sub-head 62, Perhubungan² Radio Polis (Police Radio Communications)—I see that the Assistant Minister is shaking his head; therefore, I think they are contemplating buying radar speed trap units. Sir, what I would say is this: the Police experts are recommending to buy these units and they say that once they have the radar on, and you pass the point, they will be able to tell you at what speed you are travelling. But, then, the flaw is this. I would like to advise the Assistant Minister to read the *Wireless World* of last year's issue, where it is stated that in England they are producing a gadget with only one valve and one oscillator with the frequency of the transmitter of the radar unit. So, if you buy the gadget, you will be able to detect the Police trap half a mile away. It costs slightly more than a guinea. However, it is not usual for our radio hams and our radio students down here to buy the book, which is now banned in England, but you may be able to buy it under the counter. You buy the book, you know the gauge of the wire, wind up the coil, guide the oscillator

valve and with a little speaker,—it would not cost you more than \$15— and when you are half a mile away, you get the “beeping” tone. You can receive that when the station is on, and it costs you less than \$20. Therefore, I would like to remind the Police, especially the Minister and the radio experts, to study this issue if it is worthwhile; otherwise it is going to cost us a few million dollars in buying radar units and you find out that the radio experts and hamsters will be avoiding all those and you would not be able to catch anybody. But, then, another question, Sir, is this: the measure unit of one mile Police trap. Now, we found out that quite a number of people have been caught in that trap and the Policeman will come around and say, “Between the starting point and the ending point—that is the measured mile—you have done 40 miles an hour or 38 miles an hour.” I will request the Minister to study this issue—even though he has not been challenged in Court, but still I would like the Minister to give a close study on the efficiency of the stop watches, the efficiency on human tolerance of the Policeman taking down the time between point and point, and there must also be a survey of the actual distance of one mile. Therefore, taking into consideration all these points, I think the Police will have a weak case to catch the speedsters. Further, I would like also to find out from the Minister how many people were caught in the trap and how many were actually released by the Police, and how many were given a warning. It will be quite interesting, Sir, to find out all the results, and that will be for the efficiency and better understanding and co-operation between the Police and the public. Thank you, Sir.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di-sini membuat penjelasan. Saya mengucapkan terima kasih atas pujian² di-alakan kepada Kementerian² yang berkenaan, menerima kasih juga kepada tegoran² yang di-buat tentang diri saya, mana² perkara tegoran² yang di-kemukakan ada dalam perhatian saya sendiri, Insha' Allah saya akan

mengambil perhatian dan kalau boleh mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Mana² yang mengenai Kementerian lain yang tidak dalam Kementerian saya, Insha' Allah saya akan kemukakan tegoran² dan chadangan² yang telah di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat kepada Kementerian yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyatakan atau menyual mengapa Jabatan Chetak Kerajaan tidak mengadakan alat² mesin offset untuk menchetak statement dengan segera. Tentang ini saya suka menyatakan bahawa kenyataan Yang Berhormat itu tidak-lah benar, kerana di-jabatan tersebut memang sudah ada satu bahagian kecil bagi mesin² offset yang kecil untuk menchetak kerja² Bahagian Jabatan Keselamatan Negeri dan juga mengechap semua borang² dan risalah² dan sa-bagai-nya semenjak tahun 1959.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah mengatakan semenjak saya di-lantek sudah terdengar banyak orang lari—bukan lari sahaja daripada tawanan Polis, tetapi telah di-dapati mempunyai pistol apabila mereka itu lepas lari. Perkara ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum ada-lah satu perkara yang bukan luar biasa. Perkara orang salah lari daripada Tahanan Polis itu memang berlaku dimana² negeri dalam dunia ini. Kalau Ahli Yang Berhormat itu membaca dengan teliti-nya cherita² perlarian orang salah, terutama-nya di-England itu sedangkan kawalan rapi yang di-adakan di-penjara yang terkenal sa-kali dalam dunia ini pun ada orang² yang boleh bukan satu dua orang sahaja, tetapi lima enam orang lepas lari yang sampai sekarang ini pun ada tidak dapat lagi di-tangkap orang² yang lari itu.

Jadi suka-lah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat, menjaga manusia itu bukan-lah sa-bagai menjaga lembu atau pun kambing; manusia ini macham² helah tipu daya dia, dalam pada kita berjaga kadang² saya sa-bagai Megisteret ada mendengar kes² di-mana pehak² Pegawai Polis telah di-da'awa kerana lalai menjaga orang salah, tetapi dalam pada itu ada keterangan²

bahawa orang salah dalam pada di-gari dia itu pun lepas lari, apa-lah lagi kalau orang salah yang dalam rumah sakit yang barangkali betul, atau pun pura² hendak pergi ka-tempat buang ayer, kalau dia hendak lari ikut lubang jamban pun barangkali payah Ahli Yang Berhormat itu dapat menahan-nya, ini perkara yang biasa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Untuk penjelasan. Saya bersetuju dengan Menteri Muda itu di-atas peristiwa² begitu, tetapi orang salah mengikut darjah kesalahan-nya, kalau kesalahan yang besar

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak minta keterangan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Hendak minta petua legal-nya; ada-kah Menteri menyiasat bahawa orang ini kesalahan-nya merompak dan dia minta hendak pergi buang ayer itu mata² itu mesti eskot dia sampai di-situ—lain-lah kalau kesalahan kecil; jadi tidak-lah boleh di-katakan perkara ini perkara biasa.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, sa-takat yang saya tahu jagaan² Polis terhadap orang² salah dalam jagaan Polis, itu selalu mengikut peringkat kesalahan-nya; kalau orang itu telah melakukan kesalahan yang berat sa-bagai menyamun, membunuh, biasa-nya tidak kurang² daripada dua atau pun tiga orang yang menjaga-nya, tetapi dalam pada itu juga saya suka-lah memberi tahu Ahli Yang Berhormat dalam pada kemas, kuat kawalan itu, ada juga biasa berlaku lepasan, pelarian orang salah dalam tahanan pehak² Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ada membawa perkara penchurian kerbau yang berlaku di-Kedah atau pun kawasan-nya di-Alor Star. Ini pun satu perkara yang tidak luar biasa, kerana saya berpeluang berkhidmat di-Kedah sa-bagai Hakim beberapa tahun lama-nya dan perkara penchurian kerbau di-Alor Star di-kawasan itu di-Kedah khas-nya ada-lah satu perkara kebiasaan yang sangat payah di-hapuskan. Dalam pada itu tentang chadangan Ahli Yang Berhormat supaya kerbau²

itu di-brandkan atau di-chap dengan tanda supaya dapat di-ketahui tuan punya kerbau² itu, ini saya suka-lah memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa perkara sa-macam ini ada-lah perkara di-dalam jagaan atau pun pentadbiran Kerajaan Negeri; kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat suka memanjangkan perkara ini, saya chadangkan supaya perkara ini di-kemukakan kepada Kerajaan Negeri dan boleh-lah Kerajaan Negeri membuat perhubungan dengan Jabatan Haiwan Negeri supaya di-chap atau di-brandkan kerbau² dengan nombor atau tanda² supaya senang di-kenali oleh tuan² punya-nya dan pehak² yang berkenaan kalau sa-kira-nya berlaku perkara kechurian kerbau.

Ahli Yang Berhormat dari Perak Hilir menchadangkan kelas² dewasa patut di-bena sa-chara gotong royong. Tentang ini, Tuan Pengerusi, saya suka mema'alumkan bahawa pelajar² kelas dewasa memang telah di-gesa membena kelas² dewasa sa-chara bergotong royong dan banyak kelas² itu telah di-bena di-kampung² oleh pelajar² kelas dewasa sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Perak Hilir juga telah menchadangkan supaya projek² kecil hendak-lah dilaksanakan oleh Pegawai Daerah dan tidak oleh Jabatan Kerja Raya. Ini, Tuan Pengerusi, saya suka mema'alumkan terpaksa di-jalankan oleh Jabatan Kerja Raya kerana hendak menjamin bahawa projek² itu di-dirikan dengan sempurna-nya mengikut kehendak² teknikal dan kejuruteraan yang sempurna. Projek² kecil yang berjalan dengan sechara gotong royong dan harga-nya rendah daripada \$5,000 memang di-bawah jagaan Pegawai Daerah. Sa-lain daripada itu, suka juga mema'alumkan bahawa ra'ayat di-masa satu² projek kecil yang di-jalankan itu biasa-nya selalu mereka itu di-panggil mengambil bahagian melaksanakan segala projek² dengan jalan gotong royong.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat telah meminta supaya rumah wadar² itu di-baiki kerana keadaan sekarang rumah² wadar itu tidak memuaskan. Tentang perkara ini sudah pun ada ranchangan² untuk membena

rumah² kelas "G" bagi wadar² dalam Rancangan Pembangunan Malaysia; Kementerian saya memang sedar keadaan kurang baik rumah² wadar yang ada sekarang ini kebanyakan-nya lama, kecil yang telah di-dirikan sama-sama belum perang dahulu, dan sa-bagaimana yang telah saya nyatakan dalam masa saya mengemukakan anggaran pembangunan tadi wang anggaran telah di-khaskan untuk membena rumah² yang baharu yang berbentuk moden sedikit dan yang bersesuaian dengan kehendak orang² atau pun wadar yang mendudoki-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menhadangkan supaya penjara² di-bandar di-pindahkan ka-luar bandar dan kemudahan² berchuchok tanam di-sediakan. Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, bahawa memang elok jika penjara di-bandar itu di-pindahkan ka-luar bandar, tetapi kebanyakan penjara² yang ada pada masa ini umpama-nya penjara di-Kuala Lumpur itu ada-lah penjara yang telah di-dirikan semenjak beberapa tahun sebelum perang dan lepas di-dirikan, sa-lepas beberapa tahun bandar² atau pekan² di-mana ada-nya penjara itu bertambah besar dan kesudahan-nya penjara itu kebanyakan-nya ada didalam pertengahan bandar. Dalam pada itu ada rancangan dalam pandangan Kerajaan supaya Penjara Pudu itu di-pindahkan ka-Kajang. Tentang perkara ini, tanah telah di-perolehi untuk di-dirikan satu Penjara di-Kajang, tetapi oleh kerana kesempitan wang, rancangan kita mengadakan, memindahkan penjara daripada Pudu kepada penjara yang baharu di-Kajang itu terpaksa-lah buat sementara ini ditangguhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan meminta satu kilang getah di-kawasan-nya dan juga mengadakan satu sekolah di-Bukit Bulat. Kilang yang di-chadangkan itu, Tuan Pengerusi, telah di-adakan di-Hutan Percha ia-lah kerana memikirkan letak-nya dan kilang itu akan memproses getah daripada beberapa rancangan² termasuk-lah rancangan yang di-dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu juga. Chadangan-nya yang kedua itu mengadakan satu sekolah di-Bukit Bulat

pada waktu ini belum sampai masa-nya bagi mengadakan sekolah

Tuan Abdul Karim bin Abu: Untuk penjelasan. Berhubung dengan sekolah ia-itu Sekolah Kebangsaan di-Ayer Kangkong.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Terima kaseh. Pada waktu ini belum sampai masa-nya bagi mengadakan sekolah yang di-chadangkan di-adakan di-tempat yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana murid-nya pun kecil bilangan-nya dan ada sekolah berdekatan dengan rancangan itu, tetapi sa-lepas beberapa tahun, kalau sa-kira-nya ramai bertambah bilangan murid² duduk di-situ, dan jikalau sa-kira-nya di-fikirkan mustahak perlu di-adakan sekolah itu. Perkara ini akan mendapat timbangan daripada Kementerian yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara mengatakan bahawa oleh kerana Anggota² Polis tidak berpeluang memasuki suatu Union oleh kerana ia-lah dia satu pasokan yang berdisiplin yang mustahak, maka ia telah menhadangkan supaya satu Jawatan-kuasa di-adakan untuk mengkaji masaalah Polis personnel itu. Tentang ini, Tuan Pengerusi, saya suka mema'alumkan memang ada satu Persatuan Pegawai Kanan Polis dan Persatuan Rendah Polis yang bersidang dengan perwakilan Kerajaan atau dalam Majlis Polis untuk membincangkan masaalah Anggota Polis sakalian.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara juga membuat chadangan supaya oleh kerana pehak Polis tidak dibenarkan menjadi Kesatuan Sa-kerja, Kerajaan menubuhkan suatu kuasa bagi menjaga hak² mereka ini. Jawapan ini sa-bagaimana saya jawabkan tadi telah pun ada satu pertubuhan yang di-namakan *Police Council* di-wakili oleh pegawai² dari pangkat Inspekter ka-bawah sa-bagai Staff Side dan pehak Kerajaan di-Official Side. Tugas Jawatan-kuasa ini ada-lah menimbang segala shor² atau tuntutan² yang di-kemukakan oleh Anggota² Polis dan pegawai² yang berpangkat Inspekter ka-bawah. Jawatan-kuasa ini ada-lah menimbangkan segala tuntutan² rayuan² daripada

kakitangan² Pegawai² Polis dan Jawatan-kuasa ini ada-lah berhubung rapat dengan Whitley Council.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat menchadangkan juga bahawa satu padang helikopter patut di-adakan di-Balai² Polis Besar. Chadangan ini hanya dapat di-laksanakan sa-kira-nya ada tanah lapangan berhampiran dengan Balai² Polis itu. Ada kala-nya Balai² Polis di-satengah² tempat saperti di-Kuala Kangsar dan di-Pekan berhampiran sangat dengan padang bola dan tidak boleh-lah helikopter turun dengan tidak menjadi merbahayakan orang² ramai di-situ. Tetapi saperti Balai Polis di-Jalan Bandar, Kuala Lumpur, ada tanah lapang berhampiran dengan-nya dan tidak-lah boleh hendak membuat padang helikopter khas untuk helikopter turun. Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu chadangan yang elok dan apabila di-fikirkan mustahak di-adakan persiapan sa-bagaimana yang di-chadangkan ini, dan ini akan mendapat perhatian dan timbangan dari pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menchadangkan supaya di-adakan Pondok² Polis di-semua kampung. Ini saya bersetuju ada-lah satu chadangan yang elok dan saya berpeluang sa-masa berlaku peristiwa di-Pulau Pinang dahulu melawati kampung² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini dan saya berpendapat pada masa ini dan juga pada masa ini bahawa keadaan kampung itu ada-lah akan terkawal, lebeh² tenteram sa-kira-nya di-adakan Pondok² Polis di-semua kampung di-mana orang² kampung yang dudok di-situ di-pelawa mengambal juga dalam tugas kewajipan mengawal keselamatan kampung masing². Tetapi dalam pada itu sa-bagaimana yang saya nyatakan baharu² ini, pihak kita sekarang ada-lah sangat berkurangan kakitangan Polis, bilangan yang ada pada masa ini ada-lah sa-bagaimana yang saya telah katakan menchukupi sahaja untuk menjaga keselamatan keamanan negeri ini dan tidak-lah dapat sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, kita mengadakan Polis² Post, atau pun Pondok² Polis di-semua kampung² di-negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah juga menchadangkan sa-waktu perangkaan yang lengkap di-adakan bagi menunjukkan kedudukan bumiputra dalam ekonomi negeri ini. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, ada-lah satu perkara dalam mana menyiap-nya akan mengambil masa yang panjang, sunggoh pun bagitu chadangan itu ada-lah baik dan ada-lah di-ambil perhatian terhadap-nya, tetapi buat sementara ini MARA akan mengeluarkan angka² yang menunjukkan kemajuan yang di-chapai dari sa-masa ka-samasa. Angka² itu akan menunjukkan banyak mana matlamat² yang telah di-tetapkan dan telah di-laksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyentuh tentang pepereksaan Sijil Persekolahan Tinggi atau pun H.S.C. yang telah tidak memuaskan di-Institute Technology MARA. Saya suka ma'alumkan di-sini daripada 45 orang yang telah mengambil pepereksaan ini chuma 10 orang sahaja yang lulus, sebab²-nya pada pendapat saya ada-lah pertama-nya lambat mereka mulakan pelajaran ia-itu pada bulan Mach dan April tahun 1967, dan lagi satu sa-patut-nya kursus ini ada-lah bagi dua tahun, tetapi mereka belajar dalam masa lapan bulan sahaja, bukan dua tahun, dan satu perkara lagi yang patut di-ingati, penuntut² yang belajar di-sini yang tidak lulus ini kebanyakan-nya kesemua-nya ada-lah bekas² pelajar, penuntut² yang telah gagal di-sekolah² lain yang telah tidak mahu lagi diterima oleh sekolah² lain. Jadi, MARA atau pun Institute Technology untuk memandang kapada kepentingan-nya bagi kita memimpin penuntut² yang telah ketinggalan dalam pelajaran ini yang telah tidak di-terima oleh sekolah² lain, dalam pada ini menerima mereka ini belajar dan oleh kerana kelas² atau pun standard² dari pelajar yang di-tolak daripada sekolah lain ini ada-lah lebeh kurang daripada standard² penuntut² yang lain, maka kelulusan mereka dalam sekolah ini tidak-lah nampak-nya bagitu baik.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara juga menyentuh tentang kata-nya kelewatan bagi Pejabat Immigeresen mengeluarkan paspot dan meminta

supaya perkara² ini mendapat perhatian Kementerian ini dan supaya pengeluaran paspot di-jalankan dengan sa-berapa segera yang boleh. Saya suka ma'alumkan di-sini, Tuan Pengerusi, bahawa Pejabat Imigresen mengeluarkan dua chara paspot: satu paspot yang di-panggil Restricted Malaysia Passport untuk orang² pergi ka-Singapura sahaja, dan satu lagi ia-lah paspot yang di-namakan paspot biasa Ordinary Passport untuk mereka berjalan keluar negeri ka-tempat² lain sa-lain daripada Singapura. Paspot Berhad yang saya sebutkan tadi untuk membolehkan sa-orang itu pergi ka-Singapura boleh di-keluarkan dengan segera-nya sa-lewat²-nya dalam tempoh 15 minit sa-lepas permohonan daripada orang² itu di-terima. Tentang pengeluaran paspot biasa atau pun Ordinary Passport yang membolehkan sa-orang itu keluar negeri ada-lah mengambil masa yang lambat sedikit daripada sa-minggu kepada 10 hari kerana biasanya sa-belum permohonan untuk keluar negeri di-timbangan, di-luluskan, atau pun di-tolak orang² yang memohon itu terpaksa-lah di-siasati dengan halus-nya, dengan teliti-nya supaya pehak Kerajaan berpuas hati bahawa pemergian ia-nya keluar negeri untuk melawat atau berjalan itu ada-lah satu perkara yang tidak membahayakan keselamatan negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson telah meminta supaya Anggota² Polis di-beri alat² yang moden bagi mencheegah atau menentang rusuhan, sa-umpama-nya, kata-nya, belantan letrik atau ayer warna yang boleh di-gunakan ka-atas perusoh² dengan demikian ahli perusoh itu dapat di-kesan, dan di-tangkap sa-lepas itu. Beliau juga menchadangkan supaya tempat² kediaman bagi Anggota² Polis di-Kuala Lumpur di-pusatkan dalam satu daerah, ini akan memberikan kemudahan kata-nya serta kelichinan bagi mereka menjalankan tugas dan bertindak dalam tanggong-jawab-nya. Tuan Pengerusi, pada masa ini kita telah pun mengadakan satu Pasokan Simpanan Polis atau F.R.U. yang bertanggung-jawab, di-antara lain mencheegah rusuhan; Pasokan ini di-beri latehan yang khusus dalam selok belok

menentang rusohan. Peranan mereka hingga hari ini amat-lah memuaskan, sa-bagaimana yang telah di-tunjokkan dalam beberapa peristiwa saperti rusohan yang baharu berlaku di-Pulau Pinang dan di-Kuala Lumpur juga. Pada masa ini, ada-lah masa keadaan kekurangan wang; jadi, shor supaya semua Anggota² Polis di-peralatkan dengan alat² yang moden itu ada-lah perkara yang akan memakan atau menelan wang yang banyak dan terpaksa-lah chadangan ini atau pun perkara ini di-tanggohkan terlebih dahulu.

Berkenaan dengan chadangan supaya di-adakan bangunan² rumah tempat kediaman Pegawai² Polis berdekatan dengan tempat dia menjalankan tugas-nya, ini ada-lah, Tuan Pengerusi, menjadi dasar bagi pehak pejabat ini menyediakan tempat² kediaman Pegawai² yang berkhidmat di-dalam pejabat ini berdekatan dengan tempat² mereka bekerja. Di-Kuala Lumpur umpama-nya Inspekter² Polis atau pun Merinyu² Polis di-tempatkan di-rumah² yang di-sewakan oleh Kerajaan yang selalu letak-nya berdekatan, kalau boleh dengan tempat² di-mana pegawai² ini ada bertugas.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson juga telah menegor atas kesukaran, kepayahan saudara², ibu-bapa orang² yang dudok tetap di-sini bagi memasuki negeri ini. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka ma'alumkan ibu-bapa yang tua, atau pun saudara² ra'ayat Malaysia ada-lah bukan masok bilangan orang yang berhak memasuki dan dapat dudok tetap di-negeri ini di-bawah undang² kemasokan atau pun Undang² Imigresen yang ada pada masa ini. Orang² ini yang saya katakan tadi orang² tua, orang² ibu bapa tua, atau saudara orang yang di-sini, ia-itu ra'ayat di-sini yang hendak masok, boleh-lah membuat permohonan kepada Kementerian yang berkenaan, ia-itu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, supaya di-timbangan permohonan ini dan biasanya ada kala-nya permohonan ini di-luluskan di-atas dasar kemanusiaan, umpama-nya, kalau sa-saorang itu ada mempunyai bapa atau pun ibu yang lebih umur-nya daripada 60 tahun dan

yang tidak ada orang yang boleh menjagāi di-negeri-nya yang asal dan ia-nya bergantung kepada anak² atau pun warith yang dudok di-sini yang menjadi ra'ayat di-sini, ini ada-lah di-pandang oleh Pehak Kerajaan sebagai asas, pun sebab dari segi kemanusiaan yang biasa-nya orang² tua, saudara² yang tua seperti ini diberi kebenaran masuk ka-negeri ini, kerana mereka di-pandang ada-lah juga sa-bagai orang² yang tidak menyebabkan atau menjadikan keberatan kepada negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh menchadangkan supaya MARA patut mengadakan secretariat untuk memberi nasihat kepada peniaga² bumiputra di-tiap² negeri. Tuan Pengerusi, tentang perkara ini pehak Kementerian berpendapat bahawa secretariat yang di-chadangkan itu tidak-lah perlu di-adakan di-tiap² negeri kerana sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu ma'alum barangkali di-tiap² negeri ada di-adakan Pejabat MARA bukan di-negeri sahaja bahkan di-tiap² daerah di-adakan Pejabat MARA dan orang ramai boleh-lah berhubung dengan Pegawai² MARA yang di-tubuhkan itu di-tempat dan di-daerah masing². MARA memang ada satu bahagian yang di-namakan Bahagian Khidmat Penasihat untuk memberi nasihat kepada peniaga² bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh juga telah menyatakan MARA tidak melantek bumiputra untuk mengambil aleh sharikat² kenderaan yang MARA sedang jalankan. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, MARA memang melateh bumiputra untuk bersedia mengambil aleh perkhidmatan kenderaan bas yang sedang MARA jalankan, tetapi ranchangan ini mengambil masa dan sedang di-jalankan beransor².

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah membuat tegoran bahawa pegawai² MARA tidak menarek ra'ayat bekerjasama dan pegawai² MARA dalam temu-duga, hendak-lah kata dia menjalankan kewajipan dengan tidak menyentoh ka-peribadian dalam temu-duga. Tudohan ini yang pertama-nya mengatakan pegawai² tidak menarek ra'ayat bekerjasama, tuduhan ini,

Tuan Pengerusi, sangat umum. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi ma'lumat² yang lebeh tegas supaya tindakan yang sempurna-nya boleh di-ambil oleh pehak MARA. Tentang tegoran yang kedua itu, tegoran ini di-ambil perhatian. Saya perchaya jika ada perkara seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, perkara² yang berkenaan tidak-lah berniat burok, tetapi chuma menduga pendirian chalun² sahaja. Perkara ini hendak-lah di-terima dengan chara terbuka sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat juga telah berkata bahawa rumah² Polis di-Telok Datoh mengalami keruntohan tanah tebing Sungai Langat dan meminta perhatian. Perkara ini, Tuan Pengerusi, ada-lah sedang penyiasatan sama ada kawasan Polis itu hendak di-pindahkan ka-tempat lain, atau pun keadaan tempat itu di-perbaiki. Walau macham mana pun pehak Kementerian ini sedar bahawa rumah² yang terlibat dalam benchana ayer sungai itu ia-lah rumah² jenis sementara dan lambat laun akan di-gantikan dengan rumah jenis baharu serta moden. Malang-nya kerana kekurangan wang, maka perumahan baharu itu terpaksa-lah di-kaji sa-mula dalam tempoh Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan berkata juga bahawa rumah² Polis di-kawasan-nya telah lapok dan tidak memuaskan. Tentang ini, sa-bagaimana saya sebutkan tadi dalam masa saya mengemukakan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Dalam Negeri bahawa, saya bersetuju banyak rumah² berek Polis, tempat kediaman Polis, yang telah di-dirikan masa Kerajaan penjajah dan rumah² ini saya bersetuju ada-lah tidak bersesuaian dengan bukan sahaja pangkat ahli² Polis yang bekerja, tetapi juga tidak bersesuaian dengan bilangan femili Pegawai² Polis yang bekerja, dan sa-bagaimana yang saya kata Kerajaan telah pun beberapa tahun mengambil ingatan, langkah yang berat terhadap perkara ini, ia-itu dalam masa lima atau enam tahun ini lebeh kurang 4,000 unit rumah² berek yang menelan belanja tidak kurang daripada \$50 juta

telah di-dirikan di-merata² tanah ayer dan dalam pada itu Kerajaan maseh bergiat lagi menghalalkan perhatian-nya terhadap ranchangan membangunkan berek² bagi kakitangan Polis, terutama-nya bagi pehak Polis biasa sa-bagaimana saya katakan tadi sa-jumlah wang, kalau tidak salah saya 53% daripada peruntokan wang yang telah di-bahagikan untuk di-minta bagi tahun ini yang berjumlah \$20 million itu, khas-nya, di-ketepikan sa-mata² untuk mengadakan bangunan² berek, tempat kediaman yang baharu yang lebih moden bagi Pegawai² Polis terutama-nya bagi pehak Polis biasa.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ada juga berkata supaya Polis berhati² menyiasat apabila menerima surat² petition sa-macam ini. Tentang ini, saya berterus terang-lah menyatakan rayuan, atau aduan sa-macam ini saya sendiri pun banyak menerima. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum perkara penangkapan, pembuangan jajahan yang di-adakan dalam Undang² Penchegahan Jenayah atau P.C.O. atau pun Undang² Pengkhas Tempat Ketinggalan, Restrictive Resident Enactment, itu ada-lah undang² yang mesti di-adakan untuk kita mengawal pehak² yang tidak di-ingini, pehak orang² jahat sa-bagai gangster² tetapi dalam undang² ini ada juga di-adakan beberapa perkara, beberapa syarat di-mana orang² yang di-tudoh di-jangka ada-lah orang² ahli kongsi gelap di-tangkap dan di-siasat dengan halus di-bawa, dan di-kemukakan saksi² dan penyiasatan yang di-adakan oleh pegawai Inquiry di-mana perbicharaan yang teliti akan di-adakan; tetapi dalam pada itu kalau sa-kiranya ada Ahli Yang Berhormat mendapat laporan, keterangan² yang pasti mengatakan sa-saorang itu telah teraniaya oleh kerana aduan² yang tidak berasas di-buat oleh orang² yang tidak bertanggung-jawab saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat memberi laporan penoh kepada saya dan saya berjanji-lah mengambil tindakan yang keras menyiasat sama ada laporan² itu betul, dan kalau betul saya akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Dalam perkara pada itu, saya minta-lah Ahli Yang Berhormat

mengambil ingat bahawa pehak orang² yang menjalan kuat-kuasa undang² ini ada-lah manusia, dan sa-bagai manusia itu mesti-lah barang kali kadang² ada satu perkara yang tidak betul atau yang kekurangan. Sa-bagaimana saya kata tadi dalam pada itu ada-nya boleh jadi perkara² tidak di-ingini itu berlaku. Kita mesti ingat-lah bahawa Undang² di-adakan itu ada-lah undang² yang mustahak. Kita adakan untuk mencegah dan mengawal-nya perkara kongsi² gelap itu daripada merebak ka-tempat² dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga telah memuji Pasokan Pancharagam Sekolah Henry Gurney, Telok Emas, dan telah merayu supaya peruntokan di-buat khas-nya untuk pancharagam ini. Tentang ini saya bersama²-lah dengan Ahli² Yang Berhormat memuji Pasokan Pancharagam ini, saya berpeluang sendiri menyaksikan lakunan-nya di-dua tiga tempat di-mana di-adakan berbagai² pertunjukan dan saya bersetuju-lah dengan Ahli Yang Berhormat bahawa pehak yang berkenaan di-Sekolah Henry Gurney telah menjalankan kewajipannya yang sangat baik dan telah mengadakan satu pancharagam yang sunggoh² baik. Dan chadangan supaya wang di-asing yang di-untokkan bagi pancharagam ini akan mendapat perhatian Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit juga meminta kajian kedudukan Balai² Polis di-kawasan Parit untuk mengawal anasir terutama di-Titi Gantong. Perkara ini akan di-ambil perhatian, sunggoh pun demikian ketika ini ada beberapa Pondok Polis ia-itu dari Parit hingga ka-Lambor dan di-Pulau Tiga juga.

Berkenaan dengan pertanian yang mana terpaksa saya menjawab atas soalan tersebut sa-bagaimana yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara, ini pada masa jawapan ulasan saya dahulu saya terlupa menjawab tegoran² dan chadangan² yang di-buat-nya, dan saya minta ma'af-lah kerana tidak memberi jawapan pada masa ulasan yang dahulu, tetapi hari ini tentang tegorannya bahawa berek² di-tempat-nya itu

ada-lah burok dan berek² yang baharu patut di-adakan. Tentang perkara ini sa-bagaimana yang telah saya jelaskan tadi Kerajaan ada-lah mengambil perhatian yang berat di-atas kedudukan atau keadaan berek² yang di-duduki oleh pegawai² Polis ini, dan sa-bagaimana saya jelaskan tadi sa-jumlah besar wang yang telah di-pinta bagi tahun 1968 ini telah di-asingkan, di-khaskan terutama-nya, bagi mengadakan berek² yang besar yang lebeh moden lagi daripada yang di-adakan yang ada pada masa ini yang telah di-dirikan pada masa sa-belum perang dahulu.

Tentang tegoran-nya berkenaan dengan kerjasama pehak Polis dengan orang ramai itu, saya sungguh-lah bersatu hati dengan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini, kerana saya sendiri berpendapat bahawa kalau sa-kira-nya pehak Polis sama ada Pegawai² Tinggi atau pun Polis biasa tidak mendapat kerjasama daripada orang ramai, saya yakin dan perchaya bahawa pehak Polis boleh menjalankan tugas-nya dengan begitu baik, dengan boleh mendapat kejayaan yang penoh dan saya berharap Operation Service yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja akan di-adakan di-Pulau Pinang sa-bagaimana yang sedang di-adakan, tetapi akan di-adakan ditempat² yang lain di-tanah ayer kita.

Tentang chadangan-nya kita mengadakan equipment yang lebeh baik, ini saya memang-lah menyokong beliau tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum perkara kita ini sempit sangat dalam segi kewangan. Saya perchaya pehak Polis sekarang ini memang menyekat atas perkakas² equipment yang moden yang patut di-gunakan oleh pehak Polis dan kalau sa-kira-nya ada wang-nya besok, saya perchaya pehak Polis akan mengambil peluang membeli dan menggunakan equipment yang moden untuk menolong mereka menjalankan tugas. Tentang penggunaan radar itu, kalau saya tidak salah, ada di-chuba sa-kali di-Kuala Lumpur dan pada masa itu saya lagi berkhidmat dalam jawatan Pejabat Undang² dan kesalahan telah di-chapai dalam penggunaan radar ini telah di-chabar dalam Mahkamah dan nampak-nya pehak

Polis tidak berjaya dalam siasatan tersebut menyebabkan, rasa saya kalau tidak salah, pehak Polis menarek balek kegunaan radar bagi buat sementara dan barangkali tidak lama lagi, kalau ada radar atau perkakas² yang lebeh baik daripada perkakas² yang telah di-gunakan itu, saya perchaya pehak Polis akan mengambil peluang menggunakan perkakas² bagi chubaan itu.

Tentang memulangkan perkara penangkapan orang membawa motokar laju, itu sa-mata² kapada kecekapan pehak Polis; ini pun satu perkara yang payah di-buktikan di-Mahkamah saya tahu banyak kes² di-Mahkamah yang tidak berhasil oleh kerana kadang² ada keterangan mengadakan speedometer itu tidak biasa di-bela, di-pereksa sakan lama. Jadi kalau tidak ada peruf menyatakan perkakas yang di-gunakan untuk menangkap orang lari laju itu, biasa-nya di-pereksa tiap² bulan, atau pun ada dalam keadaan baik, kes² yang di-bawa di-Mahkamah berkenaan dengan motokar di-bawa dengan deras, dengan laju itu, biasa-nya tidak lekat. Dalam pada itu, saya perchaya pehak Polis telah mencapai kejayaan² yang penoh dalam perkara membawa motokar laju ini. Saya sendiri pun ada kena fine sa-kali \$20 kerana lari laju. Memang ada speed² trap di-buboh ditempat² di-mana biasa-nya derebar motokar akan mengambil peluang melarikan motokar dengan laju dan, rasa saya, kejayaan yang terchapai lebeh lagi daripada perkara yang tidak berjaya.

Tuan Geh Chong Keat (dengan izin):

Mr Chairman, Sir, the Honourable Assistant Minister has explained about traffic traps. May I bear on the Minister's tolerance a bit on the motor cycle corps. Now, I would like to ask the Honourable Assistant Minister to study the system used by the motor cycle corps: the motor cycle corps, after following a vehicle for some distance, signal to the car and say, "You have exceeded 30 miles." In that respect I would like to ask the Honourable Assistant Minister to consider the efficiency of the motor cycle, the certificate of efficiency of the meter, the tolerance and human reflexes of the

motor cycle rider in controlling the motor bike with one hand with one hand on the accelerator, one foot on the brake and at the same time keeping an eye on the meter. Therefore, such factors should be taken into consideration in respect of the system used by the motor cycle corps, because they themselves at times prove to be a danger; sometimes they say that they have taken both their eyes off the road and stared at the meter for about five minutes. Therefore, they themselves are inconsiderate drivers and that factor should be taken into consideration in this respect.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Soalan itu akan mendapat perhatian saya dan Kementerian saya. Jadi, Tuan Pengerusi, sa-takat itu sahaja-lah ulasan² dan saya menguchapkan sebanyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang saya memberi ulasan dan kepada tegoran² yang telah di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat. Terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$341,974 untuk Kepala 112; \$668,000 untuk Kepala 113; \$1,721,050 untuk Kepala 114; \$20,500,010 untuk Kepala 115; \$233,020 untuk Kepala 116 dan \$97,850,000 untuk Kepala 126 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Kepala 117—

Tuan Pengerusi: Ada-lah masaalah bahawa perbelanjaan di-bawah Kepala 117 Anggaran Pembangunan bagi tahun 1968 hendak di-luluskan terbuka untuk di-bahathkan sekarang.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pertahanan (Tuan Chen Wing Sum) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$125,000,000 appearing under Head 117—Malaysian Armed Forces, be approved.

Sir, when I moved this Ministry's Ordinary Estimates of Expenditure for 1968, I mentioned that the provision

sought for was merely to cover the existing needs of the Armed Forces and did not take into account any possible expansion consequent upon the British Military withdrawal. Likewise, the allocation of \$125 million being sought for the Armed Forces under the Development Estimates 1968 is largely to meet the contractual commitments already entered into by this Ministry under the existing expansion programme. I also mentioned that the expansion of the Armed Forces was to be slowed down due to the current unfavourable financial situation of our country. Some modifications have been made to the existing expansion plan and the result was the deferment of some new units and projects which were scheduled to be implemented this year. Only a few essential projects are planned to be undertaken in 1968, and thus ensuring the financial ceiling imposed will not be exceeded.

Mr Chairman, Sir, before I discuss the provisions for this year, I would like to give a brief explanation of the progress achieved last year. In the Army, several existing units were expanded and several new units were established. The Headquarters, Land Forces East Malaysia were expanded into a full Divisional Headquarters, thus enabling it to take over fully the defence responsibility in East Malaysia from the British and Commonwealth Forces. Another infantry battalion of the Royal Malay Regiment was formed. The raising of this infantry battalion will be completed this year. The other units that were raised included the Malaysian Service Corps Training School, one Divisional Provost and Security Section, two Medical Centres, one Garrison HQ, Armed Forces Fire Inspectorate, Malaysian Air Support Signal Troop, two Port Units and one Air Despatch Company.

The expansion programme for the Navy also proceeded satisfactorily. The new Frigate which was ordered in 1966 would be completed for commissioning in 1969. 11 out of the 14 Patrol Craft ordered in 1965 were completed and are now in service. 4 Fast Patrol boats were commissioned and came into service at

the end of 1967. The construction of advanced bases in East Malaysia proceeded as planned.

For the Air Force, purchases of additional aircraft were made. An agreement was reached between the Government of Malaysia and the United States for the purchase of 10 "Sikorsky" helicopters under the Credit Assistance Arrangement. The purchase of these medium helicopters is considered essential in order to meet the Malaysia Army requirement for air logistic support and air mobility. The provision of medium helicopters for ground security forces in Malaysia is a prime and indispensable requirement with which these forces become fully effective. Delivery of the 20 Strike Aircraft ordered in 1966 would be completed and it is envisaged that all the aircraft would come into service early this year. Other than that, base facilities at Kuala Lumpur, Kuantan, Labuan and Kuching had been adequately expanded to meet the minimum operation need of the Armed Forces.

Mr Chairman, Sir, as the Honourable Minister of Defence has often stated, our aim is to have Armed Forces of a reasonable size, effective, efficient and well-disciplined.

As I said earlier, the expansion programme for the Armed Forces in 1968 has been reduced and limited to only the few essential projects. In the Army, it is hoped that a nucleus of another Divisional Headquarters would be formed. To support this new Divisional Headquarters it would be necessary to expand the Signal Regiment and establish one Field Ambulance and a Medical Company for the Field Ambulance. Also planned to be established this year is an Ammunition Depot. The allocation provided under Sub-heads 18 to 24, 29 and 44 are essentially to meet the equipment requirements of the already existing units and to a limited extent the requirement of some new units, mentioned earlier.

For the Navy, a few additional ships will come into service. This includes

3 more Patrol Craft which were ordered in 1965. The new Frigate K.D. "Hang Jebat"—would be fitted and sea trials are due to start at the end of this year. It is anticipated that the ship will be commissioned into the service of the Royal Malaysian Navy at the beginning of 1969. The allocation totalling \$23,138,018 under Sub-head 25 is required to make progress payments for the ships already delivered and those still under construction.

Some additional aircraft would be acquired by the Royal Malaysian Air Force this year. Apart from the strike aircraft and the "Sikorsky" helicopters, firm orders have been placed for an additional 9 "Caribou" aircraft. The allocation under Sub-head 27 represents the costs of these aircraft. A sum of \$959,187 which appears under Sub-head 28 is required for the purchase of essential equipment for the operation of the new aircraft. The addition of these aircraft will enable the Royal Malaysian Air Force to assume a greater responsibility for the tactical air support of our Security Forces.

Sir, accommodation is an essential aspect of the development of our Armed Forces. It has always been the policy of the Ministry of Defence to provide adequate accommodation facilities for our troops. However, due to the difficult financial situation of our country at present, it has not been possible to provide these facilities as planned. Out of the sum of about \$30 million provided for accommodation under Sub-heads 1 to 13, an amount of \$24.3 million is required for the completion of projects already begun last year. Only \$5.7 million would be available for new projects. This sum would be utilised to initiate an Infantry Battalion Complex and a Married Quarters complex in East Malaysia.

Mr Chairman, Sir, I beg to move.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja dalam Kepala 117, Pechahan-kepala 27—Pembelian Kapal² Terbang. Saya harap Kementerian ini supaya berchermat dan mengawasi jangan membeli kapal

terbang yang kurang baik, sebab sa-bagaimana telah berlaku tiga buah kapal terbang kita dahulu telah jatuh terhempas dan beberapa banyak pilot² kita telah menimpa kemalangan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pengkalan Tentera Udara kita hendak-lah kita mengkaji dan menambah alat dan kelengkapan udara yang sempurna untuk menchegeh dan mengesan gerakan chepat payong terjun, kerana negara kita ini terdedah sa-bagaimana kita tahu dahulu dalam masa konfrantasi dengan Indonesia melambak² tentera terjun datang ka-tempat ini. Jadi, dengan ini kita tidak hendak lagi supaya pisang berbuah dua kali untuk mengancham keselamatan negara kita ini.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya minta berchakap pendek sahaja. Kepala 117, muka 24, Pechahan-kepala 43—Naval Base. Saya sangat sukachita di-atas keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melawat Naval Base kita di-Singapura pada hari itu. Saya minta sangat dengan tegas-nya supaya Kerajaan kita menjaga dan memelihara Naval Base kita di-Singapura itu dengan sa-daya upaya. Itu-lah pertahanan kita yang terutama dan yang akhir-nya. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, berchakap dalam Kepala 117 berhubung dengan ranchangan² daripada Kementerian Pertahanan, saya juga mengambil kesempatan menguchapkan banyak terima kaseh di-atas khidmat yang bersunggoh² oleh Angkatan Tentera kita yang berkhidmat kerana mempertahankan negara kita dari serangan² luar dan juga mempertahankan negeri² yang mempunyai daerah² dengan sempadan². Saya mengambil perhatian pertama sa-kali berkenaan dengan layanan perumahan bagi askar² yang mana sa-hingga sekarang pehak tentera² kita maseh merasa kesulitan berhubung dengan rumah² tempat tinggal. Jadi, apa yang saya sebutkan di-sini saya ulang sa-kali lagi ia-itu mengikut penyiasaan saya di-dapati bahawa tentera² kita yang berpangkat rendah sangat merasa kesulitan berhubung

dengan tempat tinggal, kerana mereka juga menanggung beberapa kesulitan² dalam hidup dan tanggungan berhubung dengan rumah-tangga. Yang kedua oleh sebab kita memerhatikan yang tentera² kita ini sentiasa bertugas di-luar² negeri dan juga bertugas di-luar kawasan daripada tempat tinggal mereka itu, maka maseh merasa kesulitan lagi berhubung dengan nasib anak² mereka itu berhubung dengan persekolahan. Jadi, saya shorkan supaya pehak yang berkenaan ia-itu Kementerian Pertahanan supaya menubuhkan sa-buah sekolah khas bagi anak tentera ini supaya dapat mereka itu melanjutkan pelajaran miskipun bapa atau keluarga mereka itu menemui kemalangan².

Perkara yang kedua saya hendak chakapkan berhubung dengan Pasokan Tentera Wataniah. Menurut penerangan dari Kementerian Pertahanan baharu² ini bahawa oleh sebab konfrantasi sudah tamat dan Tentera² Wataniah akan di-perkurangkan. Walau pun niat atau pun chadangan daripada Kementerian itu hendak mengurangkan, tetapi tentera² yang ada hendak-lah di-lengkapkan dengan kelengkapan yang baik, yang sesuai dengan keadaan masa. Mengikut keadaan yang ada sekarang ini bahawa uniform² Pasokan Tentera Wataniah di-beri dengan begitu sahaja dengan tidak mengikut sukatan², umpama-nya kasut², uniform, topi dan lain² lagi di-beri sa-olah² barang² berlebehan begitu sahaja. Yang demikian saya shorkan supaya Askar Wataniah yang ada sekarang ini hendak-lah di-lengkapkan dengan pakaian atau uniform yang chukup sempurna dan berdisplin.

Yang ketiga apa yang saya dapati bahawa latehan² menggunakan senjata. Kebanyakan saya dapati beberapa platoon dalam negeri saya bahawa senjata yang di-ajar ia-lah senjata² jenis kampung begitu sahaja dan tidak di-ajar dengan jenis² senjata yang moden. Jadi saya shorkan di-sini supaya pehak Kementerian memberi latehan kepada mereka itu untuk menggunakan alat² senjata yang moden supaya takdir-nya berlaku kechemasan² pada masa hadapan dapat-lah Pasokan Tentera Wataniah ini memberi pertolongan

yang sa-baik²-nya kepada tentera yang ada sekarang ini, lebeh² lagi saya shorkan supaya Tentera² Tempatan ini di-lengkapkan dengan sa-chukup²-nya di-kawasan² sempadan utara Malaysia dan juga sempadan dengan Indonesia.

Tuan Chen Wing Sum (*dengan izin*): Sir, the Honourable Member for Muar Utara has made an observation that we should buy aircraft carefully because we had several air crashes recently in our country. Sir, the purchase of aircraft is made not only after considering their technical capability but also suitability for use in our conditions, particularly the border operations. I can assure the Honourable Member that everything is done to ensure a good purchase. The aircraft which we have ordered are the latest and the newest type, and I should also say that the air crashes which occurred recently have nothing to do with the purchase. Air accident is inevitable in any country.

Sir, on the observations made by the other two Honourable Members for the purpose of these Estimates, I would say that we will do our best to manage and protect the Naval Base we have in Singapore. To the Honourable Member who suggests that we should provide better accommodation for our Armed Forces, Sir, I have already stated in my speech that it is the policy of the Ministry of Defence to provide accommodation for all except that we are now in difficulty as regards finance; but, still, whenever we have funds, we would continue to build more houses for the Armed Forces.

Sir, for the purpose of these Estimates, I think that is all I need to answer. I express my thanks to the Honourable Members who made these constructive observations. Thank you.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$125,000,000 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Kepala² 119, 120 dan 121—

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take the Ministry of Finance together with the Ministry of Commerce and Industry, i.e. Heads 119, 120 and 121.

Mr Chairman, Sir, I shall begin with Heads 119 and 120. There are only two Heads of Expenditure, namely, Heads 119 and 120 with which the Treasury is concerned. As regards Head 119, Treasury, Sub-head 1—Electronic Computer for the Inland Revenue Department, Honourable Members will recall that the purchase and installation of an electronic computer for the Inland Revenue Department has been approved in 1966. The original provision approved was for \$1,085,040. Supplements totalling \$191,884 were subsequently approved making a total of \$1,276,924. A further sum of \$20,539 is required for 1968 to pay for outstanding orders in connection with this installation which have not been received yet.

Under Head 120—Royal Customs and Excise, four Sub-heads are involved as follows, viz., Sub-head 1, 2, 4 and 5. Under Sub-head 1, Customs Offices and Quarters, a sum of \$1,993,000 is required for the construction of quarters, classes E, G and H at Padang Besar, Port Swettenham, Butterworth, Malacca, Johore Bahru and Kuala Lumpur. This sum will also provide for a new preventive office in Penang Island and the cost of accommodation on the first floor of a two-storey building to be used as a Customs Office at the new deep-water berth site at Butterworth.

Sub-head 2—Purchase of Launches, Land Rovers, Wireless Sets. etc. for Anti-Smuggling Division: A sum of \$230,000 is required to purchase and to arm fast patrol launches and speed boats which are essential in combat in smuggling activities.

Sub-head 4 Royal Customs Training College: The Royal Customs Training College requires an amount of

\$276,000 for extending the existing facilities of the College at Malacca. This will include the construction of an Assembly Hall Museum, four units of Class E quarters and the purchase of essential equipment for the College.

Sub-head 5—Transport and Travelling: A sum of \$1,000 is required to meet claims for transport and travelling expenses incurred by the staff of the P.W.D. who were assigned duties in supervising construction projects of the Royal Customs and Excise Department. Such expenditure is now to be charged to Development.

Sir, I now come to the Ministry of Commerce and Industry. The Development Estimate of the Ministry of Commerce and Industry for 1968 is estimated at \$61,318,364 under Head 121. The figure shows a decrease of \$21,509,456 over the estimates for 1967. As Honourable Members are aware, all the sub-heads of expenditure are for schemes which have been previously approved by this House and, therefore, I need hardly stress the importance of providing the money in order to carry on and complete all these schemes and projects. I shall now explain briefly some of the main sub-heads.

Sub-head 1—Rubber Replanting Scheme: Under Scheme No. 1 \$2.755 million is required to meet contractual payments under the Rubber Industry Replanting Scheme for estates and smallholders started in 1955, whilst under Scheme No. 2, that is the second scheme, \$28,177,250 is required to meet continuing payments in respect of the Rubber Industry Replanting Schemes for estates and Rubber Industry Replanting Schemes for smallholders.

Sub-head 2—National Institute for Scientific and Industrial Research: The sum of \$250,000 is required for purchase of land in Batu Tiga. The land will not only be used for office site for NISIR but also for the Standards Institution of Malaysia.

Sub-head 4—Industrial Estates: Applications for the establishment of

Industrial Estates for the various States are being studied. Pending recommendations to the N.D.P.C. on the financial requirements of these projects, no provision has been made, as such, except for a token vote of \$10.

Sub-head 5—National Productivity Centre: The Centre is now operating as an autonomous body and, therefore, it is felt that it should have a building of its own. It is now housed temporarily in the Government Offices building in Petaling Jaya. A sum of \$500,000 is appropriated for the construction of an office building for the Centre.

Sub-head 6—Tourism: The sum of \$360,000 is required for the construction of a motel in Kuala Trengganu.

Sub-head 7—Rural Electrification: The sum of \$2.5 million has to be provided to enable the National Electricity Board to implement rural electrification schemes for 1968.

Sub-head 8—Mills, Godowns and Equipment for Government Reserve Stock of Rice: The sum of \$582,604 is appropriated to complete the construction of mills and godowns in Bagan Serai and Parit Buntar. It is expected that the project will be completed by the middle of the year.

Sub-head 13—Port Dickson Thermal Power Station and Associated Transmission Lines Sub-head 15—Johor Bahru Thermal Power Station, Second Extension: Sub-head 20—Transmission Lines Associated with Port Dickson and Johor Bahru Power Stations: The total cost of these schemes is estimated at \$153.3 million. The World Bank, in the Loan Agreement, agreed to finance the overseas expenditure of \$111 million on these schemes, leaving the balance of \$42.3 million, of which \$0.3 million will be financed by the National Electricity Board and \$42 million by the Government in the form of equity investment to the Board's Ordinary Stock. The sum of \$42 million is to be financed by the Government in the form of local expenditure for the period 1966

to 1968. The amounts required for 1968 are:

Port Dickson Thermal Power Station	\$5.5 million
Sultan Ismail Power Station (Johor Bahru Thermal Power Station):	
First Extension	Nil
Second Extension	\$2.3 million
Associated Transmission ...	\$4.6 million
Total	\$12.4 million

Sub-head 18—Federal Industrial Development Authority: The Federal Industrial Development Authority has now started functioning and the sum of \$1.3 million is appropriated to meet the running expenses of the Authority.

Sub-head 19—Standards Institution of Malaysia: The Standards Institution of Malaysia has been established within the Ministry in 1966 and converted into an autonomous body in 1967. The sum of \$110,000 is required for purchase of testing equipment.

SARAWAK—

Sub-head 51—Rubber Planting: This is continuation of the schemes approved under the First Malaysia Plan for the purpose of implementing block rubber planting on nine land development schemes under Scheme "B" and also on other rubber planting schemes under Scheme "A"; hence a sum of \$9,833,500 is required for this year.

Sub-head 53—Electricity Supply Corporation: The sum of \$2 million is appropriated to assist the Sarawak Electricity Supply Corporation in the development of the electricity supply industry in Sarawak. This amount comprises the \$1 million loan undrawn last year whilst the other \$1 million is required for this year in accordance with the drawing schedule stipulated in the Loan Agreement concluded in 1964 between the Central Government and the State Governments.

Sub-head 54—Industrial Estates: The sum of \$550,000 is required as a loan to the State Government of Sarawak for the development of an

industrial estate. This is in accordance with drawing schedule stipulated in the Agreement made between the State and the Central Governments.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian ini dan saya menarek perhatian kepada Kepala 121, Pechahan-kepala 1—Ranchangan² Tanaman sa-Mula Getah: Ranchangan nombor satu, ranchangan nombor dua; Ranchangan nombor satu \$2,755,000 Ranchangan nombor dua \$28,177,250.

Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri sa-belum melaksanakan Ranchangan Tanam Sa-Mula Getah ini bagi pekebun² kecil, sama ada bijak atau tidak-nya kita teruskan ranchangan ini. Pada pendapat saya sa-kira-nya kita teruskan ranchangan ini dengan menanamkan getah pada ranchangan² pekebun² kecil ini tentu sa-kali akan menambah pengeluaran getah dengan lojik-nya jikalau pengeluaran getah itu di-tambahkan maka harga getah akan makin merosot dan ini akan mengakibatkan kemundoran pendudok² di-luar bandar yang mengharapkan kepada kehidupan di-atas perusahaan getah. Jadi, kita akan belanjakan lebih daripada \$30 juta untuk hendak menanam sa-mula getah.

Saya fikir lebih baik-lah bagaimana yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat Menteri atas dasar Kerajaan kita untuk memperbagaikan tanaman di-dalam negara kita ini, maka di-timbangkan dengan teliti-nya supaya wang itu di-gunakan dengan sa-bijak²-nya dan saya mengshorkan supaya Ranchangan Tanaman Getah Sa-mula ini di-jadikan ranchangan membesarkan atau meluaskan lagi sawah padi, atau pun kebun kelapa, atau pun ranchangan yang lain² yang akan memberi peluang lebih pendapatan kepada orang² yang mengharapkan mata pencharian-nya kepada tanaman. Saya sangat tertarek hati di-atas beberapa ranchangan yang di-jalankan sa-chara private bagi mengubahkan tanaman daripada getah kepada

sawah dan di-dapati sangat baik penghasilan-nya. Jadi, saya berharaplah kepada Kementerian ini supaya mengkaji sa-dalam²-nya sa-belum kita membelanjakan wang yang sa-bagitu besar ia-itu lebeh daripada \$30 juta mudah²an dengan pengkajian sa-chara mendalam itu akan mendapat lebeh faedah daripada kita melangsungkan apa yang telah pun di-ranchangkan itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, muka 28, Pechahan-kepala 2—Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Ini pun saya berharap dengan adanya pusat penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara ini yang mana nama dia pun tepat ia-itu Perusahaan Negara. Sa-bagaimana yang telah pun kita mulakan dengan memasukkan saham kepada Malayawata Steel sabanyak \$3.4 juta sa-bagai saham. Jadi, molek-lah bagi Kerajaan menghantarkan beberapa rombongan keluar negeri supaya menyiasat dan menyelidiki apa-kah perusahaan yang sesuai untuk kita dirikan di-dalam negara kita ini. Jangan sa-mata² mengharapkan kepada orang luar sahaja datang menasihatkan kita datang mendirikan perusahaan² dengan sa-chara taraf perintis dengan lain², patut kita mahu ada satu daya usaha atau initiative menghantarkan orang² yang kita fikirkan boleh memberi pandangan dengan fikiran atau recommendation ka-seluruh dunia ini dan kita kajikan yang mana-kah satu²-nya perusahaan yang boleh mendatangkan lebeh faedah khas-nya yang boleh mengambil beberapa orang pekerja di-dalam kilang itu supaya kita kurangkan penganggoran. Jadi, saya berharap-lah dengan adanya Pusat ini banyak-lah lagi perusahaan² yang akan di-dirikan dan saya berharap dengan anjoran daripada Kerajaan dengan initiative daripada Kerajaan di-adakan satu dasar baharu kepada sa-barang perusahaan yang akan di-dirikan di-negara kita ini, baik pada masa sekarang ini kita ada satu ranchangan taraf perintis yang kita beri peluang kepada mereka itu sa-lama lima tahun tidak kena chukai.

Jadi, pada pandangan saya, kalau kita beri terlampau lebeh kemudahan

kapada orang² yang mendirikan perusahaan dalam negara kita ini sa-hingga di-pinta ra'ayat jelata mengorban sedikit bagi membeli barang² yang harga-nya lebeh daripada sa-belum ada perusahaan² ini, ini pun satu masalah. Saya dapati di-negara² yang lain jikalau di-dirikan perusahaan negara-nya harga pasaran-nya itu kata-lah macham gula 25 sen manakala perusahaan itu di-dirikan akan turun 20 sen atau 22 sen bahkan dengan ada-nya perusahaan di-sini kita kena bayar 35 sen atau 32 sen; tepong pun bagitu juga. Ini ada-lah satu chara yang tidak bagitu bijak, kerana kita mengharapkan ra'ayat untuk mengorbankan, tetapi orang yang menanam modal dia terima keuntongan yang besar. Ini patut di-kaji dengan sa-halus²-nya supaya di-kontrolkan harga yang hendak di-kenakan kapada barang² yang di-buat dalam negara kita ini.

Saya bersetuju jikalau kita boleh export barang² pengeluaran daripada negara kita ini dan anak negeri mesti mengorbankan membeli barang² itu biar-lah sa-hingga 20% lebeh—tidak mengapa dan kita exportkan barang² itu 20% kurang daripada harga jualan dalam negara kita ini. Ini saya sokong, kerana kita boleh banyakkkan pengeluaran barang² itu dan kita menambahkan pekerja² dan kita dapat pertukaran wang. Ini satu keuntongan yang besar, tetapi kita tidak mengexport dan kita kena naikkan harga. Ini ada-lah satu perkara yang tidak bagitu bijak. Saya harap mendapat perhatian mengenai taraf perintis dan saya harap-lah supaya sa-barang perusahaan yang hendak di-dirikan di-beri peluang sa-luas²-nya kapada seluruh ra'ayat yang ada kemampuan untuk hendak membeli saham. Tetapi pada masa sekarang ini, Tuan sendiri pun tahu manakala di-ishtiharkan di-dalam surat khabar, kata-lah satu² perusahaan hendak di-dirikan di-jual saham dalam dua hari sahaja sudah tutup, dan saham² yang di-beli itu sa-hingga 5 kali ganda, 10 kali ganda lebeh daripada apa yang di-jual kapada pasaran. Ini menunjukkan bukti bahawa warganegara kita ini ada banyak wang simpanan yang mereka ingin hendak masuk dalam

perusahaan dan perindasterian. Saya harap-lah kerana perkara yang samacham ini di-buat sedikit quota biar-lah kita tentukan ia-itu saham yang akan di-beli oleh Kerajaan kata-lah 30%; saham yang di-beli oleh ra'ayat kata-lah 30%, jumlah 60%. Kapada pekerja sendiri yang dalam kilang itu kita khaskan utokkan 10% dan yang 30% lagi kita berikan kapada orang yang luar, pemodal² daripada luar. Tetapi sa-belum kita minta bantuan modal daripada luar, mestilah kita kumpulkan modal yang ada dalam negara kita ini—bukan tidak ada, 9 kali, 10 kali lebih—dan kumpulkan wang yang ada dalam negara kita dahulu, kemudian kita jalankan perusahaan, baharu-lah kalau wang yang tidak cukup itu, kita tawarkan kapada pemodal asing. Ini-lah satu perkara yang saya harap dapat pandangan daripada Kementerian.

Sekian-lah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh atas satu perkara sahaja, muka 28, Pechahan-kepala 7—Bekalan Letrik Luar Bandar. Dalam Anggaran Pembangunan pada tahun ini ada di-chadangkan \$2.5 juta untuk pekerjaan ini. Tahun lalu jikalau tidak salah faham saya kita telah mampu membelanjakan \$3.5 juta. Jadi, harus juga jumlah yang di-masokkan \$2.5 juta bagi tahun 1968 ini ia-lah di-asaskan atau di-chadangkan atas apa yang di-minta daripada tiap² negeri, dan tidak-lah kerana tidak cukup kuasa atau capacity bagi pihak Lembaga Letrik Negara menyempurnakan kerja-nya yang lebih berharga lagi daripada dua juta sa-tengah ringgit. Saya bangkitkan perkara ini ia-lah sebab dengan 'am-nya yang saya perhaya bila kita memanjangkan dan mengembangkan lagi mengadakan bekalan letrik kapada kawasan² kampung itu, tentu-lah akan memberi lagi kesukaan kapada penduduk² kita di-dalam kampung. Saya tidak berani-lah berchakap berkenaan dengan Negeri² lain, tetapi bagi Negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga sa-bagai Menteri Pembangunan Negara

dan Luar Bandar telah bermurah hatinya mengadakan wang² atau peruntokan kerana hendak mendirikan surau² dan masjid² dan banyak sudah semenjak berjalan skim bagi mendirikan surau² dan masjid² ini, maka To' Imam dan lain² anak² kampung-nya minta-lah supaya di-sampaikan kuasa letrik kamajid² ini dan saya suka juga mengambil peluang ini menguchapkan terima kasih kapada Kementerian yang berkenaan kerana telah menyampaikan kuasa letrik sa-kurang²-nya kapada sabuah masjid yang baharu siap di-dalam kawasan saya apabila saya merayu berkenaan hal tersebut tetapi harus ada lagi di-tempat² lain di-mana ada masjid² dan surau² baharu yang di-dirikan yang tidak berapa jauh dengan line kuasa letrik yang ada seperti sekarang ini, yang berma'ana bahawa boleh kita sambungkan dengan tidak memakan belanja yang banyak. Dengan ini saya minta-lah Kementerian ini menimbangkan juga. Saya ada juga mendengar sungutan² daripada mereka² berkenaan dengan kuasa letrik kapada Pantai Chinta Berahi, ia-itu tempat peranginan yang telah mashhor namanya, Tuan Pengerusi. Kata-nya dan saya sendiri pun tengok tidak berapa jauh dengan point yang akhir sa-kali yang ada pada masa ini menuju kapada Pantai itu, tetapi tentang estimate-nya tidak-lah saya ketahu².

Ini bukan-lah kawasan Parlimen saya, tetapi berkenaan dengan sungutan mereka itu berkehendakan bekalan letrik di-tempat tersebut, maka permohonan ini saya sampai kapada Dewan ini untuk pertimbangan. Jikalau sa-kira-nya ada bekalan letrik kapada Pantai Chinta Berahi ini, harus-lah tempat peranginan itu akan menjadi lebih maju lagi, lebih elok lagi dan juga banyak orang² akan membuatkan rumah² peranginan. Jadi, oleh ini saya mengambil peluang menegor atas Pechahan-kepala ini, mudahan² pihak Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan dalam peruntokan dua juta sa-tengah ringgit yang di-utokkan bagi tahun ini, minta tolong gunakan banyak sedikit kapada Negeri Kelantan 'am-nya dan kapada tempat² yang saya sebut dengan khas-nya itu. Terima kasih.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I speak under Head 121, Sub-head 4—Industrial Estates. This question, Sir, has been brought up before and I am aware the Minister has given a reply, but I have been requested to make a plea to the Ministry whether it could give some guidance to Seremban, where there is an industrial estate which, I am told, was given the green signal from the Headquarters at Kuala Lumpur, but that at present it seems to be in trouble. Whoever is to blame, Sir, I am not aware of, but I would plead with the Minister to give some guidance and make this industrial estate a going concern, thereby giving employment to a large number of people, who are readily available within a mile and a half of this industrial site.

The second point, I would like to speak on is Sub-head 6—Tourism. I see, Sir, there is a provision of \$360,000 under this Head, and I would like to point out, Sir, that Port Dickson is an ideal tourist centre visited by thousands of people every week-end. However, so far nothing has been done by this Section to make the place either look neater or give any facilities for the hundreds and thousands of people, who go there to bathe—either visitors from abroad or our Malaysian citizens who go there for a week-end to relax after a hard week's work.

Next Sir, I would speak on Sub-head 2—National Institute for Scientific and Industrial Research—\$250,000. I do hope that some sort of international competition to find more uses of natural rubber as against synthetic rubber could be arranged, whereby the prize presented would be really inducive enough for the scientists in other parts of the world to pay some heed to devise better ways or more ways of using rubber. I would even suggest something equivalent to what is being given as Nobel Prize.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Seberang Utara raised a rather interesting suggestion that because most shares that are offered to

the public are very often over-subscribed by ten times or so, there should be a quota for workers and then to the general public, and only the balance to be offered to foreign capitalists. Sir, I can assure him that the Ministry looks very carefully into this question of offering shares to the public. We do give a proportion of the shares to the Malays, to the workers, even to the distributors before they are offered to the general public. But to say that we must offer all the shares to the Malaysian public first, then only foreign capitalists, we probably will not find any foreign capital coming here at all because of the great demand by local capital. It is the foreign capital that brings the know-how and it is essential that they should be given a share in the capital, before it is offered to the public.

On the other points raised by the Honourable Member for Seberang Utara, on replanting and on industrialisation, these have been repeatedly brought up by him in this House and they have been replied to. I do not propose to reply to him again.

The Honourable Member for Kota Bahru Hilir raised the question of rural electrification—whether or not money could be found to supply electricity to mosques and also to certain tourist sites in Pantai Chinta Berahi. I can assure him that if more funds are available these will be given priority, but there is an existing priority list and we have to adhere to that priority list owing to the limitation in funds.

The Honourable Member for Port Dickson, seeks guidance as to how to make the Senawang Industrial Estate a lively one and my suggestion to him is to encourage more and more local capitalists in Negeri Sembilan not to buy houses and rubber estates but to invest in industries, and unless local capitalists are prepared to set up factories, it would be difficult to attract factories to go there. However, I can assure him that under the Investment Incentives Bill that would be coming up, additional incentives would be given which we hope would attract foreign capital and other capital to go to that

place. On the question of tourism, it is the policy to allow the development of tourist sites as far as possible to be undertaken by private enterprise rather than to be dependent upon the Central Government and where Port Dickson is concerned, private enterprise has done a good job of it and any additional facilities must therefore come from the State Government first, and if they have exhausted it, then we can see what priority we can give to them for further development.

On the question of international competition for more uses of natural rubber, may I suggest to him that we are actively doing research and spending millions of dollars on it, and this point, which he has raised before, has also been replied to. Thank you, Sir.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan. Wang sa-banyak \$20,539 untuk Kepala 119; \$2,500,000 untuk Kepala 120 dan \$61,318,364 untuk Kepala 121 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Kepala 122—

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya wang sa-banyak \$90 juta di-bawah Kepala 122 menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan 1968.

Wang ini, Tuan Pengerusi, akan diperbahagikan untuk perbelanjaan pembangunan di-antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor sa-bagai berikut:

\$77 juta bagi Malaysia Barat; \$6 juta bagi Sabah dan \$7 juta bagi Sarawak. \$300,000 daripada peruntukan kepada Sarawak ini berupa pinjaman kepada Majlis² Tempatan kerana membena sekolah².

Tuan Pengerusi, bagi menutup ucapan saya ini, saya suka mendengar apa² tegoran, jikalau ada, daripada Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil: Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh atas satu perkara sahaja; barangkali tegoran

saya ini termasuk di-bawah Pechahan-kepala 1—Pelajaran Rendah muka 30, dan harus juga Pechahan-kepala 2—Pelajaran Menengah pada muka itu juga. Yang saya hendak sentoh ia-lah berkenaan dengan pengambilan aleh Sekolah² Ra'ayat oleh Kerajaan menjadi Sekolah Kebangsaan Bantuan Penoh. Di-Negeri Kelantan dalam tahun 1966, kalau tidak salah saya, sudah ada 26 buah sekolah yang telah di-ambil aleh oleh Kerajaan dan baki lagi ada 37 buah; daripada 37 buah itu, saya faham sa-buah sekolah hendak di-tutup, ma'ana-nya tidak berkehendakkan lagi, dan ada baki lagi sa-banyak 36 buah sekolah; dan daripada 36 ini saya telah di-beri faham harus 12 buah sekolah boleh di-chantumkan atau pun daripada jumlah 12 buah sekolah itu tiap² dua tiga daripada-nya boleh di-rapatkan atau di-chantumkan dengan Sekolah Kebangsaan yang memang telah ada. Jadi, pendek kata, baki yang sa-benar-nya kena di-ambil aleh tidak lebeh daripada 24 buah sekolah. Keadaan Sekolah² Ra'ayat di-Kelantan ini Tuan Pengerusi, saya perchaya tuan biasa melawat di-sana dan di-dapati chukup-lah dhaif, sama ada bangunan-nya mahu pun serba serbi-nya. Oleh itu saya menyeru-lah kapada pehak Kementerian Pelajaran dan Yang Berhormat Menteri tolong-lah ambil aleh ka-semua 24 buah Sekolah² Ra'ayat ini pada tahun ini juga. Saya bertalu²-lah menerima surat² rayuan daripada Guru² Besar daripada ibu² bapa dan lain²-nya dan saya perchaya tentu-lah mereka semua dengan anak²-nya yang belajar di-situ akan menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Kementerian Pelajaran, sa-kira-nya pehak Kementerian mengakui dan mengambil aleh sekolah² yang 24 buah ini pada tahun ini juga, kalau boleh.

Sa-sudah saya menyebut berkenaan dengan Sekolah Ra'ayat ini saya rasa patut-lah juga saya mengambil peluang ini menyentoh berkenaan dengan perkara guru². Mengikut apa yang telah berlaku pada masa yang lepas, bila Kerajaan mengambil aleh Sekolah² Ra'ayat menjadi Sekolah Kerajaan, ada banyak guru² yang tidak berkelayakan kena di-pechat, atau di-berhentikan, tetapi kerana sebab rayuan² di-buat oleh guru² itu sendiri

yang menerusi UMNO daripada Bahagian 2 dan lain²-nya maka pehak Yang Berhormat Menteri telah memberi timbangan yang sa-wajar dan chukup halus di-atas masaalah guru² yang tidak ada mempunyai kelayakan dan mengikut fahaman saya pehak Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa mereka² yang tidak ada kelayakan yang sa-patut-nya boleh di-benarkan mereka peluang mengambil pepereksaan L.C.E. atau pun Sijil Rendah Pelajaran dan apabila mereka itu lulus dengan Pangkat A atau B boleh-lah mereka diberi dua tahun lagi bagi latehan Teachers' Training.

Jadi, ini saya perchaya-lah satu timbangan yang chukup² mereka menjunjung kaseh kepada pehak Kerajaan dan kepada pehak Kementerian, dan saya suka mengambil peluang ini bagi pehak mereka semua guru yang bersangkut paut menerima kaseh banyak kepada Kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri daripada Kerajaan. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh pada Kepala 122, Pechahan-kepala 3—Pelajaran Melateh Bekerja. Ada peruntokan sa-banyak \$3 juta dalam perkara ini dan saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan dalam perkara ini ia-itu satu sekolah yang telah di-adakan sa-umpama ini di-Sungai Manggis, tetapi sekolah ini telah tidak di-gunakan lagi sa-sudah dua tahun. Apa yang saya harapkan kalau dapat sekolah ini di-buka sa-mula kerana melihatkan kedudukan anak² kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya sa-lepas Tingkatan L.C.E.—Sijil Pelajaran Rendah banyak-lah anak² ini berkehendakkan didekan pekerjaan² supaya di-asoh pelajaran-nya di-sekolah yang saya sebutkan tadi.

Sa-terus-nya saya pergi kepada Pechahan-kepala 8—Rumah² Guru Luar Bandar. Rumah² guru ini sangat mustahak di-tempat saya kerana kawasan² yang telah ada sekolah² adalah jauh daripada tempat² yang ada rumah dan ini saya berharap supaya mendapat perhatian yang utama, kerana rumah² yang di-kehendaki oleh guru²

ini biar-lah rumah yang sempurna, rumah yang baik dan segala kemudahan² bagi guru² untok mengajar murid² kita di-sana itu supaya ada kesempatan bagi mereka untok melanjutkan dan menyenangkan fikiran mereka bagi didekan anak² kita di-kampong².

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir berkenaan dengan Sekolah Ra'ayat di-kawasan-nya. Kementerian saya telah mengambil langkah yang tegas dan mengambil perhatian kapada perkara ini, dan juga berkenaan dengan guru² sementara perkara itu akan di-sampaikan kapada Kementerian saya. Saya suka memberi tahu kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara itu juga mendapat pertimbangan daripada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat ada menyebutkan berkenaan dengan sa-buah sekolah di-Sungai Manggis; sekolah itu akan di-siasat dan tindakan akan di-ambil oleh Kementerian saya. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$90,000,000 untok Kepala 122 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat saya suka mema'alumkan, ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Pembangunan tahun 1968, telah pun meluluskan Kepala 122, Kementerian Pelajaran dalam Anggaran Pembangunan, 1968.

PENANGGOHAN

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya chadangkan supaya meshuarat ini di-tanggohkan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

TUDOHAN PARTI PERIKATAN KAPADA S.U.P.P. SA-BAGAI PARTI KOMINIS

Tuan Tama Weng Tinggang Wan (Sarawak): Tuan Yang di-Pertua, chogan² kata yang selalu di-laong²kan oleh pemimpin² Parti Perikatan di-majlis² perjumpaan dan rapat umum ia-lah "ra'ayat semua kaum mesti bersatu-padu dan berdiri tegoh di-belakang Kerajaan." Seruan² itu sunggoh sedap di-dengar kerana baik tujuan²-nya. Apa tidak, Tuan Yang di-Pertua, dengan bersatu-padu ra'ayat semua kaum-lah negara dapat ma'amor, tetapi sayang sa-ribu kali sayang, di-dalam negara kita Malaysia ia lebih² lagi di-Malaysia Timor, ia-itu Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, chogan² kata itu hanya tinggal sa-bagai kata² sahaja tanpa amalan. Saya kata tidak di-amalkan itu ia-lah di-samping melaong²kan chogan² kata tersebut, maka pemimpin² itu juga melimpar tuduhan² terhadap Parti Pembangkang, terutama sa-kali S.U.P.P., itu parti China, Kominis dan anti-Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan sa-umpama itu sunggoh menghairankan, kerana bukan S.U.P.P. sahaja yang ada berahlikan orang² China, Parti Perikatan juga ada banyak ahli²-nya dari orang² China. Timbul lagi satu tanda tanya, kenapa orang² China di-dalam S.U.P.P. itu di-anggap Kominis dan menentang Kerajaan, tetapi kaum² China, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Parti Perikatan itu menyokong Kerajaan bukan Kominis? Ada-kah sudah di-dapati satu perbezaan yang tertentu di-antara orang² China di-dalam S.U.P.P. dengan yang di-dalam Parti Perikatan, maka-nya tuduhan² itu mudah benar di-limparkan dengan tidak siasat atau usul pereksa terlebih dahulu?

Tuan Yang di-Pertua, kalau di-takdirkan parti² bumiputera saperti PESAKA atau S.N.A.P. itu sunggoh pun ada ahli²-nya dari orang² China, tetapi oleh kerana Pengerusi-nya bumiputera, maka ia-nya tidak di-anggap parti China, tetapi S.U.P.P. sunggoh pun ahli²-nya lebih banyak mengan-

dongi kaum² bumiputra dan Pengerusi-nya China, jadi ia-nya parti China.

Tuan Yang di-Pertua, kira-nya ini jadi alasan, maka parti kaum apa-kah yang sesuai di-letak ka-atas M.C.A. di-Malaysia Barat dan S.C.A. di-Malaysia Timor, padahal dua² parti itu ada-lah tetap parti orang China atau ada-kah kerana kedua-nya anggota Perikatan jadi di-sembungikan nama China dan S.U.P.P. itu Parti Pembangkang; jadi nama China itu di-besar²kan untuk menakut²kan kaum² ra'ayat lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya alami untuk timbangan bersama. Pertama, Kerajaan Perikatan menyerahkan hutan² di-dalam kawasan bumiputera di-Negeri Sarawak kapada orang² asing, atau saudagar² luar negeri, itu ia-lah di-anggap ra'ayat sa-bagai merampas hak ra'ayat kerana hutan² itu, Tuan Yang di-Pertua, menurut adat orang² ulu sa-bagai Bank² Ra'ayat Bumiputera untuk penghidupan hari².

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan menembak dan membunuh ra'ayat dengan tidak tentu kesalahan, ia-itu mengancam keamanan kerana ra'ayat jadi huru-hara di-sebabkan timbul perasaan dendam-mendendam di-antara satu sama lain.

Kedua dan Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan meninggikan mutu kaum yang tertentu dan merendahkan mutu kaum lain; itu ada-lah memecah-belahkan ra'ayat yang juga boleh membawa kapada membencikan Kerajaan Malaysia. Jadi, semua yang saya sebutkan tadi tidak ada S.U.P.P. membuat-nya, tetapi parti itu menerima tuduhan kominis. Parti yang benar² membuat kerja² itu mendapat nama baik dan kebanyakan dari pemimpin-nya di-beri pangkat tinggi dan gelaran nama besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap bagini tidak-lah ada niat hendak menjatuhkan mutu negeri Malaysia, tetapi mahu tahu sa-benar-nya ke'adilan berjalan dengan lancar di-kalangan seluruh ra'ayat untuk keagongan nama Malaysia yang merdeka dan berdaulat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ragu² di-atas perkataan Yang di-Pertuan Agong yang pernah di-lafadz oleh pembesar² dan pemimpin² Malaysia yang mengandongi 11 buah negeri di-Malaysia Barat dan 2 negeri di-Borneo ia-lah “Merdeka, lagi berdaulat”. Di-dalam pendapat saya yang di-maksud dengan erti-kata sa-benar-nya “Merdeka lagi berdaulat” itu ada-lah satu negara, satu bangsa dan satu bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan-nya memang tetap dengan satu nama ia-itu Malaysia. Bangsa kita juga dengan satu nama ia-itu warganegara Malaysia, tetapi bahasa kita belum satu lagi, ya’ani ada negara menggunakan Bahasa Kebangsaan di-dalam urusan kerja, yang lain bahasa Inggeris dan ada pula bahasa China atau lain² bahasa bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, maka menimbang di-atas keadaan ini, pada pendapat saya, ada-lah tidak sesuai negara kita ini menerima sanjongan bertaraf merdeka lagi berdaulat itu, kerana belum lengkap dasar² yang tertentu tadi. Ini juga menjadi tanda tanya, ia-itu adakah sebab maka-nya Parlimen ini tidak dapat bertindak mengujudkan Bahasa Kebangsaan itu di-gunakan sa-rentak di-seluruh Malaysia dengan tidak menunggu keputusan Dewan Negeri² seperti di-Sarawak itu?

Tuan Yang di-Pertua, pada hal Parlimen di-kala mengesahkan Undang² Dharurat di-Sarawak untuk menjatuhkan Dato’ Stephen Kalong Ningkan dari jawatan Ketua Menteri Sarawak tidak mesti menunggu keputusan Council Negeri Sarawak, dan dengan mudah sahaja Dewan Ra’ayat ini mengubahkan Perlembagaan itu. Maka ada-kah Dewan Ra’ayat ini segan bertindak demikian terhadap soal Bahasa Kebangsaan, kerana takut dengan satu gulongan yang menyokong Malaysia di-Sarawak berpaling tadah sebab tidak bersetuju dengan bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan?

Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya, ya. Maka apa-kah ada erti-nya gulongan itu memberi sokongan kepada Malaysia dengan tidak menghormati Perlembagaan Malaysia yang satu dari-nya mengandongi Bahasa Kebangsaan

dan yang rasmi bagi-nya ia-lah bahasa Melayu, maka kalau-lah benar² semua-nya penerangan saya ini, ada-lah erti pemimpin² kaum di-Sarawak sa-lama ini yang melaong²kan sokongan mereka kepada Malaysia itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah dari hati yang tulus ikhlas, tetapi untuk faedah atau muslihat masing² mereka sendiri. Di-pehak Kerajaan Alliance Pusat juga tidak-lah ada erti-nya akuan mereka yang mengatakan negara Malaysia ini di-bentok dengan kehendak orang ramai, segala pemimpin² agong itu takut bertindak dengan terang² mengujudkan chorak, “Satu negara, satu bangsa dan satu bahasa”.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya menentang Perlembagaan negara itu ada-lah perbuatan subversive, maka kenapa dengan mengetahui orang², atau gulongan² kaum yang terang² menghalang ujud-nya satu bahasa, satu bangsa yang rasmi bagi negara kita Malaysia ini tidak di-tudoh sa-wajarnya? Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sebab-nya orang² yang menghalang itu dari ahli² parti yang memerintah, maka pemimpin² Kerajaan Alliance menutup mulut? Saya berkata bagini kerana dengan belum tentu apa² kesalahan, kalau pada pehak Parti Pembangkang, walau pun tidak menentang Perlembagaan, maka dengan mudah sahaja Kerajaan menuduhkan sa-suatu kesalahan ka-atas mereka, pada hal sabilangan ahli² Parti Pembangkang juga ada-lah terdiri dari bumiputera dan keseluruhan-nya ra’ayat Malaysia. Adakah perbuatan membeda² ini termasuk di-dalam istilah kata² “adil dan ma’amor”?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi? Biasa-nya di-beri 7½ minit sahaja.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Ada sedikit lagi. Ini butiran yang menudoh harta ra’ayat. Saya suka menerangkan supaya Dewan ini pandai menimbangkan kemudian hari kelak, jikalau tidak di-keluarkan terhadap apa yang di-siasat oleh ketua di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, pehak Sarawak Alliance Party yang telah berlaku di-Malaysia Timor dengan

nyata-nya harta² orang ramai yang di-beri sagu hati atau hadiah. Untuk sa-orang yang berpangkat Penghulu dan menyokong Sarawak Alliance Party. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan keadaan² tempatan. Di-Long Ikang di-mana telah berlaku dalam pemberian lesen sawmill untuk orang ramai di-buatkan hanya untuk sa-orang Penghulu itu sendiri. Area Hutan 4, Tempatan Bukit Area 2, Tempatan Area Paya untuk lesen² di-berikan dan juga wang tunai \$5,000 untuk Penghulu Long Ikang sendiri yang di-berikan oleh Kerajaan Perikatan untuk sa-orang Penghulu bagi membena jalan raya hanya untuk dia sa-orang sahaja, maka orang² yang ada di-Pengkalan Long Ikang, ulu dan hilir tidak ada di-beri bantuan apa² untuk orang ramai di-tempatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pehak saya ada di-beri tahu oleh orang ramai, memang ada meminta bantuan bagi bangunan sa-buah Pusat Perubatan di-Kawasan Long Ikang tetapi tidak mendapat bantuan. Dan Tempatan Long Ikang, Ulu Long Ikang ada Rumah² Panjang Long Banyok dan Hilir Long Ikang, Lugan Sebung dan ada Long Kiput, Kuala Tutoh dan dari Sungai Tenjar dan nama Sungai Peking, yang ulu-nya berdekatan dengan jalan rayanya pergi ka-Long Ikang ada tiga buah Rumah Panjang. Tempatan itu ada tujuh buah Rumah Panjang, mempunyai penduduk lebih kurang 2,400 orang umat manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya menerangkan di-dalam Dewan Ra'ayat ini yang mana-kah yang di-agong²kan oleh Kerajaan Perikatan Sarawak Alliance Party yang ada menyatakan untuk membawa ra'ayat Malaysia bekerjasama. Maka gambaran²-nya, Tuan Yang di-Pertua, telah di-terangkan dengan perbuatan terhadap ra'ayat jelata atau ra'ayat bumiputra di-tempatan masing².

Tuan Yang di-Pertua, gambaran Tempatan Sungai Apoh, Simpang Sungai Tutoh, enam buah Rumah Panjang tempatan Ulu Sungai itu, maka pehak² saya ada meminta Ranchangan Pembangunan untuk mendirikan sa-buah Pusat Perubatan di-Tempatan Bangunan Long Atip

di-Rumah Penghulu Tama Paya Anyi dan Ulu Hilir Long Atip semua-nya ada penduduk² atau jiwa manusia ada lebih kurang 3,000 orang dan gambaran² ini yang di-tunjokkan di-tempatan yang telah berlaku dari kekuasaan Kerajaan Sarawak Alliance Party terhadap ra'ayat Malaysia Timor di-tempatan kawasan saya sendiri dan ada juga saya menerima surat² report² dari tempatan kawasan mereka masing² di-serahkan kepada saya untuk meminta penjelasan Dewan Ra'ayat ini. Terima kaseh banyak.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Keadilan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sarawak itu, ia-itu Tuan Tama Weng Tinggang Wan atas ucapan-nya yang panjang lebar mengenai beberapa aspek politik dan juga masalaah Bahasa Kebangsaan dan masalaah pembangunan dalam negara kita.

Kerajaan sendiri tidak pernah menudoh bahawa S.U.P.P. itu ada-lah parti khas untuk orang China sahaja. Tudohan² yang di-limparkan oleh pemimpin² parti di-Sarawak merupakan tudohan politik ia-itu satu gulungan yang besar daripada ahli² di-dalam S.U.P.P. itu memang terdiri daripada kaum keturunan China. Ini tidak dapat di-nafikan. Di-dalam Council Negeri Sarawak, mithal-nya, semua ahli² S.U.P.P. terdiri daripada orang² keturunan China. Di-dalam Dewan Ra'ayat daripada empat orang Ahli S.U.P.P. tiga daripada-nya keturunan China, sa-orang sahaja daripada bumiputra. Jikalau S.U.P.P. sa-benar-nya mengamalkan konsep tidak memandang kepada masalaah keturunan kepada mana² bangsa, kenapa tidak ada sa-orang daripada Iban di-pileh, tidak ada sa-orang daripada Melayu di-pileh, tidak ada sa-orang daripada bangsa lain di-pileh untuk menjadi wakil di-dalam Dewan Ra'ayat ini daripada Ahli S.U.P.P.? Ini masalaah parti tidak menyentuh masalaah Kerajaan. Dan begitu juga di-sini kita mempunyai Parti M.C.A., di-Sarawak kita mempunyai S.C.A. Kerajaan tidak

pernah menyembunyikan dan tidak pernah menipu ra'ayat bahawa M.C.A. itu bukan Parti China. Dengan terus terang M.C.A. itu bererti Malayan Chinese Association; begitu juga S.C.A. di-Sarawak berma'ana Sarawak Chinese Association, S.U.P.P. sa-balek-nya berma'ana Sarawak United People Party, tetapi sungguh pun dengan nama-nya demikian pada keseluruhannya S.U.P.P. berchorak lebeh lagi racialist daripada parti² yang lain di-dalam negara Malaysia ini.

Memang benar Kerajaan ada menuduh beberapa orang, bukan semua Ahli² S.U.P.P. kebanyakan daripada-nya berketurunan China kominis, banyak daripada mereka itu telah ditangkap dan di-tahan oleh sebab perbuatan sabversif. Kita tidak mengangap Ahli Yang Berhormat ini kominis. Kita tidak mengangap rakan²-nya yang di-dalam Dewan Ra'ayat ini kominis. Saya sendiri kenal dengan mereka dan saya perchaya mereka benar² perchaya kepada demokrasi, tetapi mereka telah membenarkan diri mereka itu di-gunakan oleh puak² sabversif untuk kepentingan puak² sabversif yang mempunyai ta'at setia bukan kepada negara Malaysia, tetapi kepada Mao Tze-Tung. Kita lihat beberapa buku yang kita dapat di-beberapa chawangan² S.U.P.P. yang mendewa²kan ajaran kominis. Ini keterangan yang boleh di-beri oleh Kerajaan. Jika Ahli Yang Berhormat itu mahu bila² sahaja dia boleh pergi melihat beberapa surat² itu di-Pejabat Polis di-Kuching.

Berkenaan dengan masaalah hutan di-Sarawak, Kerajaan Pusat tidak ada mempunyai sedikit kuasa pun tentang pemberian lesen kepada sa-siapa jua pun di-negeri Sarawak. Ini ada-lah hak kuasa Kerajaan Negeri sa-mata². Sekarang ini baharu kita dengar Ahli Yang Berhormat ini mengemukakan aduan-nya kepada Dewan Ra'ayat ini tentang masaalah ini. Masa British dahulu beratus² ribu ekar telah di-beri oleh British. Satu daripada-nya bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Enche' James Wong telah dapat berapa ratus ribu ekar ketika British dahulu, tetapi saya tidak mendengar tentangan

daripada Ahli Yang Berhormat itu ketika itu. Sekarang dalam Malaysia kita dengar tentangan. Memang tujuan Kerajaan Perikatan—Kerajaan Pusat supaya anak negeri sendiri akan mengechap nikmat hasil² bumi dan mengechap faedah² daripada kemerdekaan yang telah kita chapai menerusi Malaysia. Sa-telah Malaysia beberapa orang bumiputra di-Sarawak telah dapat lesen² untuk mengusahakan kayu balak, tetapi malang-nya, agak-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat lesen. Beberapa orang rakan-nya di-Berang sendiri kawasan daripada daerah tempat Ahli Yang Berhormat ini telah mendapat lesen dengan pengetahuan saya sendiri. Kita tidak dapat memberi lesen walau pun kita berkuasa dalam negeri Sarawak kepada semua ra'ayat. Lesen itu mesti di-beri kepada beberapa orang sahaja. Tidak ada sa-buah negara pun yang boleh memberi kepada semua ra'ayat tiap² faedah² yang ada dalam negeri-nya saperti kayu balak, atau pun lombong² dan yang lain², tetapi bukan-lah bererti bahawa kita tidak menjaga kepentingan ra'ayat dalam negeri Malaysia ini.

Berkenaan dengan ranchangan pembangunan yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada sa-orang Penghulu di-kawasan Long Ikang yang dapat \$5,000 untuk membuat jalan, bukan-lah berma'ana jalan itu untuk sa-orang Penghulu itu sahaja, ia-lah berma'ana-nya jalan yang di-buat itu dapat di-nekmati, dapat di-gunakan oleh sakalian anak² Penghulu itu. Apakah sebab-nya Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada Long Ikang menerusi Penghulu ini, chuma Kerajaan Negeri Sarawak sendiri sahaja-lah yang dapat menjawab, oleh sebab soalan ini tidak timbul dan saya tidak ketahu² lebeh awal, maka saya tidak mempunyai kesempatan untuk memberi jawapan yang tepat atas sebab²-nya bantuan ini di-salorkan menerusi Penghulu di-Long Ikang saperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagitu juga masaalah lesen sawmill. ini juga kuasa Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Pusat. Kerajaan Perikatan tidak bertujuan untuk meninggikan mutu ekonomi gulongan yang tertentu

sahaja. Ahli Yang Berhormat itu tentu telah mendengar di-dalam Dewan ini beberapa perbelanjaan yang kita minta daripada Dewan ini untuk di-luluskan untuk menjalankan ranchangan pembangunan negara. Saya sendiri di-bawah Kementerian saya telah menerangkan dengan jelas lebih daripada satu jam perbelanjaan² yang akan di-belanjakan di-Sarawak untuk menjalankan ranchangan² tanah. Kebanyakan daripada mereka itu ada-lah terdiri daripada orang Iban, bukan daripada orang China atau pun orang Melayu. Bukan-kah ini satu tanda bahawa kita serious dalam usaha kita untuk membantu ra'ayat yang susah dalam Sarawak. Jikalau Sarawak tidak masuk Malaysia, harus ra'ayat² yang di-dalam bandar itu tidak akan mengechapi nikmat² yang sekarang mereka rasai dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung tinggi ucapan rakan saya Ahli Yang Berhormat Tuan Tama Weng Tinggang Wan mengenai negara kita patut-lah kita benar² mengamalkan konsep satu negara, konsep satu bangsa dan konsep satu bahasa. Saya berharap pendirian ini di-ikuti oleh parti Ahli Yang Berhormat itu. Memang telah menjadi dasar Kerajaan Perikatan kita semenjak sa-belum merdeka dahulu lagi hendak menubuhkan satu negara ia-itu negara Malaysia, satu bangsa ia-itu ra'ayat Malaysia dan satu bahasa ia-itu Bahasa Kebangsaan, dan ini ada-lah termaktub di-dalam Perlembagaan Malaysia.

Saya sangat sukachita menerima sokongan daripada Ahli Yang Berhormat ini, kepada beliau saya mengucapkan tahniah. Saya sangka perkataan Merdeka lagi berdaulat yang mengikut Ahli Yang Berhormat telah selalu di-lapadzkan itu tidak-lah payah hendak kita tafsirkan kerana maksudnya itu telah salah di-mengertikan, saya perlu menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu negara Merdeka ia-lah sa-buah negara yang di-perintah oleh ra'ayat-nya sendiri menerusi wakil-nya dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini dan dengan tidak menerima arahan dan pengaruh daripada luar dan negara

yang berdaulat itu ada-lah negara yang di-akuī oleh negara² asing. Ini ada-lah keadaan yang sa-benar-nya terhadap Kerajaan Malaysia sekarang ini.

Berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris di-Negeri Sarawak, ini telah di-kaji sa-belum Sarawak masuk Malaysia lagi. Memorandum daripada S.U.P.P. pun menghendaki bahasa Inggeris supaya di-gunakan satu daripada Bahasa Rasmi di-negeri Sarawak. Sekarang Ahli Yang Berhormat ini mahu supaya kita menggunakan 100% Bahasa Kebangsaan. Saya sungguh² menjunjung tinggi seruan Ahli Yang Berhormat itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat menggunakan pengaruh-nya terhadap parti-nya supaya parti-nya boleh menyokong, boleh menyuarakan di-dalam Council Negeri Sarawak supaya Council Negeri Sarawak bersetuju untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan 100% dalam Negeri itu, jika boleh. Jika tidak, seperti yang di-gunakan di-dalam Malaysia Barat ini. Kita terpaksa mengikut Perlembagaan. Dalam Fasal 161 ada termaktub, ia-itu sa-lama 10 tahun sa-telah Malaysia di-tubuhkan di-negeri Sarawak berhak menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai Bahasa Rasmi, di-gunakan dalam Majlis Undangan Negeri, di-guna untuk maksud² rasmi yang lain. Jika pertukaran di-kehendaki, pertukaran itu chuma boleh di-ikuti, chuma boleh menjadi sah jika di-benar oleh Majlis Undangan Negeri atau pun Council Negeri Sarawak. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu akan menang di-dalam Pilihan Raya akan datang masuk dalam Majlis Council Negeri Sarawak dan jika beliau masuk menjadi Ahli Council Negeri Sarawak, saya harap beliau akan bersuara dalam Council Negeri Sarawak mendesak Kerajaan Negeri Sarawak ketika itu kelak supaya mengikut seperti semua Negeri² di-dalam Malaysia Barat ini. Kerajaan Perikatan terutama-nya Kerajaan Pusat tetap mematohi kepada Perjanjian yang telah di-buat dan kepada Perlembagaan dan ada-lah di-harapkan apabila tiba masa-nya kelak Kerajaan Negeri² Borneo akan mengikut jejak Negeri² dalam Malaysia

Barat dengan menerima Bahasa Kebangsaan sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal. Dan kapada Ahli Yang Berhormat itu saya berseru jika sa-kira-nya beliau kelak sampai masa-nya bekerjalah bersama² dengan Kerajaan Pusat kita supaya kita dapat mendaulkan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal saperti juga hasrat daripada Ahli Yang Berhormat ini.

Saya suka menerangkan di-sini bahawa Kerajaan Pusat kita tidak pernah mengubahkan Perlembagaan Negeri Sarawak. Perlembagaan negeri Sarawak tetap tidak berubah saperti biasa. Apa yang telah berlaku ketika kejatuhan bekas Ketua Menteri Sarawak, Dato' Stephen Kalong Ningkan ia-lah keadaan dharurat telah timbul dan Dewan ini telah meluluskan Undang² Dharurat itu yang membolehkan Kerajaan untuk menjagakan keselamatan, atau pun mengelakkan daripada perkara yang tidak di-ingin timbul di-dalam Negeri Sarawak itu.

Kerajaan memang menganggap ia-itu perbuatan menentang Perlembagaan ada-lah sa-bagai perbuatan subversive, dan tindakan tegas tetap akan di-ambil ka-atas sa-siapa jua pun sama ada mereka daripada Parti Pembangkang, atau pun mereka yang mengaku menyokong Perikatan. Jikalau mereka itu menentang Perlembagaan, menentang Undang² negara kita tidak khuatir untuk mengambil tindakan yang tegas.

Kita ada-lah sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab kapada semua ra'ayat kapada negara kita, bukan kita memandang daripada segi keselamatan perbezaan di-antara ahli Parti Perikatan atau pun ahli Parti Pembangkang. Jikalau sa-orang itu benar² dia ahli Perikatan bersetuju dengan prinsip² Parti Perikatan, dia tidak akan menjalankan kerja² subversive yang akan merosakkan negara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya bagaimana yang kita telah lihat perbuatan² subversive ini datang-nya kebanyakan-nya daripada ahli² beberapa buah Parti Pembangkang termasuk Parti S.U.P.P. di-Sarawak dan Parti Buroh di-Malaysia Barat.

Sa-kali lagi sa-belum saya mengakhiri jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kaseh atas ucapan sokongan ahli ini kapada penggunaan bahasa kebangsaan di-seluruh Malaysia sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal, terima kaseh.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri kawan saya, ia-itu Menteri Ke'adilan ini. Beliau telah berkata bahawa S.U.P.P. sa-orang sahaja bumiputera yang menjadi Ahli Dewan Ra'ayat, oleh sebab banyak ahli² S.U.P.P. yang terdiri daripada bumiputera. Dia telah menakut²kan dan membesar²kan nama S.U.P.P. parti China, Parti Komunis, dan sebab itu-lah ra'ayat yang lain takut. Dia dahulu menjadi sa-orang lawyer; saya tahu dia chukup bijak dalam perkara ini; dia membawa kes² jahat dalam negeri itu. Sebab itu-lah saya menerangkan supaya di-adakan pilehan raya untuk memuaskan hati ra'ayat. Belum tahu S.U.P.P. menang kerana sokongan daripada ra'ayat yang banyak, mana tuju-nya, tentu-lah di-Malaysia. Apa yang dikatakan menentang Malaysia, tiap² meshuarat saya berdiri mengaku warga-negara Malaysia, berdo'a di-sini, memang keturunan saya semenjak dari nenek saya pemerintah siapa dahulu, memang dia bawa ra'ayat bersatu tidak mahu berpecah-belah. Saya ucapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Ke'adilan yang memberi ucapan. Dia belum tahu sa-benar-nya kerana masa ini pendek; jika ada peluang besok saya akan tunjukkan satu² yang mengatakan S.U.P.P. komunis. Saya berharap tolong tunjukkan siapa itu komunis. Tunjukkan orang itu, bawa saya tengok, baharu-lah saya akui. Ini sebutkan komunis apa jalan komunis saya pun ta' tahu. Saya punya parti di-namakan komunis, orang yang salah itu, mital-nya sa-saorang itu ada lima orang anak, sa-orang yang bersalah, ada-kah patut sebutkan nama bapa-nya yang bersalah, sebab itu-lah kami yang menjadi Ketua Parti tidak senang mendengar-nya. Di-Rumah Panjang macham² di-sebutkan, dalam Radio

Sarawak, menyebutkan S.U.P.P. komunis. Bukan-kah Radio itu menjalankan untok kebaikan, kesihatan kapada ra'ayat tetapi menudoh S.U.P.P. yang banyak. Ini-lah saya mahu terangkan di-Dewan ini. Kalau betul² komunis, saya-lah yang dahulu lari, apa guna-nya dudok di-situ.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:

Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 10 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 9.10 malam.